


Jilid III  
Bil. 16



Hari Selasa  
20hb Jun, 1989

**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
**PARLIAMENTARY DEBATES**

**DEWAN RAKYAT**  
*House of Representatives*

**PARLIMEN KETUJUH**  
*Seventh Parliament*

**PENGGAL KETIGA**  
*Third Session*

**KANDUNGANNYA**

**PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:**

Cuti kepada Ahli-ahli—Kebenaran:

Y.B. Dato' Abu Hassan bin Haji Omar

(Kuala Selangor)

Y.B. Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun

(Limbawang)

Y.B. Dato' Mohamed bin Rahmat

(Pulai)

[Ruangan 2809]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 2810]

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN  
MESYUARAT 18:**

Perjudian di Negara ini diharamkan—Y.B. Tuan Haji Ibrahim bin Ali  
(Pasir Mas) [Ruangan 2924]

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**  
[Ruangan 2929]

## **KANDUNGANNYA—(samb.)**

### **RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Pendaftaran Juruukur Bahan (Pindaan) 1967  
[Ruangan 2932]**

**Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1988 dan 1989) [Ruangan 2949]**

### **USUL-USUL:**

**Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 4) 1988, dan  
[Ruangan 2960]**

**Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1) 1989**

**Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 3000]**

### **UCAPAN PENANGGUHAN:**

**Jabatan Pendaftaran Negara di Sabah—Ketidakcekapan:**

**Y.B. Tuan Fung Ket Wing (Sandakan) [Ruangan 3001]**

**Akta Keselamatan Dalam Negeri—Memansuhkan:**

**Y.B. Tuan R. Karpal Singh (Jelutong) [Ruangan 3007]**

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KETIGA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K. (I) (JOHOR); S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P., D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, 'Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kerjaraya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI DATIN PADUKA RAFIDAH Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

- Yang Berhormat Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN, S.S.A.P. (Merbok).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).
- „ Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.H.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK KASITAH BIN GADDAM, P.G.D.K. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOP BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Menteri Buruh, DATO' LIM AH LEK (Bentung).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., J.M.N., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VLJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J, (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO NG CHENG KUAI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR Sm ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN Osu BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- " Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR Tmo CHEW PEH (Gopeng).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit-Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR, (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).

- Yang Berhormat DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N.,  
B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „, TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala  
Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „, TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE Tsu (Tawau).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „, TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K.  
(Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „, TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „, DATO' ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N.  
(Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N.,  
A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „, TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).

Yang Berhormat TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).

- „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambangan).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., p.s. (Kuala Kerai).
- „ TUAN HAJI MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YUSOFF BIN HAJI ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAPAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.J. (Limbawang).

Yang Berhormat TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).

- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ TUAN ONG TEE KEAT (Ampang Jaya).
- „ DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN M.G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).

- Yang Berhormat TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE. P.S.D., P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P. (Tambun).
- PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR' (Tebrau).
- DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

**DEWAN RAKYAT****PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman,  
D.P.M.P., J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

**BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN**

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

*Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdui Samad.

**BENTARA MESYUARAT**

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**

**Selasa, 20hb Jun, 1989**

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

**DOA**

(Tuan Yang di-Pertua *mempe-*  
*ngerusikan Mesyuarat*)

**PENGUMUMAN TUAN YANG  
DI-PERTUA**

**Cuti kepada Ahli-ahli—Kebenaran:**

**Y.B. Dato' Abu Hassan bin Haji Omar**  
(Kuala Selangor)

**Y.B. Tun Datu Haji Mustapha bin Datu**  
**Harun (Limbawang)**

**Y.B. Dato' Mohamed bin Rahmat**  
(Pulau)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan ini iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb April, 1961, saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat di bawah Perkara 52 (2) Perlembagaan Persekutuan kepada—

- (i) Y.B. Dato' Abu Hassan bin Haji Omar, Ahli Parlimen bagi kawasan Kuala Selangor dari 19hb Jun sehingga 29hb Jun, 1989;
- (ii) Y.B. Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun, Ahli Parlimen bagi kawasan Limbawang dari 19hb Jun hingga 25hb Jun, 1989; dan
- (iii) Y.B. Dato' Mohamed bin Rahmat, Ahli Parlimen bagi kawasan Pulau dari 19hb Jun hingga 4hb Julai, 1989.

**JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**VISIT MALAYSIA YEAR  
1990**

**1. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim** minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan:

- (a) berapakah perbelanjaan Kerajaan dan swasta untuk menjayakan "Visit Malaysia Year 1990" dan apakah matlamat dasar tersebut dari segi jumlah pelancong yang diharapkan dalam tahun 1990 dan dari segi jumlah pendapatan kepada industri pelancongan negara bagi tahun tersebut; dan
- (b) apakah kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh Kerajaan khususnya dari segi mendapat kerjasama daripada semua pihak yang terlibat dalam industri pelancongan.

**21. Tuan Chew Kam Hoy** minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan:

- (a) jumlah pendapatan dari segi pelancongan kepada penambahan dalam pendapatan negara bagi tempoh 1980 hingga 1988;
- (b) apakah rancangan-rancangan yang diambil dalam projek "Tahun Melawat Malaysia

1990" demi memanfaatkan sektor pelancongan negara khususnya dan ekonomi negara pada amnya; dan

- (c) jumlah kewangan yang diperuntukan untuk rancangan "Tahun Melawat Malaysia 1990".

21-6-89

**6. Tuan Hu Sepang** minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menerangkan mengapa "Orang Hutan" dipilih sebagai mascot untuk Tahun Melawat Malaysia 1990 dan bukannya penyu (leatherback turtles) yang telah menjadi simbol pelancongan seperti digunakan dalam persidangan PATA dan juga dalam Sukan SEA tahun ini.

22-6-89

**20. Tuan Samson Chin CheeTsu** minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan jumlah kos penyelenggaraan yang telah diperuntukkan sebagai persediaan "Kunjungan Malaysia Tahun 1990" dan program-program utama sehubungan dengan perkara tersebut.

23-6-59

**10. Tuan R. Karpal Singh** minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi memastikan supaya "Lawat Negara Malaysia Tahun 1990" berjaya.

26-6-89

**18. Tuan Douglas Uggah Embas** minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan peruntukan yang diberi kepada tiap-tiap negeri di seluruh negara untuk membantu mereka dalam persiapan menyambut "Tahun Melawat Malaysia 1990".

27-6-59

**17. Tuan Ahmad bin Omar** minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan Malaysia menyatakan:

- (a) apakah langkah yang telah dan akan diambil bagi memastikan hotel-hotel di negara ini tidak menaikkan kadar sewa bilik lebih tinggi sehingga boleh menjejaskan minat pelancong-pelancong ke Malaysia menjelang Tahun Melawat Malaysia; dan
- (b) setakat manakah usaha yang telah dijalankan bagi menjayakan Tahun Melawat Malaysia di seluruh negara.

**49. Tuan Nurnikman bin Abdullah** minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan apakah persediaan-persediaan yang telah dibuat oleh Kerajaan bagi menyambut "Tahun Melawat Malaysia" tahun depan. Berapakah belanja yang diperlukan untuk menyempurnakan Kempen "Melawat Malaysia" itu.

25-6-59

**5. Tuan Ting Chek Ming** minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan apakah langkah-langkah diambil untuk menggalakkan pelawat bagi projek "Tahun Melawat Malaysia 1990".

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan (Tuan Abdul Raman bin Suliman):** Tuan Yangdi-Pertua, pada sidang mesyuarat Dewan Rakyat kali ini terdapat beberapa Ahli Yang Berhormat telah mengemukakan pertanyaan yang hampir-hampir sama dan berkaitan dengan program Tahun Melawat Malaysia 1990 seperti yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kedah. Mereka ialah Yang Berhormat Tuan Chew Kam Hoy, soalan No. 21 pada hari ini; Yang Berhormat Tuan Hu Sepang

(21hb Jun 1989); Yang Berhormat Tuan Samson Chin Chee Tsu (22hb Jun 1989); Yang Berhormat Tuan R. Karpal Singh (23hb Jun 1989); Yang Berhormat Tuan Douglas Uggah Embas (26hb Jun 1989); Yang Berhormat Tuan Nurnikman bin Abdullah (27hb Jun 1989); Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Omar (27hb Jun 1989); dan Yang Berhormat Tuan Ting Chek Ming (28hb Jun 1989).

Oleh yang demikian, izinkan saya menjawab pertanyaan-pertanyaan tersebut sekali gus pada petang ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Tuan Abdul Raman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, tujuan Kerajaan mengadakan program Tahun Melawat Malaysia 1990 ialah untuk:

- (i) memperkenalkan Malaysia sebagai satu destinasi pelancongan di negara-negara tertentu yang dikenalpasti sebagai kawasan pasaran berpotensi;
- (ii) menambah bilangan kedatangan pelancong ke Malaysia dengan kadar pertambahan sekurang-kurangnya sebanyak 10% setahun mulai tahun 1990;
- (iii) menggalakkan pelancong-pelancong tinggal lebih lama dan berbelanja lebih pada tiap-tiap hari di negara ini supaya pendapatan tukaran wang asing dari pelancongan dapat ditingkatkan. Ini akan dapat dicapai dengan mengadakan berbagai acara dan aktiviti menarik di sepanjang tahun;
- (iv) menggalak dan mempopularkan aktiviti-aktiviti kebudayaan dan kesenian Malaysia serta meningkatkan tarikan-tarikan pelancongan yang sedia ada di negara ini; dan
- (v) menggalak dan meningkatkan lagi kesedaran rakyat Malaysia terhadap tarikan pelancongan negara dan menggalakkan mereka melancong di negara sendiri.

Mengikut statistik, jumlah pelancong yang melawat Malaysia serta sumbangannya kepada pertukaran wang asing telah bertambah dari tahun 1980 hingga 1988 seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah Pelancong ke Malaysia (Juta orang)</i>	<i>Jumlah Pendapatan (\$ Juta)</i>
1980	2.250	713
1981	2.533	1,001
1982	2.775	1,131
1983	2.927	1,329
1984	2.947	1,426
1985	3.109	1,543
1986	3.217	1,669
1987	3.359	1,795
1988	3.617	2,007

Dianggarkan seramai lebih 4 juta pelancong akan melawat Malaysia pada tahun 1990 melibatkan pertukaran wang asing sebanyak \$2,575 juta. Ini merupakan matlamat Kementerian bagi menjayakan Tahun Melawat Malaysia 1990.

Bagi menjayakan program ini, bagi sepanjang tahun 1990, beberapa program yang dijangka dapat menjadi daya tarikan kepada pelancong telah diatur seperti acara-acara perayaan, pameran, pertunjukan, pertandingan dan kegiatan dalam bidang kesenian, kraftangan, kebudayaan dan sukan.

Di samping acara-acara di atas, Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan juga mengatur program-program membangunkan dan memperlengkapkan tempat tumpuan pelancong dengan kemudahan-kemudahan yang sempurna dan menarik di samping menyedarkan rakyat tentang industri pelancongan dan memperingatkan mereka tentang

persediaan yang sebaik-baiknya di dalam menyambut pelancong di tahun 1990 dan tahun-tahun selepasnya.

Kementerian juga sedang mengatur program bersama-sama dengan pihak swasta yang terlibat di dalam industri pelancongan tentang persediaan yang harus dilakukan khususnya di bidang-bidang pengangkutan dan penginapan.

Mengenai jumlah perbelanjaan Kerajaan bagi menjayakan Tahun Melawat Malaysia, termasuk pemberian/bantuan kepada Kerajaan Negeri, ianya masih lagi belum diputuskan dengan tepat, kerana masih lagi di peringkat perundingan dengan pihak Perbendaharaan Malaysia. Walau bagaimanapun, setakat ini sebanyak \$2.5 juta telah diperuntukkan bagi tujuan melaksanakan promosi awal atau publisiti tentang Tahun Melawat Malaysia 1990.

Mengenai perbelanjaan daripada pihak swasta, setakat ini pihak Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan tidak dapat memberikan jumlahnya kerana tidak mempunyai maklumat mengenainya. Walau bagaimanapun berdasarkan kepada beberapa kerjasama yang telah dan akan diberikan oleh pihak swasta khususnya di dalam kesungguhan mereka menjadi penaja kepada beberapa program Tahun Melawat Malaysia, satu jumlah yang besar akan dibelanjakan oleh pihak swasta untuk bersama-sama menjayakan Tahun Melawat Malaysia.

Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan pada masa ini tidak menghadapi sebarang masalah khususnya dari segi mendapatkan kerjasama daripada pihak-pihak yang terlibat di dalam industri pelancongan.

Semenjak program Tahun Melawat Malaysia 1990 dilancarkan dengan rasminya pada 1-11-1988 yang lalu, semua pihak yang terlibat sama ada

daripada agensi Kerajaan atau pihak-pihak swasta telah menunjukkan minat dan memberi kerjasama yang amat menggalakkan khususnya di dalam program Tahun Melawat Malaysia 1990 yang bertujuan untuk menjadikan Malaysia sebagai satu destinasi pelancongan yang menarik di samping menimbulkan "kesedaran" terhadap pelancongan kepada masyarakat umum.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian memang sedar bahawa kadar sewa hotel yang tinggi boleh menjejaskan kedatangan pelancong ke negara ini menjelang Tahun Melawat Malaysia. Dalam hal ini Kementerian telah mengadakan perbincangan dan menasihati pengusaha-pengusaha hotel supaya tidak menaikkan kadar sewa hotel masing-masing kerana dari segi jangka masa panjang, ia akan lebih menguntungkan pihak berkenaan, dan juga negara.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai maskot "Orang Utan", terlebih dahulu suka saya memaklumkan kepada Yang Berhormat dari Rasah bahawa "Orang Utan" bukannya maskot untuk Tahun Melawat Malaysia, tetapi ianya adalah merupakan maskot negara. Maskot "Orang Utan" juga bukanlah bertujuan untuk menggantikan penyu yang selama ini digunakan oleh pihak Perbadanan Kemajuan Pelancongan. Perbadanan Kemajuan Pelancongan atau TDC akan terus menggunakan penyu sebagai lambang di bidang pelancongan.

"Orang Utan" dipilih sebagai maskot negara berdasarkan kepada perkara-perkara berikut:

- (i) "Orang Utan" merupakan antara haiwan yang paling cerdik dan boleh ditunjuk ajar,
- (ii) "Orang Utan" merupakan haiwan yang unik yang hanya terdapat di negeri-negeri

Sabah dan Sarawak serta Kalimantan dan Sumatera, Indonesia sahaja, dan

- (iii) perkataan "Orang Utan" adalah perkataan bahasa Melayu yang sudahpun terkenal di seluruh dunia.

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Setiausaha Parlimen Kementerian memberitahu setakat manakah tarikan yang ada tanpa usaha-usaha membebankan wang yang banyak untuk orang melawat negara kita ini. Dan bolehkah Kementerian memberitahu "Visit Malaysia 1990", dengan izin, kenapakah tahun ini dinamakan "Tahun Visit Malaysia" sedangkan kita perlu kepada pelancong-pelancong tanpa menamakan mana-mana tahun. Kenapa pula Tahun 1990 sahaja kita hendak orang melawat sedangkan negara-negara lain seperti Amerika Syarikat, England dan Switzerland, orang melawat tanpa mana-mana tahun.

**Tuan Abdul Raman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai tempat-tempat pelancongan memang Malaysia mempunyai banyak potensi dan tempat-tempat pelancongan yang sedia ada. Cuma kita mesti mempertingkatkan lagi produk-produk pelancongan ini supaya ianya lebih menarik. Harus diingatkan bahawa tugas Kementerian ini ialah untuk memperkenalkan Malaysia di luar negeri dan sebab itulah peruntukan yang pada anggapan Kerajaan tidaklah begitu besar, di mana kita gunakan untuk memperkenalkan Malaysia di luar negeri itu lebih dahulu. Kemudian dengan kemudahan-kemudahan yang ada di dalam negara kita sudah tentulah ianya akan memberi kesan kepada pelancong-pelancong untuk datang ke negara kita.

Mengenai mengapa Tahun 1990 dipilih, saya suka hendak memberitahu kepada Yang Berhormat yang berkenaan bahawa bukan kita minta pelancong datang ke negara kita pada tahun 1990 sahaja. Tetapi ini adalah satu daripada caranya. Kita hendak memperkenalkan Malaysia kepada pelancong-pelancong luar negeri. Kerana pada pandangan Kementerian, kita haruslah memulakan satu tindakan yang boleh mendatangkan kesan yang bersungguh-sungguh kepada Malaysia. Sebab itulah kita harus memulakan satu tapak bagi memperkenalkan Malaysia dengan lebih baik lagi dan bukan kita hanya menghendaki tahun 1990 itu sahaja pelancong-pelancong datang ke negara kita. Seperti jawapan saya yang awat tadi iaitu kita mengharapkan pada tahun 1990 kedatangan pelancong akan meningkat 10% dan tahun-tahun selepas itu - 1991, 1992 dan seterusnya supaya bertambah meningkat lagi kerana ia adalah merupakan satu pendapatan yang lumayan kepada sebuah negara.

**Tuan Haji Ghazali bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengatakan bahawa maskot negara yang dipakai kepada "Orang Utan". Tidakkah dahulu TDC telah menggunakan penyu yang pakai cermin mata hitam yang penyu ini sudah merajuk menyebabkan pantai Terengganu kurang penyu mendarat. Apakah dengan "Orang Utan" ini pula nanti kalau di Sabah dan Sarawak, mereka akan menyeberang tinggalkan Sabah dan Sarawak. Dan tidakkah maskot itu boleh tersinggung perasaan orang di negara kita lebih membayangkan "Orang Utan" ini. Tidakkah ada maskot yang lain yang boleh dipilih yang lebih sesuai dan lebih nampak kepada dunia luar bukan menunjukkan "Orang Utan" itu dan kita pernah disebut dahulu yang kita pernah duduk di atas pokok. Ini pula "Orang Utan" yang ditunjukkan oleh Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan kita.

Yang kedua, bagaimanakah strategi yang disusun oleh Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan dalam menarik pelancong luar negeri. Apakah bentuk kempen yang telah dibuat menerusi agensi-agensi ataupun oleh Kerajaan sendiri. Dan di manakah negara-negara yang boleh menarik pelancongan ini, negara-negara manakah yang dapat banyak ditarik untuk datang ke negara kita. Dan yang keliganya .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Dua sudah cukup Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ghazali bin Ahmad:** Terima kasih.

**Tuan Abdul Raman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya tidaklah tahu bahawa penyu sudah merajuk, sebab kita tidak sedar bahawa ada penyu yang merajuk. Begitu juga saya hendak membetulkan Yang Berhormat iaitu sebab "Orang Utan" itu bukan kita, dan kita itu bukan "Orang Utan" maka dengan sebab itu kita pilih "Orang Utan". Dan kita harap juga supaya Ahli-ahli Yang Berhormat memainkan peranan untuk menerangkan supaya "Orang Utan" itu janganlah diterjemahkan. Biarlah "Orang Utan" itu dengan nama "Orang Utan". Kalau diterjemah nanti jadi "jungle people" atau macam-macam yang maknanya berlainan. Jadi, sebab itu saya sebutkan iaitu "Orang Utan", ejaannya pun lain iaitu "*Orang Utan*" tidak "Orang Hutan". Inilah yang kita pakai.

Mengenai soal sirategi, inginlah saya maklumkan kepada Yang Berhormat sekalian iaitu strategi kita di samping kita menambahkan lagi promosi-promosi penggalakan ke luar negeri dari setahun ke setahun dan kita juga menjalankan umpamanya salah satu ialah mengadakan Tahun Melawat Malaysia. Ini merupakan satu daripada strategi kita untuk memperkenalkan Malaysia. Kita yakin dengan strategi-strategi yang dijalankan dan ditingkatkan seperti penggalakan promosi ke

negara-negara yang kita beri tumpuan di dalam senarai negara-negara keutamaan bahawa pelancong-pelancong akan datang lebih ramai ke negara kita. Sebab itu dalam penggalakan ini saya beritahu, kita mempunyai negara-negara yang kita beri keutamaan pertama, kedua dan ketiga.

### KOMPLEKS KARGO DI LAPANGAN TERBANG PULAU PINANG

**2. Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Pengangkutan menyatakan bilakah kerja-kerja membina sebuah Kompleks Kargo udara bernilai \$17 juta di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas akan bermula dan sama ada Kerajaan Persekutuan bercadang untuk mewartakan kawasan ini sebagai Zon Perdagangan Bebas sebagai menyahut seruan yang dibuat oleh Penang Freight Forwarders Association demi mempercepatkan penghantaran kargo.

**Timbalan Menteri Pengangkutan Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah bersetuju Kompleks Kargo di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dibina dan dibiayai oleh Penerbangan Malaysia (MAS). Pada ketika ini, MAS adalah dalam proses menyelesaikan urusan tanah bagi kawasan yang telah pun dikenalpasti untuk projek tersebut. Peruntukan yang mencukupi telah pun disediakan oleh MAS. Projek ini: dijangka akan dimula pelaksanaannya pada penghujung tahun 1989 dan dijangka akan siap pada pertengahan tahun 1991. Berkenaan dengan mewartakan kawasan ini sebagai Zon Perdagangan Bebas, Kerajaan pada masa ini tidak ada cadangan untuk berbuat demikian. Bagaimanapun sekiranya terdapat keperluan untuk berbuat demikian kelak, Kerajaan boleh menimbangkan cadangan tersebut.

**Tuan Teoh Teik Huat:** Boiehkah Timbalan Menteri beritahu jumlah tonnage barangan import atau export yang dikendalikan oleh Lapangan-terbang Pulau Pinang itu dan apakah kapasitinya selepas kompleks baru dibina?

**Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai tonnage saya tidak ada butir-butir mengenainya tetapi Kargo Kompleks ini akan mengandungi warehouse seluas 50 ribu kaki persegi, dua blok bangunan untuk ejen dan material handling equipment.

#### MAJLIS PERUNDINGAN EKONOMI NEGARA— KEMAJUAN

**3. Tuan Ahmad bin Omar** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) kemajuan yang telah dicapai oleh Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MPEN) sehingga ini;
- (b) adakah terdapat rintangan-rintangan yang menghalang kelicinan Majlis ini; dan
- (c) sejauh manakah Majlis ini memberi penekanan kepada faktor-faktor penghalang pelaksanaan DEB seperti rasuah, pilih kasih dan dadah dan apakah faktor-faktor lain yang dititikberatkan.

**70. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah tujuan dan bidang kuasa Majlis Perundingan Ekonomi Negara dan Bidangkuasanya;
- (b) setakat ini apakah perkara-perkara yang telah dibincangkan oleh majlis tersebut dan sudahkah perkara-perkara dalam (i) di atas terlaksana;

(c) bilakah jangkamasa yang ditetapkan oleh Kerajaan untuk MPEN menyiapkan urusannya berakhir; dan

(d) sejauh manakah jaminan Kerajaan bahawa seluruh keputusan dan cadangan MPEN mengenai DEB akan diterima oleh Kerajaan.

26-6-59

**7. Tuan Chek Ming** minta Perdana Menteri menyatakan sebab mesyuarat N.E.C.C. tidak boleh diheboh kepada umum. Apakah sebab-sebab yang hendak disembunyi oleh Barisan Nasional.

27-6-89

**1. Tuan Mohamad bin Abdullah** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapa kalikah Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MPEN) telah mengadakan mesyuaratnya dan adakah perkara-perkara yang dibincangkan di dalam mesyuarat-mesyuarat tersebut memberikan hasil yang baik kepada Negara; dan
- (b) apakah wakil-wakil daripada parti-parti pembangkang di dalam MPEN seperti PAS, DAP dan lain-lain telah memberikan fikiran-fikiran yang membina di dalam mesyuarat-mesyuarat tersebut atau mereka hanya bermain politik dan membangkitkan isu-isu yang sensitif.

29-6-59

**23. Dr Abdul Hadi bin Derani** minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah perjalanan Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MPEN) dalam usaha untuk mengesyorkan Dasar Ekonomi Negara bagi menggantikan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh majlis tersebut.

**Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama soalan-soalan daripada Yang Berhormat bagi kawasan Simunjan pada hari ini, bagi kawasan Batu Gajah pada 26 Jun 1989, bagi kawasan Maran pada 27 Jun 1989 dan bagi kawasan Kota Setar pada 29 Jun 1989 sekali gus kerana soalan-soalan yang dikemukakan oleh semua Yang Berhormat tersebut saling berkaitan iaitu mengenai Majlis Perundingan Ekonomi Negara.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Perdana Menteri:** Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MPEN) yang ditubuhkan oleh Kerajaan adalah bertujuan untuk mengadakan satu forum di mana rakyat dari berbagai latar belakang dan kepentingan mendapat peluang mengemukakan hasrat dan pandangan mereka mengenai pencapaian pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) serta penggabalan dasar baru selepas 1990. Bidang kuasa Majlis pada asasnya adalah untuk mengkaji pelaksanaan dan masa depan Dasar Ekonomi Baru serta mengemukakan cadangan dasar ekonomi negara selepas 1990. Majlis diberikan jangkamasa selama satu tahun untuk menyiapkan urusannya dan mengemukakan laporan kepada Kerajaan.

Setakat ini, MPEN telah mengadakan sidang pleno sebanyak 5 kali iaitu pada 19 dan 20 Januari 1989, 14 dan 15 Februari 1989, 28 dan 29 Mac 1989, 26 dan 27 April 1989 dan 23 dan 24 Mei 1989. Di samping itu, MPEN juga telah menubuhkan 5 Jawatankuasa bagi mengkaji prestasi pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dari segi pembasmian kemiskinan, penyusunan semula masyarakat, ekonomi negara dan pembangunan antarabangsa, pengutipan metodologi dan analisa data dan maklumat serta pembangunan sumber tenaga manusia. Jawatankuasa-jawatankuasa ini telah mengadakan

mesyuarat-mesyuarat yang berasingan dan semuanya sedang giat menyiapkan laporan masing-masing untuk dikemukakan kepada sidang pleno.

Persoalan sama ada tujuan dan bidang kuasa Majlis sudah terlaksana atau memberikan hasil tidak timbul buat masa ini kerana perbincangan Majlis masih dalam tahap pertama iaitu mengkaji prestasi pelaksanaan aspek-aspek DEB. Setakat ini, tiada sebarang halangan atau masalah yang timbul yang boleh mengganggu urusan Majlis. Semua persidangan dan mesyuarat-mesyuarat jawatankuasa Majlis berjalan dengan licin. Kerajaan memang tidak akan campurtangan dalam mana-mana perbincangan Majlis demi memberi penuh kebebasan kepada MPEN menyiapkan tanggungjawabnya. Terserahlah kepada ahli-ahli Majlis untuk memainkan peranan dan menunaikan tanggungjawab mereka.

Berkaitan dengan soal data dan maklumat yang terlibat, pentadbiran Kerajaan yang berkuasa menerima dan mengetahui maklumat yang diterima oleh Majlis Perundingan Ekonomi Negara ialah Unit Perancang Ekonomi sebagai urusetia, Kementerian-kementerian dan agensi-agensi yang menjadi pakar rujuk serta agensi-agensi lain yang ada kaitan dengan maklumat yang diberikan. Sebagaimana yang telah dipersetujui dan dinyatakan dalam Urusan Persidangan Majlis, semua perbincangan Majlis adalah tertutup dan ahli-ahli Majlis adalah bertanggungjawab merahsiakan segala maklumat dan bahan-bahan perbincangan Majlis serta tidak mengumumkan kepada mana-mana pihak di luar MPEN. Peraturan ini dibuat semata-mata untuk memberi sepenuh kebebasan kepada Majlis berbincang dengan fikiran terbuka dan dari hati ke hati.

Maklumat-maklumat yang diberikan kepada ahli-ahli MPEN adalah setakat yang boleh dikeluarkan oleh

Kerajaan. Ahli-ahli MPEN tidak harus mengambil sikap bahawa hanya Kerajaan yang bertanggungjawab mengeluarkan data dan maklumat bagi tujuan MPEN. Jika ahli-ahli Majlis tidak berpuashati dengan maklumat Kerajaan, adalah menjadi tanggungjawab mereka untuk mengemukakan data dan maklumat sendiri bagi menyokong dan membuktikan pandangan-pandangan yang mereka berikan.

Sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Kerajaan sebelum ini, Kerajaan bersedia menerima cadangan-cadangan pihak Majlis yang diasaskan kepada "consensus".

**Tuan Lim Kit Siang:** Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberi jaminan bahawa Kerajaan akan memberi kerjasama kepada MPEN khasnya daripada segi memberikan maklumat-maklumat, data-data yang ada dalam tangan Kerajaan yang ada diminta oleh MPEN atau Jawatankuasa-jawatankuasa tetapi Jabatan-jabatan Kerajaan atau Kementerian-kementerian berkenaan enggan untuk memberi maklumat-maklumat atau data-data untuk membolehkan MPEN membuat satu penilaian atau kajian pelaksanaan DEB termasuk asas-asas kriteria semacam garisan kemiskinan yang digunakan supaya satu kajian pelaksanaan boleh dibuat dengan lebih mendalam?

Kedua, adakah pendirian Yang Berhormat Menteri Kebudayaan dan Pelancongan mengenai bahasa yang digunakan di dalam MPEN dan Jawatankuasa-jawatankuasa dapat diresduti oleh Kerajaan untuk mencampur tangan dalam urusan MPEN dan adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar apabila ada sebilangan anggota-anggota MPEN yang dilantik, mereka tidak fasih dalam Bahasa Malaysia dan kalau mereka tidak dibenarkan untuk menggunakan bahasa Inggeris, tentulah mereka

tidak boleh membuat sumbangan yang sepenuhnya kepada urusan MPEN dan adakah Kerajaan menasihatkan, baik pun Yang Berhormat Menteri Kebudayaan dan Pelancongan atau lain-lain pemimpin-pemimpin, tokoh-tokoh Kerajaan supaya janganlah campur tangan dalam perkara semasa ini?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan bersedia untuk memberi sebarang maklumat yang ada kepada Kerajaan, melainkan maklumat-maklumat yang ditafsir sebagai sehsitif dan mungkin menimbulkan bermacam-macam masalah daam negara kita yang berbilang kaum ini. Namun demikian, sebahagian daripada maklumat-maklumat ini boleh dianalisa oleh masing-masing untuk menentukan supaya maklumat yang diperlukan oleh mereka dapat ditentukan oleh mereka sendiri. Seperti yang saya sebutkan tadi, kita tidak menghaiang mana-mana pihak untuk mengumpul daripada luar Kerajaan ataupun daripada mana-mana punca maklumat-maklumat mereka sendiri dan terpulanglah kepada MPEN sama ada untuk menerima ataupun tidak menerima segala maklumat-maklumat yang disampaikan oleh anggota-anggota mereka.

Berkenaan dengan soal bahasa, saya ingin mengingatkan bahawa kita telah merdeka selama lebih daripada 30 tahun dan kita percaya bahawa dalam masa 30 tahun, mereka yang tidak faham Bahasa Malaysia sudahpun berkurangan dan kalau digunakan bahasa lain, maka sebahagian pula daripada ahli-ahli MPEN itu sendiri tidak akan faham kerana mereka cuma fasih dalam Bahasa Malaysia. Justeru itu bahasa rasmi MPEN ialah bahasa Kebangsaan (*Tepuk*). Kalau ada ahli yang ingin bercakap dalam bahasa lain daripada Bahasa Kebangsaan, janganlah salahkan sesiapa kalau dianya tidak difahami oleh sebahagian daripada anggota MPEN sendiri.

Kita tidak campurtangan dalam perkara ini, hanya kita bertanggungjawab untuk menegaskan bahawa Bahasa Kebangsaan ialah Bahasa Malaysia. (*Tepuk*)

**Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman;** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah MPEN diberi garis panduan supaya menitikberatkan penduduk luar bandar atau sektor luar bandar di dalam kajiannya serta laporannya yang mana kelak akan digunakan oleh Kerajaan untuk menggubal dasar ekonomi selepas 1990 kerana pada masa ini masih jelas penduduk-penduduk luar bandar ketinggalan di dalam bidang ekonomi?

**Perdaria Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, garis panduan yang diberi kepada MPEN ialah garis panduan yang umum iaitu mengkaji pencapaian Dasar Ekonomi Baru dan membentuk dasar ekonomi selepas tahun 1990. Sama ada MPEN akan memberi perhatian kepada soal luar bandar atau tidak, adalah terpulang kepada anggota-anggota MPEN sendiri. Pemilihan anggota MPEN dibuat sedemikian rupa supaya semua pihak termasuk mereka yang bertanggungjawab terhadap pembahagian luar bandar ada bersama dalam MPEN dan jika keputusan dibuat secara "consensus", saya yakin bahawa pandangan terhadap pembangunan luar bandar akan mendapat layanan yang sewajarnya.

#### PROTON SAGA DIEKSPORT KE UNITED KINGDOM

**4. Tuan Hsing Yin Shen** minta Perdana Menteri menyatakan berapakah unit Proton Saga telah diekспорт ke United Kingdom. hingga hari ini dan berapakah unit kereta tersebut telah dijual di U.K. Majalah "Autocar Motor" telah menyatakan bahawa Proton Saga tidak merupakan ancaman besar kepada kekukuhan pasaran kereta

Eropah dan Jepun di situ, apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian beliau untuk menjadikan Proton Saga kereta yang lebih persaingan di U.K.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, sehingga 30hb Mei, 1989 sebanyak 3,615 unit Proton Saga telah diekспорт ke United Kingdom. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 2,011 unit Proton Saga telah dijual (registered sale) semenjak ia dilancarkan pada bulan Mac 1989. Untuk membolehkan kereta Proton Saga bersaing di United Kingdom Proton akan mengambil langkah-langkah berikut:

- (i) memastikan harga Proton Saga di United Kingdom sentiasa kompetitif;
- (ii) mengadakan program khidmat sokongan dan khidmat selepas jualan yang menyeluruh (comprehensive); dan
- (iii) sentiasa sensitif kepada cita rasa dan keutamaan (preference) pengguna-pengguna di United Kingdom.

**Tuan Ngoi Thiam Woh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberitahu berapakah harga "ex-factory" yang kita jual Proton Saga ini ke United Kingdom, Bangladesh, Amerika Syarikat dan negara-negara lain dan apakah keuntungan bersih yang boleh diperolehi daripada penjualan sebuah kereta Proton Saga ini?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat memberi angka yang tetap, tetapi harga eksport adalah harga yang mana tidak melibatkan cukai-cukai dalam negeri seperti yang dikenakan kepada kereta-kereta yang dijual di dalam negeri. Namun demikian, saya difahamkan bahawa tiap-tiap satu penjualan memberi keuntungan kepada pihak Proton, jika tidak Proton tidak akan

mengekspot. Harga yang dijual di luar negeri biasanya lebih tinggi daripada harga yang dijual dalam negeri.

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nampaknya banyak unit kereta Proton Saga telah dijual kepada negara-negara lain adakah pihak Proton dapat menerima apa-apa komplek daripada negara-negara asing seperti mechanical defects ataupun lain-lain komplek terhadap Proton Saga kita? Jika ada, apa langkah-langkah yang akan kita ambil untuk memperbaiki keadaan ini?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, sejak kita menjual lebih daripada 5,000 buah kereta Proton Saga di luar negeri, kita telah menerima dua komplek berkenaan dengan perkara yang kecil yang dapat diatasi dengan serta-merta. Namun demikian, kita bersedia untuk mendengar segala teguran bukan berkenaan dengan mechanical defects ataupun apa-apa, tetapi untuk memperbaiki lagi prestasi penjualan Proton Saga di luar negeri.

#### **BANK PUSAT KERJASAMA BERHAD—PENAHANAN DOKUMEN PERJALANAN PEMINJAM**

**5. Tuan Haji Ibrahim bin Ali** minta menteri kewangan menyatakan apakah jaminan peminjam-peminjam besar Bank Pusat Kerjasama Berhad (CCB) tidak melarikan diri. Senaraikan peminjam-peminjam besar yang passport antarabangsa mereka tidak dirampas oleh pihak berkuasa. Apakah mereka yang terlibat ini sudah membuat bayaran mengikut janji di dalam cadangan mereka sebelum ini.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Loke Yuan Yow):** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan yang agak sama dengan soalan ini telahpun dibangkitkan dalam Dewan ini pada

sesi yang lalu. Walau bagaimanapun sepertimana yang telah dijelaskan, Tuan Yang di-Pertua, untuk memastikan peminjam-peminjam CCB tetap berada di dalam negeri kita, Bank Negara Malaysia telah menaikan dokumen-dokumen perjalanan mereka melalui perintah yang dikeluarkan di bawah Perintah-perintah Perlu (Perlindungan Kepada Pendeposit) 1986. Langkah ini membolehkan Bank Negara Malaysia menjalankan penyiasatan yang rapi ke atas kedudukan pinjaman-pinjaman yang besar dan tidak dibayar balik.

Mengikut amalan pengurusan bank yang biasa, Bank Negara Malaysia tidak boleh mendedahkan nama peminjam-peminjam CCB kecuali dokumen-dokumen perjalanan mereka telah ditahan dan nama-nama mereka telah diwartakan di bawah Perintah-perintah Perlu (Perlindungan kepada Pendeposit) 1986.

Ramai dari peminjam-peminjam CCB telah mengemukakan cadangan pembayar balik pinjaman yang sesuai atau masih mengadakan rundingan dengan pihak penerima bagi menentukan jadual pembayaran balik pinjaman mereka. Di samping itu, ramai juga di antara peminjam-peminjam tersebut yang telah membuat pembayaran balik pinjaman sebagaimana yang telah dipersetujui.

**Tuan Zubir bin Embong:** Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini ada satu kes yang melibatkan Bank Pusat Kerjasama Berhad dengan peminjam dan difahamkan bahawa dalam kes itu Bank Pusat Kerjasama Berhad telah gagal untuk mendapatkan "changement" terhadap peminjam tersebut atas alasan bahawa peminjaman itu diberikan bertentangan dengan Akta Syarikat 1965. Apakah Kerajaan sedar akan kes ini dan kalau ianya sedar, atas dasar teknikal yang seperti itu apakah kemungkinan bank akan dapat

memperolehi balik segala pinjaman-pinjaman yang telah diberikan kepada peminjam-peminjam individu?

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar bahawa kes yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi tetapi oleh kerana saya bukan seorang peguam, jadi secara teknikal yang mana masalah teknikal yang telah berlaku bahawa Kerajaan tidak dapat atau Kerajaan gagal dalam kes ini. Walau bagaimanapun, saya akan rujukan kes ini kepada Bank Negara Malaysia dan jika yang Berhormat masih berminat, Bank Negara Malaysia akan memberikan latarbelakang berkenaan dengan kes ini mengapa Kerajaan gagal dalam kes itu.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Walaupun perkara yang sama ini telah dibawa dalam sidang yang lalu, tetapi oleh kerana kes ini merupakan satu kes yang besar yang melibatkan ratusan juta ringgit maka sudah barang tentu kita ingin mengetahui kemajuan yang dicapai setakat ini, maka sebab itu soalan ini dikemukakan untuk mendapat penjelasan secara objektif berapa jumlah pinjaman yang sudah dipungut balik. Itu pertama.

Yang kedua, mengenai dengan kes-kes yang tidak mungkin dapat diatasi menerusi undang-undang, sebagaimana soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kuala Terengganu, yang melibatkan jumlah yang besar. Macam mana jaminan pihak Kerajaan ataupun pihak Kementerian Kewangan untuk memastikan bahawa segala ini dapat dipungut balik oleh pihak Bank Kerjasama bagi kepentingan negara dan rakyat.

**Dato' Loke Yuan Yow:** Tuan Yang di-Pertua, saya faham bahawa Yang Berhormat membangkitkan soalan ini kerana masalah ini adalah masalah yang besar sekali di dalam negara kita dan menarik perhatian tiap-tiap

rakyat. Untuk memberitahu Ahli Yang Berhormat yang berkenaan, berkenaan dengan jumlah pinjaman yang belum dijelaskan. ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang ditanya itu yang telahpun dijelaskan, bukan yang belum!

**Dato' Loke Yuen Yow:** Yang telah dijelaskan hingga bulan Februari 1989 sahaja, oleh kerana soalan yang Berhormat itu kurang jelas, jadi pihak bank Negara tidak mengumpulkan angka-angka yang diperlukan oleh Ahli Yang Berhormat. ....

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta. ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti sekejap! Beri Yang Berhormat Timbalan Menteri. ....

**Dato' Loke Yuen Yow:** Beri saya habiskan dahulu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Walau bagaimana, angka yang saya ada dalam tangan saya ialah angka yang telah dikutip telah dijelaskan oleh peminjam-peminjam sehingga akhir bulan Februari 1989 ialah lebih kurang \$187 juta sama ada melalui penukaran cagaran-cagaran ataupun bayaran-bayaran oleh peminjam-peminjam.

Bagi menjawab soalan tambahan yang kedua, beberapa kes yang besar sekali yang tidak dapat Kerajaan untuk mengambil tindakan menjelaskan pinjaman-pinjaman yang telah diberikan, saya tidak mempunyai angka itu di dalam tangan saya sekarang, tetapi walau bagaimanapun, soalan ini telah diberi perhatian dan Kementerian saya akan memberi jawapan melalui surat.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** *(Bangun)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sudah cukuplah itu.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali;** Sebab Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut tadi soalan saya tidak jelas.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tidak boleh. Yang Berhormat Tuan P. Patto.

(Soalan No. 6 Y.B. Tuan P. Patto tidak hadir)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Chian Heng Kai.

**Tuan Chian Heng Kai:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pertanyaan saya ini sebenarnya menuju kepada Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian, tetapi tiba-tiba sekarang telah menuju kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan, jadi saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat Menteri atau Timbalan Menteri Pendidikan boleh jawab atau tidak boleh. Kalau tidak boleh. . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tanyakanlah sahaja, biarlah mereka itu menjawab (Ketawa).

**Tuan Chian Heng Kai:** Oleh kerana ini mungkin maklumat-maklumat yang dikehendaki itu. . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Dengan dahulu!

**Tuan Chian Heng Kai:** Baik, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ke 7.

#### KOLEJ SELATAN—PENUBUHAN

**Tuan Chian Heng Kai** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada Kementeriannya sudah menerima segala maklumat dari pihak Kolej Selatan berhubung dengan permohonan bagi mendaftarkan kolej itu. Jika ya, sila sebutkan:

- (a) tarikh penerimaan maklumat tersebut;
- (b) perkembangan permohonan terbaharu; dan

jika tidak, sebutkan maklumat yang belum diterima.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad):** Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan telah pun memberi kelulusan secara prinsip terhadap penubuhan Kolej Selatan. Bagaimanapun, proses-proses mendaftarkan kolej tersebut hanya dapat dilakukan setelah bangunan-bangunan dan kemudahan-kemudahan serta perkara-perkara lain yang berkaitan telah siap disediakan untuk pemeriksaan dan persetujuan daripada pihak Pendaftar Sekolah-sekolah.

**Tuan Lau Dak Kee:** (Bangun)

**Tuan Chian Heng Kai:** (Bangun)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Pasir Pinji.

**Tuan Lau Dak Kee:** Saya beri , peluang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak boleh!

**Tuan Lau Dak Kee:** Menurut jawapan daripada Timbalan Menteri dikatakan beberapa perkara-perkara belum dapat disiapkan oleh kerana itu pengakuan Kerajaan belum dapat diberikan. Bol hkah Timbalan Menteri berkenaan memberi jawapan yang jelas apa perkara-perkara tersebut yang melarangkan pengakuan itu tidak dapat dikeluarkan?

**Dr Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak silap saya, saya telah menyatakan di sini bahawa ketulusan secara prinsip terhadap penubuhan itu telah diluluskan oleh Kementerian dan kemudahan-kemudahan serta perkara-perkara lain untuk pendaftaran bagi pihak Pendaftar Sekolah yang belum dJsiapkan.

**Tuan Chian Heng Kai:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang lalu Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian memberi jawapan

bahawa oleh kerana ada maklumat-maklumat yang belum diterima, jadi tidak meluluskan permohonan pendaftaran itu. Jadi, saya tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian di sini bahawa sama ada maklumat-maklumat yang dikehendaki itu telah diterima dan kalau telah diterima, bila dan sama ada permohonan itu diluluskan atau belum?

**Dr Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua. . . .

**Tuan Chian Heng Kai:** Saya tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Yang Berhormat itu tidak faham apa maklumat-maklumat yang dikehendaki.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, perkara ini pada fikiran saya adalah di dalam portfolio Kementerian Pendidikan, jadi berhaklah dia menjawab. Silakan.

**Tuan Chian Heng Kai:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan bukan bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, perkara ini adalah di bawah portfolio Kementerian Pendidikan, oleh yang demikian merekalah yang berhak menjawabnya. Yang Berhormat tidak berhak bertanya kepada orang-orang lain yang bukan memegang portfolio itu.

**Tuan Chian Heng Kai:** Tetapi kelulusan permohonan itu bukan dari Kementerian Pendidikan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak boleh berbahas dengan saya, sila duduk. Yang Berhormat hendak jawab, silakan.

**Dr Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjelaskan di sini maklumat-maklumat yang penting untuk kita memberi kelulusan secara prinsip telah kita terima dan yang penting sekali dari segi soalan Yang Berhormat ini bahawa beliau ingin tahu adakah maklumat diterima atau tidak untuk kelulusan ini atau ada diberi atau tidak, itu sahaja.

### HAKISAN TANAH TEBING SUNGAI PERAK

**8. Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin** minta Menteri Pertanian memberi penjelasan sama ada pihak Kementerian menyedari masalah hakisan tanah tebing Sungai Perak dalam Daerah Perak Tengah yang menggugat dan mengancam penduduk-penduduk di beberapa kawasan termasuklah Bangunan Kerajaan (Pejabat Polis Parit), rumah-rumah kediaman, dusun-dusun dan sawah ladang. Apakah tindakan pihak Kementerian untuk mengatasi masalah ini.

**Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian menyedari masalah hakisan tanah tebing sungai berlaku bukan sahaja di Sungai Perak dalam Daerah Perak Tengah tetapi di seluruh negara. Walau bagaimanapun, masalah sungai adalah tanggungjawab negeri dan dalam hal ini Kerajaan Negeri Perak melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Perak sedang memberi perhatian dengan membina "river training tences", dengan izin atau mengukuhkan tebing yang terancam dengan cerucuk bakau.

Dalam tahun 1988 sehingga 1989 sebanyak \$403,910 telah dibelanjakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Perak untuk melaksanakan projek mencegah hakisan dengan mengukuhkan tebing sungai di kawasan Perak Tengah. Sebanyak

\$150,000 lagi telah disediakan bagi maksud yang sama tahun ini dan peruntukan tersebut adalah untuk kerja-kerja mencegah hakisan tebing sungai dekat Balai Polis Parit, Kampung Tuah Lambor Kanan dan di Pulau Cempaka Sari, Parit.

Dan Kementerian Pertanian sentiasa bersedia membantu dengan mengadakan khidmat kepakaran yang wujud di bawah Jabatan Pengairan dan Saliran di peringkat Persekutuan, Negeri dan Daerah.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa mengikut pengalaman dan juga kajian pakar, air tidak takut kepada bakau mati tetapi daripada dahulu sampai sekarang pihak Kerajaan dan juga bukan Kerajaan sering menggunakan bakau untuk menahan hakisan air dan air terus menghakis dan kita terus menggunakan bakau. Air paling takut sekali ialah bakau hidup, makna kata tiap-tiap tempat yang ditanam dengan pokok atau bakau hidup, hakisan tidak akan terjadi dan air dapat dikawal. Jadi apakah pihak Kementerian bercadang untuk memikirkan bahawa hendak menahan hakisan ini tidak lagi menggunakan bakau mati tetapi menggunakan pokok hidup atau pun bakau hidup.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai banyak cara menghalang hakisan ini tetapi sebelum itu sukalah saya nyatakan bahawa hakisan tebing sungai ini ialah fenomena yang terus berlaku pada mana-mana sistem sungai sekalipun. Jadi cara kita bukan sahaja dengan mengguna bakau piling, kita juga mengguna cara "gryones", ejanya pelek sedikit, "g-r-y-o-n-e-s" tetapi disebut sebagai gryones, dan kita juga menggunakan cara "concrete wall" dan di antara itu kita juga memerlukan supaya empunya tanah yang berkenaan, sesiapa jua yang

mempunyai tanggungjawab berhubung dengan kawasan itu, mengurangkan penebangan pokok-pokok di kawasan itu. Ini salah satu daripada caranya. Jadi banyak cara-cara yang ada pada kita tetapi kita melaksanakannya mengikut keadaan yang sesuai, mengikut kesesuaian yang tertentu berhubung dengan keadaan sungai dan aliran air itu sendiri.

## PENYAKIT BARAH

**9. Tuan Haji Mohamed bin Yaacob** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah tindakan Kementerian ini kepada 15,000 kes baru penyakit barah yang dilaporkan setiap tahun. Adakah Kementerian sudah kenalpasti penyakit buah dada dan barah pangkal rahim wanita setakat ini kerana kes itu banyak di negara kita.

**Timbalan Menteri Buruh (Dato' K. Pathmanaban):** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa pengesanan dan rawatan yang awal adalah satu cara yang paling efektif untuk mengurangkan kejadian kes-kes barah. Selaras dengan ini Kementerian Kesihatan sedang mengambil tindakan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai penyakit cancer khususnya cancer buah dada atau breast cancer dan pangkal rahim atau cervical cancer.

Di antara langkah-langkah yang telah diambil ialah:

- (i) Menjalankan pendidikan kesihatan kepada orang ramai melalui kempen-kempen mengenai tanda-tanda serta punca-punca yang boleh menyebabkan penyakit barah seumpamanya tabiat merokok.
- (ii) Penyibaran maklumat-maklumat tentang penyakit cancer melalui poster, risalah, media massa, ceramah dan juga pameran.

- (iii) Mengadakan sesi perbincangan dan dialog dengan beberapa kumpulan yang boleh.
- (iv) Menekankan peri mustahaknya menjalani ujian sasaran awal atau dengan izin, early detection seperti ujian pap-smear untuk barah pangkal rahim dan ujian "mammography" untuk barah buah dada.

Saya suka juga memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat iaitu mengikut kajian yang telah dibuat oleh Kementerian Kesihatan daripada semua kes barah yang dikesan pada tahun 1988 di Hospital-hospital Kerajaan, sebanyak 8.92% adalah barah pangkal rahim dan 9.08% adalah barah buah dada.

**Puan Ling Chooi Sieng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada mengenalpasti breast cancer dan cervical cancer, adakah Kementerian Yang Berhormat mempunyai cukup bilangan mesin atau kelengkapan untuk merawat penyakit-penyakit tersebut? Saya mengetahui satu kes womb cancer di Johor Bahru di mana wanita itu dipaksa untuk menunggu selama dua bulan kerana Hospital Johor Bahru tidak mempunyai mesin itu dan hanya Hospital Universiti mempunyai satu mesin sahaja dan ia digunakan oleh ramai pesakit wanita. Oleh yang demikian pesakit itu tidak dapat rawatan dengan segera. Tuan Yang di-Pertua, soalan saya panjang sedikit dan saya harap Tuan Yang di-Pertua sabar dengan saya. (*Ketawa*) Oleh kerana kes itu adalah serius beliau dapat rawatan di Singapura di mana dia dirawat dengan segera. Soalan saya adakah Kementerian Yang Berhormat menghadapi kekurangan mesin untuk merawat kes-kes penyakit tersebut, kalau ya, macam mana dan bilakah Kementerian dapat menambahkan mesin-mesin tersebut?

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, adalah benar bahawa kemudahan untuk merawat kes-kes cancer ini datam beberapa aspek kes itu adalah terhad di negara Malaysia; begitu juga di banyak negara di muka dunia ini. Kita di Kementerian juga kadangkala menggunakan kemudahan-kemudahan di sektor swasta. Seperti di Penang, kita menggunakan kemudahan rawatan kanser yang terdapat di Hospital Mount Meriam kerana kemudahan-kemudahan ini khasnya alat-alat dan pakar-pakar dalam merawati kanser ini dengan menggunakan alat-alat itu adalah juga terhad dan kita terpaksa optimisekan penggunaannya. Ada kes Hospital Universiti juga dirawat di Hospital Besar Kuala Lumpur. Jadi kita bahagi-bahagikan kemudahan yang terdapat. Jika Ahli Yang Berhormat dapat memberi butir-butir lanjut mengenai kes yang terpaksa tunggu itu di Johor Bahru, saya boleh siasat tentang apa yang telah berlaku.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Kementerian mencadangkan supaya lebih banyak pusat rawatan atau kemudahan-kemudahan rawatan diadakan, misatnya di Johor Bahru, di Pulau Pinang, Melaka dan sebagainya kerana mereka ini terpaksa dihantar ke Kuala Lumpur untuk mendapat rawatan. Dengan itu ini menambahkan workload di Kuala Lumpur. Dan yang kedua, selain daripada kedua-dua jenis insiden kanser yang disebut tadi, adakah insiden yang lain yang terdapat dengan memberi statistiknya. Dan bagaimanakah dengan kempen untuk menggunakan mammography mengesan barah dada?

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, memang hasrat Kerajaan dan Kementerian untuk memperbanyakkan lagi pusat-pusat di mana kita boleh memberi rawatan untuk penyakit barah. Pada masa ini tidak benar bahawa hanya Kuala Lumpur atau Hospital Besar Kuala Lumpur

sahaja mempunyai kemudahan rawatan untuk penyakit barah. Kita mempunyai kemudahan yang moden untuk rawatan penyakit barah di Hospital Besar Kuching sebagai satu kemudahan di rantau sebelah Malaysia Timur dan kita sedang menggunakan kemudahan di Hospital Mount Meriam bagi kawasan Utara Semenanjung Malaysia. Juga, kita sedang menambah kemudahan ini. Juga mengenai angka-angka atau kejayaan mammography, malangnya saya tidak ada angkanya di sini. Saya minta notis.

### RUNGUTAN AHLI KESATUAN BURUH

**10. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad** minta Menteri Buruh menyatakan mengenai rungutan-rungutan ahli-ahli kesatuan buruh terutamanya yang bekerja di ladang-ladang getah terpaksa membayar yuran tiap-tiap tahun sebanyak \$69.00 kepada Kesatuan mereka sedangkan gaji mereka hanya \$300.00 sebulan sahaja dan benarkah Pegawai Eksekutif kesatuan itu menerima gaji dan elaun yang lumayan. Adakah perkara ini akan disemak semula dengan kesatuan berkenaan supaya tidak berlaku penindasan terhadap buruh kita yang miskin.

**Timbalan Menteri Buruh (Tuan Kalakau Untol):** Tuan Yang di-Pertua, pekerja-pekerja yang menjadi ahli Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Ladang (NUPW) sebenarnya membayar yuran kesatuan sebanyak \$6.00 sebulan. Yuran ini ditetapkan selepas mendapat mandat persetujuan pekerja-pekerja berkenaan. Sekiranya mereka yang menjadi ahli NUPW berpendapat kadar yuran keahliannya terlalu tinggi, mereka adalah bebas untuk menurunkan kadar yuran itu jika cadangan tersebut disokong oleh kebanyakan pekerja-pekerja yang menjadi ahli kesatuan tersebut.

Gaji Pegawai Eksekutif NUPW adalah seperti yang ditetapkan mengikut keputusan yang dibuat oleh Persidangan Perwakilan Kesatuan itu yang diadakan sekali dalam tiga tahun. Kerajaan tidak mempunyai kuasa untuk menetapkan kadar gaji pekerja-pekerja yang digaji oleh mana-mana persatuan. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan sentiasa mengawasi untuk memastikan perbelanjaan-perbelanjaan yang dibuat oleh kesatuan-kesatuan sekerja adalah mengikut peraturan-peraturan kesatuan berkenaan dan mematuhi Akta Kesatuan Sekerja 1959.

**Tuan Joe Ojhi Supiring:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setakat ini berapakah jumlah keahliannya dalam Kesatuan NUPW (National Union of Plantation Workers). Soalan kedua, adakah benar bukan sahaja Pegawai Eksekutif yang menerima bayaran gaji, bahkan elected office bearers? Jadi, saya ingin tahu berapa gaji bagi elected office bearers dalam NUPW ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan itu tidak bersangkutan dengan soalan asal. Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Soalan No. 6 dan 11 hingga 71 adalah diberi di bawah ini).*

### TAHANAN ISA DI BAWAH OPERASI LALANG

**6. Tuan P. Patto** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan orang tahanan ISA di bawah Operasi Lalang yang dibebaskan dengan penggantungan perintah tahanan masing-masing yang masih belum dibebaskan dengan sepenuhnya dengan pembatalan perintah tahanan mereka;
- (b) nama mereka dalam (a) di atas;

- (c) sebab-sebab perintah tahanan mereka masih belum dibatalkan walaupun mereka dibebaskan dengan syarat yang bertentangan dengan unsur-unsur demokrasi; dan
- (d) bila mereka akan dibebaskan dengan sepenuhnya.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):** Selain daripada pertanyaan ini, beberapa pertanyaan lain juga telah dikemukakan mengenai Akta Keselamatan Dalam Negeri khususnya berhubung dengan "Operasi Laiang" di sepanjang sesi Parlimen ini.

Pertanyaan-pertanyaan lain itu, di antaranya, adalah daripada Ahli-ahli Yang Berhormat berikut:

<i>Nama</i>	<i>Tarikh Pertanyaan bagi Jawab Mulut</i>
(a) Y.B. Tuan Lim Guan Eng 1989	pada 20, 22, 23 dan 26hb Jun
(b) Y.B. Tuan Haji Bujang Ulis	pada 22Jun 1989
(c) Y.B. Tuan Karpal Singh	pada 23 Jun 1989

Saya memohon menjawab semua pertanyaan tersebut sekaligus.

Sepertimana yang telah dijelaskan beberapa kali dalam Dewan yang mulia ini, sama ada oleh saya sendiri atau oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri, Kerajaan tidaklah bertindak sewenang-wenangnya dalam mengambil tindakan untuk menahan mana-mana orang. Apa yang Kerajaan lakukan adalah demi untuk menjaga suasana dalam negara adalah aman dan tenteram, dan tidak digugat oleh tindakan-tindakan mana-mana pihak yang boleh mencetuskan keadaan huru-hara, ketegangan antara kaum yang mana memudaratkan keselamatan dan kestabilan negara

kita. Jika ini berlaku akibatnya rakyat sendiri akan rugi dan kehidupan awam akan terjejas yang mungkin akan melibatkan pertumpahan darah dan kerosakan kepada harta benda. Ini sudah tentu tidak diinginkan oleh semua orang.

Walaupun pucuk pimpinan sekarang yang telah mengambil alih pemerintahan negara dalam tahun 1981 telah mengamalkan sikap liberal dan positif, namun sikap bertoleransi ini telah disalahertikan sebagai satu kelemahan Kerajaan dan ini telah diguna dan dieksploitasikan oleh berbagai pihak, baik individu atau kumpulan, termasuklah parti-parti politik dan kumpulan-kumpulan pendesak bagi motif dan kepentingan-kepentingan mereka sendiri.

Umpamanya, isu-isu yang amat sensitif kepada kaum-kaum telah diperbesar-besarkan dan berbagai-bagai kritikan dan tuduhan melulu yang bercorak perkauman telah dilemparkan. Selain daripada itu kegiatan-kegiatan pelampau keagamaan telah mewujudkan suasana permusuhan di kalangan rakyat berbagai agama. Untuk mengerohkan suasana lagi, terdapat pula kegiatan kumpulan yang cuba mengambil kesempatan menyebarkan pengaruh dan ideologi komunis-marxist dengan tujuan untuk mengubah struktur sosial dan politik negara ke arah sistem komunis yang mana jelas bertentangan dengan dasar demokrasi dan falsafah negara.

Apakah dalam keadaan negara kita menghadapi berbagai bentuk ancaman yang menggugat ketenteraman awam dan menjejaskan kestabilan dan keselamatan negara Kerajaan harus berdiam diri sahaja? Sebagai Kerajaan yang bertanggungjawab, soal keamanan, keharmonian dan kestabilan negara adalah menjadi kewajiban utama Kerajaan pada bila-bila masa. Tanpa wujudnya suasana yang aman, yang bebas daripada rasa cemburu dan curiga-mencurigai serta

saling berburuk-sangka di antara kaum dalam negara ini, sudah pasti negara kita tidak dapat melahirkan suasana yang boleh menggalakkan pertumbuhan dan pembangunan sosio-ekonomi yang dicita-citakan oleh rakyat jelata.

Banyak tuduhan dan dakwaan yang ditujukan kepada Kerajaan, setengahnya kepada saya sendiri, bahawa penahanan di bawah "Operasi Lalang" ini adalah untuk kepentingan kedudukan saya sendiri. Latar belakang dan fakta-fakta yang ada jelas menunjukkan sebaliknya.

Perlulah saya tegaskan di sini bahawa Kerajaan tidaklah bertindak berdasarkan tekanan dari mana-mana pihak, baik dari dalam mahupun dari luar negeri kerana seperti yang telah saya katakan tanggungjawab menjaga dan menjamin keselamatan negara adalah tanggungjawab Kerajaan.

Soal ketenteraman awam dan keselamatan negara adalah satu perkara yang tidak dapat dikompromikan dengan mana-mana pihak sekalipun, kerana ia adalah urat nadi dan teras kepada kesejahteraan hidup rakyat. Setakat ini, adalah terbukti bahawa tindakan-tindakan Kerajaan itu telah dapat menjamin bahawa keamanan dan kestabilan negara adalah terus terpelihara.

Memandangkan bahawa ada pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang tersebut tadi adalah spesifik yang memerlukan maklumat lanjut yang panjang, maka saya mencadangkan supaya jawapan-jawapan kepada pertanyaan-pertanyaan mereka itu disampaikan secara bertulis kemudian nanti.

**TENTERA MALAYSIA  
DI NAMIBIA—  
PENGHORMATAN**

**11. Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa** minta Menteri Pertahanan

menyatakan negara Mataysia telah diberi penghormatan dalam menjaga keamanan di Namibia, dan anggota pasukan kita telah berlepas ke negara itu sudah tebih dari dua bulan:

- (a) adakah anggota pasukan kita di Namibia dibekalkan berita-berita mass media dari Negara ini semasa/selama bertugas di Namibia;
- (b) apakah keistimewaan yang diberi kepada mereka dan juga kepada keluarga mereka di tanahair, semasa mereka berada di Namibia;
- (c) apakah sambutan masyarakat Namibia terhadap Pasukan Pengamanan kita di sana; dan
- (d) setakat hari ini berapakah jumlah anggota yang berada di Namibia dan dari jumlah itu, adakah anggota kita yang terkorban dalam menjalankan tugas.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Abang Abu Bakar bin Dato Bandar Abang Haji Mustapha):** Terlebih dahulu saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan-soalan dari Ahli-Ahli Yang Berhormat daripada Kota Setar, Marang dan Larut masing-masing dijadualkan pada 21, 22 dan 27 Jun 1989 kerana kesemua soalan tersebut menanyakan perkara yang sama. Anggota Angkatan Tentera kita di Namibia sedang dibekalkan dengan 9 jenis naskah akhbar yang dihantar seminggu sekali. Dengan adanya bekalan akhbar-akhbar tersebut anggota-anggota kita di sana tidak akan ketinggalan mengikuti perkembangan berita semasa tanahair. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, bahawa di samping gaji bulanan, anggota-anggota di Namibia juga diberi keistimewaan untuk menikmati perkara-perkara berikut:

1. Elaun Seberang Laut.

2. Organisasi pasukan yang bersesuaian (misalnya terdapat 2 pegawai perubatan).
3. Peralatan yang baik dan mencukupi.
4. Bantuan lojistik yang baik.
5. Perhubungan radio dan facsimile dari Malaysia ke Namibia dan sebaliknya.

Manakala untuk keluarga yang tinggal pula pihak ATM menyediakan:

1. Bahagian Belakang pasukan yang bertanggungjawab untuk menguruskan segala masalah dan kebajikan keluarga yang tinggal;
2. Markas Brigade sentiasa menyelaraskan dan menyelia tugas dan tanggungjawab Bahagian Belakang pasukan ini dan;
3. Disediakan juga penghantaran maklumat dari Malaysia ke Namibia dan sebaliknya.

Setakat ini prestasi yang ditunjukkan oleh Kontinjen Malaysia di sana adalah sangat membanggakan. Ini telah disampaikan sendiri oleh perwakilan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) kepada Kementerian Pertahanan. Prestasi yang ditunjukkan oleh kontinjen kita bukan sahaja mendapat pujian dari pihak PBB juga dari penduduk Namibia itu sendiri. Perwakilan SWAPO semasa memberi taklimat di PBB pada 2 Jun 89 memuji dan telah mensifatkan pasukan kita sebagai satu pasukan yang tidak bersifat berat sebelah (impartiality) semasa menjalankan tugas. Dengan semangat yang ditunjukkan oleh Kontinjen Malaysia ini saya yakin mereka akan dapat mengekalkan prestasi dan sekali gus mengharumkan nama Negara. Buat masa ini kekuatan Kontinjen Malaysia yang bertugas di Namibia ialah seramai 889 anggota. Alhamdulillah dan Insyaallah tidak ada kemalangan jiwa berlaku. Mengenai penghantaran Kontinjen kedua ke Namibia, ini tertakluk kepada

keputusan dan permohonan pihak PBB. Kerajaan akan sedia menimbang penghantaran misi kedua dan selanjutnya jika perkhidmatan ATM diperlukan di sana.

### **SEKOLAH RENDAH/ MENENGAH DI BANDAR BAYAN BARU**

**12. Tuan Haji Mohamad Subky bin Haji Abd. Raof** minta Menteri Pendidikan menyatakan bahawa memandangkan keadaan bangunan Sekolah-sekolah Menengah dan Rendah seperti di Sungai Nibong, Sungai Ara dan Jalan Tengah sudah tidak dapat menempatkan pelajar-pelajar, oleh itu adakah pihak Kementerian bercadang supaya bangunan baru bagi Sekolah-sekolah Menengah dan Rendah dapat diadakan di Bandar Bayan Baru. Sekiranya ada bilakah projek tersebut akan dilaksanakan, jika tidak mengapa.

**Dr Leo Michael Toyad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan telah pun mengenalpasti satu tapak baru untuk sekolah rendah di kawasan Bandar Bayan Baru untuk cadangan mengadakan sebuah sekolah rendah bagi menampung murid-murid daripada kawasan Bandar Bayan Baru tersebut untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Keenam yang akan bermula pelaksanaannya pada tahun 1991 ini. Untuk makluman lanjut Ahli Yang Berhormat sepertimana di Bandar-bandar besar yang lain begitu juga di kawasan Pulau Pinang, masalah untuk mendapatkan tapak yang sesuai bagi membangunkan kawasan sekolah adalah agak sukar. Walau bagaimanapun, bagi mengatasi keperluan tambahan bilik-bilik darjah Kementerian ini telah pun melaksanakan projek-prpjek tambahan bilik-bilik darjah di sekolah-sekolah yang sedia ada daripada masa ke semasa. Sekolah-sekolah rendah dan menengah yang sedia ada di

sekitaran kawasan Bandar Bayan Baru buat masa ini masih boleh menampung murid-murid daripada kawasan tersebut.

### LAWATAN KE CHINA— KELONGGARAN SYARAT

**13. Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah tindakbalas yang diterima dari negeri Republik Rakyat China apabila Kerajaan Malaysia baru-baru ini membenarkan rakyat Malaysia yang berumur tiga puluh dan ke atas melawat Republik Rakyat China dan sama ada terdapat apa-apa syarat yang dikenakan oleh Malaysia atau Republik Rakyat China jika rakyat dari Republik Rakyat China ingin melawat Malaysia. Apakah langkah-langkah lanjut yang akan diambil supaya meningkatkan lagi hubungan antara Malaysia dan Republik Rakyat China ke tahap "rakyat ke rakyat" dan bukannya cuma henti pada peringkat "Kerajaan ke Kerajaan" sedangkan Republik Rakyat China berkeupayaan menjadi pasaran terbesar bagi barang-barang dagangan Malaysia.

Timbalan Menteri Luar Negeri (**Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan**): Kelonggaran syarat-syarat bagi Rakyat Malaysia untuk melawat Republik Rakyat China (RRC) adalah dibuat berdasarkan matlamat kerajaan untuk mempertingkatkan hubungan dua-hala serta kerjasama di antara Malaysia dan RRC, terutamanya di bidang perusahaan, perdagangan dan pelancongan. Ianya dijangka akan mendatangkan reaksi yang positif daripada pihak RRC kerana kelonggaran yang sesuai juga telah dibuat bagi rakyatnya melawat Malaysia.

2. Kelonggaran-kelonggaran yang diberikan adalah bagi memudahkan peniaga-peniaga Malaysia untuk membuat lawatan perdagangan dan berhubung rapat dengan rakan-rakan perniagaan mereka di RRC, yang

secara langsung dapat melipat gandakan interaksi ekonomi di antara mereka serta menguntungkan kedua-dua negara. Di samping itu ianya juga memberi peluang kepada peniaga-peniaga tempatan untuk bersaing dengan peniaga-peniaga negara lain yang telah pun membenarkan lawatan-lawatan ke RRC secara bebas.

3. Walau bagaimanapun lawatan-lawatan rakyat Malaysia ke RRC atau sebaliknya adalah masih tertakluk kepada beberapa prosidur-prosidur dan peraturan-peraturan keselamatan yang telah ditetapkan.

### BILIK DARJAH DI SEKOLAH-SEKOLAH— KEKURANGAN

**14. Tuan Ngoi Thiam Woh** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) keadaan kekurangan bilik darjah di Sekolah Rendah Kebangsaan, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil pada masa sekarang dan pada masa lima tahun yang akan datang;
- (b) apakah langkah yang telah diambil supaya menjamin peruntukan kewangan yang cukup boleh diperolehi untuk membina bilik darjah untuk menampung permintaan; dan
- (c) sebab-sebabnya harga M\$2 juta diperuntukkan kepada 1,270 buah SRJK(C) dan SRJK(T) untuk projek-projek pembangunan pada tahun ini.

**Dr Leo Michael Toyad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Kementerian Pendidikan sentiasa peka terhadap keperluan tambahan bilik-bilik darjah sekolah rendah di seluruh negara dan pembinaan projek-projek tambahan bilik darjah

sentiasa diberi keutamaan oleh Kementerian ini. Kriteria dan tumpuan pembinaan projek-projek sekarang dan akan datang tidaklah dilaksanakan mengikut aliran sesebuah sekolah berkenaan tetapi berdasarkan kepada keperluan yang mendesak bagi satu-satu kawasan akibat daripada pertambahan murid.

- (b) Bagi pelaksanaan projek-projek pembangunan untuk program pendidikan rendah, perancangan Kementerian ini adalah berdasarkan kepada keperluan sesebuah sekolah, ianya tidak dilaksanakan mengikut aliran sesebuah sekolah. Sebanyak \$800.3 juta telah diperuntukkan bagi tempoh RML (1986-1990) untuk melaksanakan program pembangunan sekolah rendah di seluruh negara dan projek-projek yang sedang dilaksanakan adalah projek-projek yang telah komited dan peruntukan tersebut dijangka akan habis dibelanjakan pada tahun 1990.
- (c) Dalam tempoh (1986-1990) Kementerian Pendidikan diberi peruntukan sebanyak \$26 juta untuk projek-projek sekolah bantuan modal yang meliputi SRJK(C) dan SRJK(T). Peruntukan sebanyak \$2 juta dalam tahun 1989 ini adalah bagi melaksanakan projek-projek bantuan modal yang telah komited dan projek-projek baru. Baki peruntukan tersebut dijangka akan habis dibelanjakan pada tahun 1990. Jumlah \$2 juta yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat adalah merupakan harga sebahagian daripada peruntukan sebanyak \$26 juta tersebut.

## ITM DAN TAR KOLEJ

**15. Dr Eng Seng Chai** minta Menteri Pendidikan menyatakan dengan lebih terperinci mengapakah nasihat dan cadangan Penasihat Kementerian Pendidikan Tan Sri Awang Had Salleh pada 8hb April 1989 menjadikan Institut Teknologi Mara (ITM) Shah Alam dan Kolej Tunku Abdul Rahman (TAR) sebagai Universiti-universiti terbuka tidak boleh diterima dan dilaksanakan oleh Menteriannya.

**Dr Leo Michael Toyad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri Pendidikan telah pun menjelaskan melalui media massa pada 28 April 1989 bahawa Kementerian Pendidikan sebenarnya tidak bercadang untuk melaksanakan cadangan supaya ITM dan KTAR dinaikkan taraf menjadi universiti dan membuka peluang kepada pelajar bukan Bumiputera untuk belajar di ITM.

Sebagaimana yang sedia maklum, ITM ditubuhkan bagi menyediakan pendidikan Bumiputera di peringkat profesional di dalam bidang pendidikan dan teknologi. KTAR pula ditubuhkan di bawah Akta Pelajaran 1961 dan mempunyai surat cara Kerajaan sebagai asas pendirian urusan pentadbirannya, ia mempunyai sebuah Lembaga Pemegang Amanahnya yang tersendiri.

Kementerian Pendidikan tidak bercadang untuk mengambil alih KTAR di bawah kawalan Akta Universiti dan Kolej Universiti. Oleh itu perkara ini tidak berbangkit.

## CUKAI PENDAPATAN—KADAR PELEPASAN

**16. Tuan Haji Basri bin Bajuri** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kuasa beli ringgit kita telah menurun begitu jauh sedangkan pelepasan cukai pendapatan masih pada angka lama iaitu \$5,000/-. Jika ia, adakah beliau

bercadang untuk menaikkan kadar tersebut kepada angka yang lebih sesuai dan jika tidak mengapa.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Perubahan dalam kuasa membeli sesuatu matawang adalah satu perkara biasa kerana ianya adalah dipengaruhi oleh faktor-faktor penawaran dan permintaan terhadapnya di pasaran pertukaran matawang antarabangsa serta perkembangan dalam harga pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, pelepasan cukai pendapatan tidak harus dihubungkan dengan kuasa beli ringgit. Tahap pelepasan cukai pendapatan perlulah dilihat dari segi struktur cukai pendapatan individu keseluruhannya. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pelepasan-pelepasan cukai yang diberi kepada pembayar cukai di negara ini adalah tinggi dibandingkan dengan negara-negara di rantau ini. Seseorang pembayar cukai boleh menikmati jumlah maksimum pelepasan cukai sebanyak \$14,300 yang meliputi:

- (i) \$5,000 untuk diri sendiri;
- (ii) \$2,000 untuk isteri;
- (iii) \$3,800 untuk lima orang anak; dan
- (iv) \$3,500 untuk EPF dan insurans.

Jika pembayar cukai menikmati kesemua pelepasan cukai ini, ia tidak akan membayar apa-apa cukai sekiranya pendapatannya tidak melebihi \$1,192 sebulan. Oleh yang demikian, Kerajaan tidak bercadang untuk menaikkan kadar pelepasan cukai pendapatan individu.

#### **KEMALANGAN KEPALTERBANG DI LEBUHRAYA—PENYIASATAN**

**17. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Pengangkutan memberi satu laporan berkenaan dengan penyiasatan kapalterbang ringan yang jatuh

terhempas di lebuhraya dekat Lapangan Terbang Subang pada 17hb Mei 1989, dan sama ada kejadian terhempas ini dapat dielakkan jika kapalterbang diberi kebenaran untuk mendarat lebih awal; apakah sebab Lapangan Terbang Antarabangsa Subang tidak dikhaskan untuk kapalterbang penumpang perdagangan untuk menjaga keselamatan dan imej antarabangsa.

**Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:** Sebuah Lembaga Penyiasat yang diketuai oleh Inspektor Kemalangan Penerbangan, Jabatan Penerbangan Awam telah pun ditubuhkan. Lembaga Penyiasat masih menjalankan siasatannya dan laporan hanya akan diperolehi setelah Lembaga Penyiasat menjalankan penyiasatannya itu nanti. Oleh yang demikian sebab-sebab kemalangan berlaku hanya akan diketahui apabila taporan kemalangan itu diterima oleh Kementerian. Pada masa ini Kementerian belum mempunyai cadangan supaya penggunaan Lapangan Terbang Antarabangsa Subang dikhaskan untuk kapalterbang perdagangan sahaja. Ini adalah memandangkan Lapangan Terbang Antarabangsa Subang belum lagi mengalami tahap kesesakan penerbangan.

#### **MONTREAL PROTOCOL**

**18. Tuan Gerard Math Lee Min** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar:

- (i) sudahkah Malaysia menandatangani "1997 Montreal Protocol"? Jika belum, bila?
- (ii) apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memperkenalkan undang-undang dan peraturan-peraturan untuk membantu melindungi lapisan ozon.

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze):** Kerajaan telah memutuskan supaya menjadi parti kepada Protokol Montreal. Pihak Kementerian Luar Negeri akan mengambil tindakan untuk menandatangani protokol berkenaan selepas diselesaikan prosidur yang Formal. Ianya akan dilakukan tidak lama lagi.

Negara kita bukanlah pengeluar CFC dan halon dan kita hanya mengimport bahan-bahan kimia ini. Dalam pada itu, usaha sedang dijalankan untuk menentukan bahawa pengimportan bahan-bahan tersebut dicatat dan diawasi. Satu Jawatankuasa Kebangsaan mengenai Perlindungan Lapisan Ozon telah ditubuhkan di bawah Jabatan Alam Sekitar dan dianggotai oleh Jabatan-jabatan yang berkaitan, pihak pekilang, pembekal dan universiti-universiti bagi mengkaji dan mengambil tindakan yang perlu untuk melindungi lapisan ozon. Selanjutnya kerja-kerja sedang dijalankan untuk menentukan dan menetapkan sistem tariff kod Kastam bagi bahan-bahan yang diimport itu dan di mana perlu undang-undang yang sedia ada akan dipinda dan dikemaskinikan.

Kerajaan juga menggalakkan industri-industri baru menggunakan bahan-bahan dan teknologi alternatif selaras dengan hasrat dan matlamat melindungi lapisan ozon.

## BEKALAN AIR DI LADANG

**19. Tuan Haji Mohd. Sharif bin Jajang** minta Menteri Buruh menyatakan berapa banyakkah ladang di dalam negara ini yang belum mendapat bekalan air yang sempurna khususnya dari Jabatan Bekalan Air:

(a) apakah usaha-usaha untuk menyediakan bekalan air tersebut; dan

(b) apakah Kementerian Buruh bercadang mendesak pengu-rusan ladang memperoleh bekalan air dari Jabatan Bekalan Air (JBA) dan jika ada, berapakah bayaran seliter adakah sama seperti kadar yang dikenakan untuk bekalan air luar bandar.

**Dato' K. Pathmanaban:** Hasil tinjauan yang dijalankan oleh Kementerian Buruh baru-baru ini menunjukkan bahawa 462 daripada 1,570 ataupun kira-kira 30% daripada ladang-ladang di Semenanjung Malaysia yang menyediakan perumahan kepada pekerjaanya membekalkan air dari sumber Kerajaan. Sebanyak 459 (29%) ladang lain membekalkan air dari sungai, kolam atau perigi yang ditapis dan diubahi sebelum dibekalkan kepada pekerja-pekerja. Dan sejumlah 649 buah ladang adalah di dalam perhatian pihak Kementerian untuk meningkat taraf tapak pembekalan airnya yang lebih sempurna lagi.

2. Saya ingin menjelaskan bahawa usaha untuk menyedia dan meningkatkan kemudahan-kemudahan asas di ladang-ladang seperti mengadakan bekalan air yang sempurna merupakan tanggungjawab bersama tuan empunya ladang dan agensi-agensi Kerajaan Negeri serta Kerajaan Persekutuan. Prosesnya mengambil masa yang panjang di samping melibatkan kos yang tinggi bagi kedua-dua pihak majikan dan Kerajaan memandangkan sebahagian besar ladang-ladang terletak jauh daripada kawasan yang membangun. Walau bagaimanapun Kerajaan akan berusaha sedaya upaya untuk menyediakan kemudahan bekalan air di ladang-ladang secara berperingkat-peringkat selaras dengan kemampuan tuan empunya ladang dan perkembangan ekonomi negara untuk memajukan sektor perladangan.

3. Kadar bayaran bekalan air ke ladang-ladang adalah sama dengan

bekalan air ke kawasan luar bandar dalam negeri yang sama. Walau bagaimanapun kadar harga adalah berbeza di antara satu negeri dengan negeri yang lain.

### KEMALANGAN DIGILIS KERETAPI

**20. Tuan Haji Mohammad Yussof bin Haji Abdul Latiff** minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah punca yang sebenarnya menyebabkan di akhir-akhir ini ramai orang awam mendapat kemalangan digilis oleh keretapi. Tidakkah Kementerian ada cadangan untuk membuat sesuatu bagi mengatasi masalah tersebut.

**Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:** Saya tegaskan landasan keretapi, serta kawasan di sekitarnya, adalah hanya untuk kegunaan atau laluan tren semata-mata. Pihak awam yang berhajat melintasi landasan keretapi boleh berbuat demikian di tempat-tempat yang dibenarkan atau disediakan bagi maksud ini, iaitu di lintasanrata, jejantas dan jejambat.

Kebanyakan kes gilis tren terdiri dari pejalan kaki serta pemandu basikal dan motosikal yang berada terlalu dekat atau melintasi landasan keretapi ketika tren hampir tiba, tanpa menghiraukan keselamatan diri. Rumah-rumah setinggan yang dibina terlalu dekat landasan keretapi juga adalah salah satu punca kemalangan gilis tren yang melibatkan kanak-kanak.

Usaha-usaha untuk mendidik serta menanamkan semangat sivik di kalangan orang awam supaya lebih berwaspada, menjaga keselamatan diri dan yang penting sekali, hindarkan diri dari berada berdekatan landasan keretapi, khususnya ketika tren sedang menghampiri kawasan di mana mereka berada, hendaklah di pertingkatkan dan diperhebatkan.

Kearah ini adalah menjadi tanggungjawab semua pihak, khususnya pemimpin-pemimpin masyarakat, termasuk Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, untuk berusaha terhadap ini.

*(Soalan No. 21. Sila lihat jawapan No. 1).*

### MESYUARAT KETUA-KETUA KERAJAAN KOMANWEL DI KUALA LUMPUR

**22. Tuan Nurnikman bin Abdullah** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah perkara-perkara yang akan Malaysia kemukakan di persidangan CHOGM yang akan diadakan di Kuala Lumpur pada bulan Oktober akan datang.

**Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Sepertimana lazimnya isu-isu yang akan dibincangkan di dalam Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel adalah berdasarkan kepada agenda yang akan dirangka bersama oleh Sekretariat Komanwel di London dan negara tuan rumah dan kemudiannya akan dimajukan kepada negara-negara peserta untuk mendapatkan pandangan mereka. Bagaimanapun isu-isu yang menyentuh kepentingan antarabangsa dijangka akan dibincangkan misalnya isu apartheid, kawalan senjata nuklear dan "disarmament", masalah-masalah serantau seperti di Asia Tenggara, Pasifik Selatan, Lautan India, Asia Selatan, Karibbean, Amerika Tengah, Timur Tengah dan lain-lain, isu mengenai negara-negara kecil, Hak Asasi Manusia, Ekonomi Antarabangsa, Kewangan dan Beban Hutang, Komoditi dan banyak lagi isu-isu antarabangsa yang lain yang menyentuh kepentingan negara-negara Komanwel.

Pada masa ini Malaysia belum lagi mengemukakan isu-isu untuk dibincangkan di dalam Mesyuarat CHOGM nanti. Walau bagaimanapun

setelah mendapat deraf agenda dari Sekretariat London nanti kita berharap dapat mengemukakan isu-isu yang mempunyai kepentingan bersama masyarakat antarabangsa.

### PROGRAM KHAS PERUMAHAN KOS RENDAH

**23. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menjelaskan:

- (a) apakah "target" 80,000 buah rumah setahun sehingga 1990 telah tercapai. Setakat ini berapa banyak (%) yang telah siap;
- (b) apakah tindakan Kementerian ini terhadap projek-projek perumahan yang terbengkalai dan;
- (c) sila berikan angka tentang jumlah (%) pembinaan rumah di Pantai Barat dan Pantai Timur Semenanjung yang telah sedang dan akan dibina.

Tahun Pertama (Julai, 1986-Jun, 1987) ..  
Tahun Kedua (Julai, 1987-Jun 1988)  
Tahun Ketiga (Julai, 1988-Jun, 1989)

Apakah ianya seimbang, jika tidak, apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengimbangnya.

### Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Lee Kim Sai):

1. (a) Di bawah Program Khas Perumahan Kos Rendah yang dilaksanakan dalam tempoh 3 tahun mulai Julai, 1986 hingga Jun, 1989, sejumlah 873 projek yang melibatkan 309,568 unit telah dikenalpasti untuk pelaksanaan. Jika dilihat dari segi sasaran unit yang dikenalpasti ini, ianya telah menjangkau lebih daripada 80,000 unit setahun atau 240,000 unit dalam tempoh tiga tahun. Sehingga 31-12-1988 berdasarkan kepada sasaran 240,000 unit tersebut sejumlah 17,859 unit (7.4%) telah siap. Butir-butir lanjut mengenai tahap pencapaian projek-projek ini bagi ketiga-tiga tahun adalah seperti berikut:

<i>Siap (Unit)</i>	<i>Dalam Pembinaan (Unit)</i>	<i>Awal Pelaksanaan (Unit)</i>
12,662	37,018	18,838
4,920	31,587	65,165
277	9,661	129,440
17,859	78,266	213,443

- (b) Tindakan Kementerian ini terhadap projek-projek perumahan terbengkalai adalah seperti berikut:

- (i) Mengadakan perjumpaan dengan pembeli untuk memberikan penerangan berhubung dengan tindakan yang perlu diambil bagi memulihkan projek.
- (ii) Meminta pembeli-pembeli menubuhkan Jawatankuasa Pembeli-pembeli.

- (iii) Sekiranya perlu meminta pemaju menyerahkan projek kepada Jawatankuasa Pembeli.

- (iv) Membuat kajian kemungkinan (feasibility study) ke atas projek yang berkenaan dengan mengkaji kedudukan kewangan dan kemajuan pembinaan.

- (v) Mengadakan perbincangan dengan pihak

- bank/institusi kewangan dan agensi-agensi kerajaan yang terlibat.
- fvi) Mengadakan perbincangan dengan piutang-piutang dan
- (vii) Mengawasi dari masa ke semasa di atas kerja-kerja binaan setelah projek dipulihkan.
- (c) (i) Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima (RML) jumlah rumah kos rendah yang telah diluluskan pembinaan (telah, sedang dan akan dibina) bagi negeri-negeri Pantai Barat (Johor, Kedah, Perlis, Melaka, Negeri Sembilan, Selangor, Perak, Pulau Pinang dan Wilayah Persekutuan) adalah berjumlah 101,266 unit (87.5%) berbanding dengan Negeri-negeri Pantai Timur (Kelantan, Terengganu dan Pahang) iaitu berjumlah 14,503 unit (12.5%).
- (ii) Berasaskan kepada angka-angka ini didapati pembinaan rumah bagi Negeri Pantai Barat adalah lebih tinggi daripada Pantai Timur kerana melibatkan bilangan yang lebih banyak iaitu 9 buah negeri berbanding dengan hanya 3 buah negeri di Pantai Timur. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pelaksanaan sesuatu projek perumahan khususnya projek-projek perumahan swasta itu adalah berdasarkan permintaan berkesan terhadap rumah yang akan dibina. Bilangan kecil pembinaan rumah di Negeri-negeri Pantai Timur berbanding dengan Pantai Barat ini bukan bermakna

Kerajaan kurang memberi perhatian terhadap pembangunan perumahan di Negeri Pantai Timur. Ianya juga bergantung kepada permintaan pasaran. Selain dari itu, bagi golongan yang berpendapatan rendah di Negeri Pantai Timur, Kerajaan baru-baru ini telah meluluskan pembinaan sejumlah 1,890 unit lagi rumah di bawah skim kemudahan dan pertapakan, yakni Kelantan: 1,190, Pahang: 300 unit dan Terengganu: 400 unit. Di samping itu Kerajaan juga akan meneruskan pelaksanaan Program Perumahan Awam Kos Rendah yang ditumpukan di kawasan-kawasan luar bandar di semua negeri.

### PENGANIAYAAN TERHADAP KANAK-KANAK

**24. Tuan R. Karpal Singh** minta Menteri Kebajikan Masyarakat untuk menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menyemak dan mencegah penambahan kes-kes kejam terhadap kanak-kanak di dalam negara ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat (Tuan Peter Chin Fah Kei):**

1. Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mencegah penambahan kes kejam terhadap kanak-kanak di negara ini adalah:

- (i) Memberi maklumat melalui rencana dalam akhbar atau massa media mengenai penganiayaan dan mengapa ia tidak harus dilakukan.

- (ii) Meminta jiran-jiran dari ahli masyarakat supaya melaporkan kejadian penganiayaan dan tidak membiarkan kanak-kanak terus dianiaya.
- (iii) Memberi kaunseling kepada keluarga yang diketahui mengalami tekanan supaya anak mereka tidak dijadikan sasaran kekejaman.
- (iv) Menyelamatkan kanak-kanak yang dilaporkan dianiaya dan memasukkan ke Rumah Kanak-Kanak. Usaha mencegah kejadian menganiaya bukan tanggungjawab Kerajaan sahaja. Undang-undang yang ketat sekalipun tidak dapat membantu jika ahli masyarakat tidak memainkan peranannya atau lebih sentitif dengan melaporkan semua kejadian yang berlaku.

**LAWATAN KERJA PERDANA  
MENTERI KE AMERIKA  
SYARIKAT/BRITAIN**

**25. Tuan Haji Mohamed Sam Sailan** minta Perdana Menteri menyatakan faedah dari segi politik dan juga ekonomi hasil daripada misi beliau dan rombongan ke luar negeri baru-baru ini. Adakah beliau berpuashati dari sambutan-sambutan yang beliau terima terutamanya dari pemimpin-pemimpin negara yang dilawat.

**Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Izinkan saya menjawab soalan ini bagi pihak Y.A.B. Perdana Menteri.

Lawatan kerja Y.A.B. Perdana Menteri ke Amerika Syarikat dan Britain telah memberi peluang kepada beliau menemui pemimpin-pemimpin negara tersebut untuk bertukar-tukar pendapat mengenai hubungan di antara kedua negara dan kepentingan

bersama serta isu-isu antarabangsa yang harus diberi perhatian. Y.A.B. Perdana Menteri juga berbincang dengan ahli-ahli perniagaan terkemuka mengenai peluang-peluang pelaburan di Malaysia dan bertemu dengan pelajar-pelajar Malaysia yang menuntut di sana.

Di Amerika Syarikat YAB Perdana Menteri telah bertemu dengan Presiden Bush. Pertemuan ini membolehkan beliau membangkitkan secara terus dengan Presiden masalah-masalah yang kita hadapi dengan Amerika Syarikat. Ini termasuklah isu kempen anti-minyak kelapa sawit. Y.A.B. Perdana Menteri telah memaklumkan bahawa Malaysia kesal dengan tindakan diskriminasi oleh Suruhanjaya Perdagangan Persekutuan Amerika Syarikat (FTC) terhadap usaha Malaysia menentang kempen yang memburukkan minyak sawit kita. FTC telah mempersoalkan dan mendakwa kononnya kandungan poster dari Malaysia bagi menentang kempen tersebut tidak berasaskan kepada hasil penyelidikan. Tetapi yang anehnya, FTC tidak pernah mempersoalkan tindakan Persatuan Jantung Amerika apabila mendakwa penggunaan minyak sawit adalah merbahaya. Dalam hal ini, Presiden Bush telah memberi jaminan akan menyiasat perkara ini dan mengambil tindakan sewajarnya.

Menyentuh tentang isu Kampuchea kedua-dua pemimpin itu menyokong pendirian Asean mengenai Kampuchea dan mahukan Asean terus memberi sumbangan terhadap penyelesaian masalah itu.

Mengenai PLO pula pendirian Amerika Syarikat agak berlainan dari pendirian kita sungguhpun mereka mengamalkan prinsip bahawa apa-apa penyelesaian harus mengambil kira hak-hak asasi rakyat Palestin. Britain sebaliknya menghendakkan penyelesaian yang saksama, dan ingin-kan usaha-usaha dipergiatkan lagi ke arah itu. Saya tidaklah dapat

memperincikan perbincangan yang diadakan kerana ianya diadakan secara tertutup. Mengenai Namibia pula kedua-duanya mengharapkan exercise di bawah naungan PBB bagi memberi kemerdekaan kepada Namibia akan diselesaikan mengikut jadual.

Pertemuan dengan para usahawan Malaysia dan Amerika Syarikat adalah cukup bermanfaat. Amerika Syarikat merupakan salah satu rakan perdagangan dan pelabur terbesar di Malaysia. Y.A.B. Perdana Menteri telah mengundang usahawan-usahawan Amerika mengadakan dialog lebih kerap lagi dengan usahawan Malaysia bagi meningkatkan lagi kerjasama dalam bidang ekonomi dan perdagangan di antara kedua-dua negara. Usahawan-usahawan terkemuka Amerika Syarikat telah memberi jaminan mereka akan terus melabur dan meningkatkan kegiatan ekonomi di Malaysia. Bagi mereka, iklim pelaburan di Malaysia adalah baik memandangkan pada kestabilan politik dan kemudahan infrastrukturnya.

Perbincangan Y.A.B. Perdana Menteri juga tertumpu pada penubuhan Lembaga Perniagaan Malaysia-Amerika Syarikat. Adalah menjadi harapan agar badan ini dapat diwujudkan tidak lama lagi bagi menggalakkan pertemuan yang lebih kerap dan meluas di antara usahawan-usahawan Malaysia dan Amerika Syarikat.

Sementara itu, pihak media-massa telah diminta memberi kerjasama supaya sebarang tulisan mengenai Malaysia di masa akan datang tidak diputarbelitkan dan harus lebih bersifat objektif dan tepat bagi mengelakkan kekeliruan yang mungkin timbul. Harus dinyatakan juga bahawa sejak tahun 1988, akhbar-akhbar utama di Amerika Syarikat telah bersikap lebih objektif dalam tulisan mereka mengenai Malaysia berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya. Ini adalah hasil

perbincangan yang diadakan dengan pihak media-massa pada tahun 1988.

Di Britain, Y.A.B. Perdana Menteri telah berpeluang berunding dengan Puan Margaret Thatcher, Perdana Menteri Britain dan telah mendapat persetujuan beliau untuk menandatangani Perjanjian Perampasan Harta yang diperolehi daripada penjualan dan pengedaran najis dadah.

Di London Y.A.B. Perdana Menteri juga telah berkesempatan merasmikan cawangan Bank Negara. Tertubuhnya Cawangan Bank Negara kita di London akan mengukuhkan hubungan ekonomi Malaysia dengan Britain. Penyertaan Britain dalam sektor korporate di Malaysia adalah besar. Pembukaan Cawangan Bank Negara adalah untuk menarik lagi pelaburan Britain ke Malaysia. London juga merupakan pusat kewangan yang penting dan ini akan membolehkan Malaysia mengawasi dan menjamin pertukaran matawang Malaysia tidak menjejaskan ekonomi negara.

Perbincangan dengan Pengerusi-Pengerusi Syarikat, GEC, British Aerospace dan Lotus Motors juga telah diadakan dan mereka telah menyatakan kesediaan mengambil pelajar-pelajar Malaysia untuk latihan sambil bekerja di kilang-kilang mereka di Britain. Adalah dianggarkan 120 penuntut Malaysia yang masih menganggur akan diberi peluang mencari pengalaman pekerjaan di Syarikat-syarikat British yang besar-besar ini.

Y.A.B. Perdana Menteri juga telah berpeluang berjumpa dengan pelajar-pelajar Malaysia di New York, Boston dan London dan telah berbincang dengan mereka mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan kebajikan mereka serta juga perkembangan-perkembangan semasa di Malaysia.

Berhubung dengan pelaburan dari usahawan-usahawan Amerika Syarikat dan Britain adalah dimaklumkan bahawa kejayaan hanya dapat dilihat dalam satu masa yang agak panjang. Adalah diharapkan dengan penjelasan-penjelasan yang diberikan lebih ramai lagi usahawan-usahawan Amerika Syarikat akan melabur di Malaysia terutamanya di bidang bukan petroleum dan elektronik. Lagi pun pelabur-pelabur yang beliau temui telah meyakinkan beliau akan minat yang kuat mereka untuk berbuat demikian.

Y.A.B. Perdana Menteri juga ingin memaklumkan adalah perkara biasa bagi kerajaan-kerajaan asing yang mempunyai hubungan erat dengan kita seperti Kerajaan Amerika Syarikat dan Britain bagi mengikuti perkembangan-perkembangan politik dan ekonomi di negara ini. Ini termasuklah keputusan pilihanraya yang diadakan kerana ia mencerminkan dengan jelas sokongan rakyat terhadap Kerajaan. Demikian jugalah dengan pilihanraya kecil Bentong dan sudah tentulah Kerajaan Amerika Syarikat dan Britain dapat membuat rumusan mereka sendiri.

## RUKUN TETANGGA

**26. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah** minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah kemajuan yang telah dapat dicapai oleh Jabatan Perpaduan Negara berhubung dengan Konsep Rukun Tetangga yang telah dijalankan di seluruh negara ke arah membina satu masyarakat yang bersatu-padu juga masyarakat bangsa Malaysia amnya.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dr Ting Chew Peh):** Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Rukun Tetangga telah diperkenalkan dalam tahun 1975 berasaskan kepada konsep keselamatan dan rondaan. Apabila

keadaan keselamatan terus pulih, konsep Rukun Tetangga telah ditukar pada tahun 1983 untuk berteraskan kepada konsep kejiranan yang termasuk juga unsur-unsur keselamatan jika keadaan memeralukannya. Rukun Tetangga bertujuan untuk memupuk semangat kejiranan dan perasaan muhibah di kalangan penduduk tempatan yang berbilang keturunan ke arah matlamat membina satu masyarakat yang bersatupadu.

Semenjak Rukun Tetangga ditubuhkan ianya memang telah mencapai banyak kejayaan. Bilangan kawasan dan sektor Rukun Tetangga telah meningkat menjadi 1013 dewasa ini, dan jumlah terus ditambahkan dari semasa ke semasa bergantung kepada beberapa kriteria. Kemajuan dalam melaksanakan konsep Rukun Tetangga juga dapat dilihat dari penambahan dan corak aktiviti yang dijalankan oleh Jawatankuasa Rukun Tetangga yang berkenaan, termasuk aktiviti-aktiviti di dalam bidang sosial, sukau, pendidikan, kebajikan, kesihatan dan seumpamanya. Jentera-jentera yang ada juga sedang giat menubuhkan Cawangan-cawangan Jiran Muda dan Jiran Wanita masing-masing bagi mempergiatkan aktiviti-aktiviti untuk kumpulan-kumpulan sasaran ini.

Aktiviti-aktiviti pasyarakatatan perpaduan yang dijalankan melalui kegiatan-kegiatan jentera Rukun Tetangga itu telah berjaya memupuk dan mempertingkatkan semangat perpaduan di kalangan penduduk tempatan yang berbilang kaum dan keturunan, dan telah menjadi saiah satu pendekatan yang paling berkesan untuk mempercepatkan proses pembangunan bangsa Melayu yang bersatupadu.

Kerajaan yakin dengan adanya sambutan dan penyertaan rakyat jelata bagi rancangan Rukun Tetangga, konsep Rukun Tetangga akan terus

berjaya membantu membina satu masyarakat Malaysia yang ber-satupadu.

### MELABUR DALAM SYARIKAT PERWAJA

**27. Dr Tan Seng Giaw** minta Perdana Menteri menyatakan sejak bilakah pihak konsortium Jepun yang melabur dalam Perwaja telah mengemukakan hasrat/keputusan menjual ekuiti mereka pada nilai nominal satu ringgit. Mengapakah pelabur Jepun kurang tertarik untuk terus melabur, lebih-lebih lagi apabila pentadbiran Perwaja yakin bahawa operasi sudah mula mendatangkan hasil. Mengapakah pihak pelabur Jepun tidak berminat mengambil alih pengurusan Perwaja seperti yang dilakukan bagi Proton.

#### Dato' Loke Yuen Yow:

1. Consortium Jepun telah membuat keputusan menjual kepentingan ekuiti mereka pada nilai nominal seringggit melalui surat mereka bertarikh 21 hb. April, 1989.
2. Sebagai pemegang saham, pihak Jepun telah membuat keputusan untuk tidak terus melabur dalam Syarikat Perwaja. Ini adalah hak mereka sebagai pemegang saham.
3. Oleh kerana pihak Jepun telah bertanggungjawab keatas kegagalan projek Perwaja tidak ada sebab-sebab munasabah untuk menjemput pihak Jepun mengurus projek yang telah gagal itu. Tambahan lagi terdapat kemahiran dan kecekapan tempatan yang boleh mengurus Perwaja. Pengurusan sekarang telah membuktikan bahawa pengurusan tempatan berkebolehan untuk mengurus dengan cekap dan berkesan.

### PENDERMA DARAH

**28. Tuan Muhamad bin Abdullah** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) berapa ramaikah penderma darah bagi tahun 1987,1988 dan tahun 1989 hingga 31-54989; dan
- (b) bagi menggalakkan lebih ramai lagi orang menderma darah adakah Kerajaan bercadang untuk memberikan ganjaran tetap atau suguhati atau lain-lain keistimewaan bagi tiap-tiap penderma darah yang telah menderma lebih daripada 50 kali atau lebih daripada beberapa kali yang telah ditetapkan mengikut kesesuaian atau adakah Kerajaan akan menimbangkan semula bagi memberikan pangkat atau tanda penghargaan kepada penderma-penderma darah sebagaimana pernah diberikan pada masa-masa yang lampau.

#### Menteri Kesihatan (Tuan Ng Cheng Kiat):

- (a) Jumlah penderma darah bagi tahun 1987 ialah 189,396 dan pada tahun 1988 ialah kira-kira 270,000. Data untuk tahun 1989 belum lagi diperolehi.
- (b) Bagi menggalakkan lebih ramai orang menderma darah Kementerian Kesihatan telah mengadakan kempen-kempen derma darah, melibatkan persatuan-persatuan dan badan-badan sukarela dalam kempen-kempen yang diadakan, meningkatkan unit bergerak tabung darah dan memberi penerangan serta pendidikan kesihatan kepada orang ramai menerusi media massa dan sebagainya.

Keistimewaan diberi kepada penderma-penderma darah iaitu bagi yang menderma 15

kali atau kurang, mereka mendapat kecualian sepenuhnya daripada caj-caj rawatan dan caj-caj wad kelas dua dan rawatan pesakit luar percuma bagi tempoh 4 bulan selepas menderma kali terakhir. Bagi yang menderma 16 hingga 40 kali, mereka mendapat kecualian sepenuhnya daripada caj-caj yang sama bagi tempoh yang sama dan selepas itu setengah daripada caj-caj berkenaan dan rawatan pesakit luar percuma dalam tempoh 3 tahun selepas menderma kali terakhir. Bagi yang menderma 41 kali dan lebih mereka mendapat kecualian sepenuhnya daripada caj-caj yang sama dan rawatan pesakit luar percuma pada bila-bila masa.

Di samping keistimewaan-keistimewaan yang sedia ada dan di mana boleh, pihak hospital akan cuba memberi keutamaan kepada penderma-penderma darah yang datang untuk mendapatkan rawatan pesakit luar. Pihak Hospital juga mengeluarkan sijil penghargaan kepada penderma-penderma darah.

Kementerian Kesihatan berpendapat keistimewaan yang sedang diberi kepada penderma-penderma darah setakat ini adalah memadai. Kementerian sentiasa mengharapkan supaya orang ramai datang menderma darah secara sukarela dan tidak mengharapkan apa-apa balasan. Walau bagaimanapun, pengalakkan dan kemudahan-kemudahan untuk penderma darah sedang dikaji semula dalam konteks mewujudkan satu rangkaian Tabung Darah

yang seratus-peratus "suka-rela", tidak tertakluk kepada "penderma ganti".

## GURU GIAT DALAM POLITIK

**29. Tuan Lau Dak Kee** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) berapa ramainya guru-guru termasuk guru-guru besar telah dapat kebenaran untuk melibatkan diri dalam kegiatan Parti Politik masing-masing;
- (b) berapakah bilangan yang telah diluluskan oleh Kementerian-nya untuk memegang jawatan di dalam setiap Parti Politik;
- (c) alasan-alasan yang diberi oleh mereka.

**Dr Leo Michael Toyad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bilangan guru-guru yang membuat permohonan untuk melibatkan diri dalam kegiatan politik dari tahun 1968 hingga 1989 ialah sebanyak 3,237 orang. Adalah menjadi dasar Kerajaan melarang semua pegawai Kerajaan melibatkan diri di bidang politik kecuali dengan kebenaran Ketua Jabatan.

Pada dasarnya Kementerian Pendidikan memang tidak membenarkan guru-guru bergiat secara cergas dalam potitik kerana ditakuti akan menjejaskan tugas rasmi mereka di sekolah.

Kebanyakan alasan yang diberi oleh guru-guru untuk melibatkan diri dalam parti politik adatah atas alasan untuk berkhidmat kepada masyarakat.

## ANGKATUNJUK HARGA PENGUNA

**30. Tuan Tan Kok Wai** minta Menteri Kewangan menyatakan kadar inflasi dan perubahan dalam angkatunjuk harga pengguna sejak tahun 1986

hingga 31 Mei, 1989 dan kesan-kesannya ke atas rakyat Malaysia terutamanya golongan berpendapatan rendah.

**41. Tuan Douglas Uggah Umbas** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) kadar inflasi dalam tahun 1988 dan 1989; dan
- (b) apakah langkah Kementerian untuk membendung inflasi di seluruh negara.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat daripada kawasan Sungai Besi adalah sama bentuknya dengan soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat daripada kawasan Betong. Oleh itu, izinkan saya menjawab soalan-soalan tersebut serentak.

Kadar inflasi yang ditunjukkan oleh Angkatunjuk Harga Pengguna bagi tahun 1986-1989 adalah seperti berikut:

1986	-	0.6	peratus
1987	-	0.8	"
1988	-	2.5	"
1989	-	3.3	"

(Januari-April)

Perangkaan-perangkaan tersebut jelas menunjukkan bahawa kadar inflasi di negara ini masih lagi rendah dan terkawal. Dalam tahun 1989 kadar inflasi negara kita sebanyak 4 peratus disebabkan antara lain oleh kegiatan ekonomi yang telah berkembang dengan lebih pesat dan kemerosotan nilai ringgit. Namun begitu Kerajaan sentiasa mengawal dasar-dasar fiskal dan kewangannya untuk mengelak tekanan harga yang berlebihan. Di samping itu Kerajaan juga sentiasa mengawasi keadaan bekatan-bekalan barang keperluan dalam negeri. Kerajaan juga menggalakkan pengusaha-pengusaha untuk menambah pengeluaran bagi memastikan bekalan barang-barang

keperluan dalam negeri dapat dipertingkatkan.

Seperti biasa masalah inflasi menjejaskan pendapatan sebenar setiap rakyat termasuk golongan berpendapatan rendah. Walau bagaimanapun Kerajaan sentiasa mengawasi keadaan ini supaya ianya tidak memberi kesan yang buruk. Harga barang-barang keperluan utama seperti gula, tepung, simen dan besi adalah dikawal oleh Kerajaan. Sebarang kenaikan harga barang-barang tersebut mestilah mendapat kelulusan Kerajaan terlebih dahulu. Di samping itu terdapat barang-barang keperluan yang wajib diletak tanda-harga. Namun begitu terdapat juga keadaan di mana harga-harga barang keperluan terpaksa dinaikkan memandangkan kos pengeluaran telah meningkat. Dalam hal ini Kerajaan akan memastikan yang kenaikan harga tersebut benar-benar perlu dan peniaga-peniaga tidak mengamalkan pengambilan untung yang berlebihan.

Usaha-usaha untuk membendung masalah inflasi tidak hanya terletak di atas bahu Kerajaan sahaja. Ianya memerlukan kerjasama daripada pihak swasta. Oleh itu, persatuan-persatuan pengguna serta orang-orang perseorangan dan syarikat-syarikat adalah perlu membantu Kerajaan mengatasi masalah ini. Pihak swasta hendaklah mengubah import mereka daripada punca-punca yang mempunyai kos yang tinggi kepada punca-punca yang lebih murah. Langkah ini dapat membantu mengurangkan tekanan inflasi dengan cara meningkatkan pengeluaran makanan dan lain-lain barang keperluan tempatan.

#### NILAI RINGGIT

**31. Tuan Ting Chek Ming** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil

untuk meneguhkan nilai ringgit. Beri sebab-sebab kejatuhan nilai berbanding dengan wang asing.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Nilai ringgit adalah diasaskan kepada nilai sekumpulan matawang rakan dagangan utama Malaysia. Naik atau turunnya nilai ringgit berbanding dengan sesuatu matawang adalah ditetapkan oleh faktor pasaran di pasaran pertukaran matawang asing. Pada keseluruhannya turun dan naik nilai ringgit berbanding dengan nilai matawang tertentu sama ada dolar Singapura baik pun dolar Amerika, yen Jepun, deutschmark Jerman Barat, Pound Sterling dan lain-lain matawang adalah dipengaruhi oleh faktor-faktor penawaran dan permintaan terhadap ringgit berbanding dengan matawang yang tertentu.

Keadaan perkembangan ekonomi dunia yang kurang menggalakkan pada tahun 1985 dan 1986 telah membawa kepada kejatuhan harga barangan-barangan utama eksport kita yang mempengaruhi perkembangan ekonomi Malaysia yang mengalami pertumbuhan negatif satu peratus dalam tahun 1985. Oleh itu, kejatuhan nilai ringgit adalah mencerminkan keadaan ekonomi negara yang merosot akibat kejatuhan harga barangan utama di pasaran dunia di waktu itu. Faktor penting kedua ialah pengaruh usaha-usaha jajaran matawang utama dunia yang diambil terutamanya oleh Amerika Syarikat, Jepun dan Jerman Barat.

Usaha-usaha untuk mengukuhkan nilai ringgit adalah berkaitan dengan usaha-usaha mengukuhkan ekonomi negara. Pihak Kerajaan telah pun melaksanakan dasar-dasar fiskal dan kewangan untuk menggalakkan pelaburan asing serta pelaburan tempatan. Peraturan-peraturan di-longgarkan untuk mengurangkan

hindaran-hindaran kepada pelabur-pelabur dan pengeksport-pengeksport. Kerajaan juga telah mengurangkan peranan sektor am dalam aktiviti ekonomi dan menggalakkan sektor swasta untuk mengambil peranan utama dalam proses pertumbuhan ekonomi. Kesan pengurusan ekonomi yang berkesan ini telah membaiki prestasi eksport negara dan permintaan luar keseluruhannya.

Langkah-langkah tersebut telah menghasilkan kesan-kesan yang baik dan ekonomi negara telah pun berkembang dengan pesat. Dengan itu nilai ringgit telah kukuh kembali seperti yang dicatatkan semenjak awal tahun 1989. Dalam lima bulan pertama tahun 1989 nilai ringgit telah kukuh sebanyak 14 peratus terhadap Pound Sterling, 11 peratus terhadap Deutschemark dan 13 peratus terhadap Yen Jepun. Pertumbuhan ekonomi dijangka terus kukuh dalam tahun-tahun yang akan datang dan oleh itu nilai ringgit dijangka menjadi lebih stabil.

## ELETRIK TERPUTUS DI BANDARAYA MELAKA

**32. Tuan Lim Guan Eng** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Bandaraya Melaka sering mengalami bekalan elektrik yang terputus sungguhpun Sub-station janakuasa telah siap dibina dan kalau beliau sedar, nyatakan:

- (a) sebab-sebabnya;
- (b) langkah-langkah yang telah diambil untuk menyelesaikannya; dan
- (c) bilakah Bandaraya Melaka boleh bebas dari masalah bekalan elektriknya terputus.

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Seri S. Samy Vellu):** Sistem pembekalan elektrik ke Bandaraya

Melaka dan kawasan-kawasan sekitarnya telah dapat diperbaiki dan diperkukuhkan lagi dari beberapa tahun yang lalu dengan siapnya pembinaan Pencawang Kemasukan Utama Malim Jaya dalam bulan November 1988 dan Pencawang Kemasukan Utama Bone Vista dalam bulan Ogos 1988. Sungguhpun demikian, memang tidak dapat dinafikan berlaku juga gangguan-gangguan bekalan elektrik di Bandaraya Melaka dan kawasan-kawasan sekitarnya, Gangguan-gangguan yang disebutkan itu adalah sebahagian besar daripadanya berpunca daripada kerosakan kabel akibat kerja-kerja pembaikan dan pembangunan jalan serta lain-lain kerja pengorekan yang dilakukan sama ada oleh agensi-agensi Kerajaan ataupun pihak-pihak kontraktor. Gangguan juga berlaku kerana "shutdown" yang dirancang oleh LLN bagi menjalankan kerja-kerja pengubahsuaian. Walau bagaimanapun "shutdown" ini dilakukan pada masa-masa tertentu seperti penghujung minggu dan hari cuti. Di samping itu gangguan-gangguan bekalan elektrik juga berpunca daripada cuaca yang buruk yang menjejaskan rangkaian talian pembahagian tempatan.

Berbagai langkah telah, sedang dan akan diambil oleh LLN untuk mengatasi gangguan-gangguan bekalan elektrik di Bandaraya Melaka. Di antara langkah-langkah yang dimaksudkan itu ialah:

- (a) Mempertingkatkan dan memperkukuhkan lagi retikulasi rangkaian sistem pembahagian, (termasuk kabel dan talian atas dalam bandar).
- (b) Meminta agensi-agensi yang terlibat memaklumkan kepada LLN sebelum kerja-kerja pengorekan dijalankan, agar kerosakan ke atas kabel dapat dielakkan.
- (c) Mempertingkatkan lagi kerja-kerja senggaraan harian yang bertujuan mengurangkan sebarang gangguan ke atas talian atas tempatan dengan memotong/mencantas pokok-pokok dan dahan-dahan pokok yang boleh membahayakan talian atas tempatan.
- (d) Pihak LLN sedang merancang untuk menggantikan litar-itar yang tidak mempunyai sistem automatik untuk disediakan dengan pemutus litar automatik supaya gangguan yang berlaku dapat dibaikpulih secara "auto reclosure".
- (e) Sebagai langkah jangka masa panjang, LLN sedang membina Rangkaian Penghantaran 275kV Melaka ke Pasir Gudang, Johor Darul Takzim bagi memperkukuhkan sistem penghantaran di kawasan Selatan. Projek tersebut yang sedang dalam pembinaan dijangka akan dapat disiapkan pada tahun 1990.

Masalah gangguan elektrik di Bandar Melaka seperti yang tersebut di atas, adalah masalah lazim yang dihadapi di seluruh negara. Masalah ini tidak boleh dihapuskan seratus peratus. Walau bagaimanapun, LLN sentiasa mengambil tindakan sewajarnya untuk mengurangkan gangguan-gangguan bekalan elektrik yang berlaku sejauh mana yang boleh.

### **KERETA TERPAKAI—KAWALAN HARGA**

**33. Tuan Hu Sepang** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada Menteriannya bercadang mengawal dan mengatur harga kereta terpakai dan pasaran kereta terpakai kerana harga bagi kereta-kereta terpakai telah meningkat ke satu tahap dalam masa enam bulan kebelakangan ini

sehingga rakyat Malaysia yang bergaji tidak mampu membeli kereta terpakai.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Kok Wee Kiat):** Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian tidak bercadang untuk mengawal dan mengatur harga kereta terpakai oleh kerana dalam pasaran bebas seperti perniagaan penjualan kereta terpakai, penentuan harga adalah tertakluk kepada faktor-faktor seperti permintaan, penawaran, model dan keadaan kereta.

### AKAUN PEMAJU PERUMAHAN—KAWALAN

**34. Tuan Liew Ah Kim** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan mengapa Kementerian-nya menanggukkan pelaksanaan Akaun Pembangunan untuk mengawal Pemaju Perumahan supaya mereka tidak salahgunakan wang pembelian rumah daripada para pembeli.

**Tuan Lec Kim Sai:** Sebagai penjelasan, Akaun yang dimaksudkan itu bukannya Akaun Pembangunan tetapi Akaun Pemajuan Perumahan. Kajian mengenai segala aspek operasi dan mekanisma pelaksanaan sistem Akaun tersebut masih berterusan dengan tujuan untuk memastikan agar peraturan-peraturan yang sedang disediakan itu akan dapat mencapai objektifnya, iaitu melindungi kepentingan-kepentingan para pembeli rumah. Kementerian ini juga ingin memastikan agar pelaksanaan peraturan-peraturan tersebut itu kelak adalah licin dan sempurna serta tidak menjejaskan perkembangan industri perumahan pada keseluruhannya.

### PEMIMPIN KESATUAN SEKERJA

**35. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib** minta Menteri Buruh menyatakan adakah beliau sedar bahawa sejak

akhir-akhir ini semakin jelas terdapat pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja yang memeralatkan pertubuhan itu untuk kepentingan politik yang mereka anuti kerana itulah mereka selalu menentang dasar-dasar kerajaan dan hubungan dengan kerajaan dalam memperjuangkan hak kaum pekerja (Buruh) tidak begitu berkesan, kalau sedar, apakah tindakan yang akan diambil.

**Dato' K. Pathmanaban:** Kerajaan sedar bahawa ada pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja yang memeralatkan kesatuan mereka untuk kepentingan politik. Perbuatan ini adalah bercanggah dengan tujuan asal kewujudan kesatuan sekerja untuk memberi perlindungan kepada kaum pekerja. Sekiranya perbuatan sedemikian menjejaskan imej negara atau akan membawa kesan buruk ke atas ekonomi negara, Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan sewajarnya sama ada mengikut undang-undang atau prosidur pentadbiran terhadap pemimpin kesatuan yang bertanggungjawab itu.

Sehubungan dengan ini, adalah juga perlu ditegaskan bahawa pekerja-pekerja sendiri harus lebih berjaga-jaga akan tingkah laku dan tindakan pemimpin-pemimpin mereka yang boleh menjejaskan kedudukan dan kepentingan kaum pekerja.

### SENJATAPI—PEMOHON LESEN

**36. Datuk Peter Tinggom Kamarau** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah benar pemohon-pemohon lesen senjata api itu dari bapa-bapa mereka ataupun dari saudara yang dekat mengikut adat asal mereka dan disahkan oleh Pegawai Daerah selaku Pegawai Probate di daerah masing-masing mengambil masa yang lama sampai satu atau dua

tahun dan sampai sekarang ada yang belum menerima kebenaran dari Kerajaan.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi kes permohonan tukarmilik senjata yang melibatkan pengesahan dari Pegawai Daerah selaku Pegawai Probate di daerah masing-masing di Sarawak. biasanya diselesaikan dalam tempoh 1 hingga 3 bulan. Hanya sebahagian kecil sahaja permohonan yang tidak dapat diselesaikan dalam tempoh itu. Setakat ini tidak ada permohonan yang diselesaikan mengambil masa melebihi daripada 24 bulan. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kes yang mengambil masa di antara 1 tahun hingga 2 tahun tetapi ianya amat jarang berlaku. Kelewatan ini pada lazimnya adalah kerana permohonan itu perlu disiasat dan dikaji dengan teliti oleh pihak Polis dan Jabatan-jabatan lain yang berkenaan diperingkat daerah. Ada juga kelewatan pemohon memberi maklumat yang lengkap seperti salinan hak milik tanah, pertukaran alamat dan sebagainya.

**INTEGRASI ANTARA  
SEMENANJUNG DENGAN SABAH/  
SARAWAK**

**37. Tuan Ong Tee Keat** meminta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah atau strategi yang menyeluruh untuk memupuk integrasi di antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak, khususnya dari segi sosio-politik.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato Ariffin bin Raja Sulaiman):** Langkah-langkah atau strategi yang menyeluruh untuk memupuk integrasi di antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak khususnya dan dari segi politik umumnya dapat dirumuskan

kepada dua strategi utama. Strategi-strategi tersebut adalah strategi penggalakan dan strategi pencegahan.

Strategi penggalakan merangkumi program-program seperti lawatan pemimpin-pemimpin masyarakat dari negeri Sabah, Sarawak ke Semenanjung dan sebaliknya; program pertukaran anak angkat melalui kelab belia dan agensi Kerajaan; program tambang konsesi antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak melalui sama ada menggunakan Feri Malaysia atau Sistem Penerbangan Malaysia (MAS). Ini termasuklah perjalanan bagi lawatan kumpulan-kumpulan belia ke Sabah, Sarawak dan Semenanjung; program yang berkaitan dengan penempatan pegawai-pegawai Semenanjung yang akan berkhidmat di Sabah dan Sarawak serta usaha memperbanyak dan menyeragamkan liputan program penyiaran rancangan-rancangan khas bagi Wilayah melalui radio dan televisyen. Di samping itu juga liputan yang meluas ke atas berita akhbar nasional mengenai hal-ehwal Sabah dan Sarawak dan penyeragaman harga akhbar-akhbar nasional yang dijual di Sabah dan Sarawak. Penerimaan Parti Bersatu Sabah (PBS) ke dalam Barisan Nasional merupakan langkah pengatakan ke dalam bidang politik yang penting bagi menentukan proses pencapaian integrasi berjalan dengan lancar.

Di bawah strategi pencegahan, faktor-faktor negatif terhadap pencapaian integrasi dari masa ke semasa dan tindakan mencegah perkara-perkara yang tidak diinginkan dilaksanakan. Di bawah strategi ini penguatkuasaan undang-undang dan peraturan-peraturan tertentu diutamakan bagi menjaga keharmonian di antara Wilayah Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Hak-hak seperti otonomi Kerajaan Negeri memang dihormati oleh

Kerajaan Persekutuan dengan sebaik-baiknya supaya tidak menimbulkan masalah ketidakpuasan hati di antara Negeri dan Persekutuan.

### PROJEK MINIHIDRO MELANGKAP

**38. Tuan Maidom P. Pansai** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan mengapakah Mini Hydro di Melangkap hingga kini masih belum dapat digunakan (kerana walaupun kampung tersebut dan sekitarnya sudah mendapat bekalan tenaga letrik tapi ianya disambung daripada Penjanaan Letrik di Kota Belud). Adakah benar bahawa tempat tersebut selalu mengalami kerosakan akibat tanah runtuh pada setiap kali air bah? Jika benar, adakah itu menunjukkan bahawa Kerajaan tidak ada membuat kajian teliti ke atas tempat tersebut sama ada ianya sesuai (viable) atau tidak terlebih dahulu. Apakah cadangan lanjut Kerajaan terhadap Mini Hydro tersebut selain daripada membiarkannya disitu sebagai gajah putih "white elephant".

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Projek Mini hidro Melangkap tidak dapat dimula tugaskan oleh sebab kerosakan paip saluran dan kerja awam akibat kejadian tanah runtuh yang telah berlaku sebanyak dua kah iaitu pada bulan Ogos 1987 dan bulan Disember 1988. Sebelum pembinaan mini hidro di Melangkap LLS telah membuat kajian teliti di tempat tersebut. Kejadian runtuh yang berlaku pada bulan Ogos 1987 dan Disember 1988 adalah akibat dari hujan yang sangat lebat dan luar dugaan.

LLS sedang menjalankan kerja memperbaiki kerosakan dan projek ini dijangka akan dapat dimulatugaskan pada akhir tahun ini. Buat masa sekarang, penduduk di persekitaran Melangkap sedang mendapat bekalan elektrik dari stesen janakuasa diesel Kota Belud.

### WANITA ASING MASUK TANPA DOKUMEN

**39. Tuan Ghazali bin Ahmad** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapa ramai wanita dari negara asing yang telah ditangkap memasuki negara ini tanpa dokumen kebenaran sejak 1980-1988;
- (b) dari negara manakah wanita-wanita tersebut datang serta melalui mana-mana pintu masuk ke negara ini;
- (c) berapa ramai wanita asing yang menggunakan pass pelancongan untuk menjalankan perdagangan pelacuran di negara ini yang sudah ditangkap sejak tahun 1980-1988 serta dari negara manakah datangnya mereka; dan
- (d) apakah hukuman dari segi undang-undang dari kemasukan tersebut dan apakah tindakan Kementerian yang telah diambil dalam perkara tersebut.

### Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) Semenjak tahun 1980-1988, seramai 41,541 orang wanita asing yang memasuki negara ini tanpa permit/pas yang sah telah ditangkap.
- (b) Sebilangan besar daripada mereka datang daripada Indonesia, Filipina, Thailand dan Burma. Kementerian Dalam Negeri tidak dapat memastikan pintu masuk mana yang digunakan kerana kemasukan mereka adalah secara tidak teratur.
- (c) Dalam tempoh tersebut seramai 1,734 orang telah ditangkap oleh pihak berkuasa kerana didapati telah melanggar syarat-syarat pas. Mereka terdiri daripada warganegara Thailand, Filipina, Indonesia, Singapura, Colombia, India dan Hong Kong

- (d) Tindakan undang-undang yang boleh dikenakan ke atas kedua golongan ini adalah seperti berikut:
- (i) Masuk tanpa permit atau pas yang sah (Sek. 6 (1) Akta Imigresen 1959/63)—Jika sabit kesalahan boleh didenda tidak lebih daripada \$10,000 atau penjara tidak lebih 5 tahun atau kedua-duanya.
  - (ii) Melanggar syarat pas (Peraturan 11 (7) dalam Peraturan Imigresen 1963)—Jika sabit kesalahan boleh didenda tidak lebih daripada \$1,000 atau penjara tidak lebih dari 6 bulan atau kedua-duanya.
  - (iii) Kedua-dua golongan ini juga boleh diusir keluar dan dilarang daripada memasuki negara ini.

**TENDER MENURAP JALANRAYA  
SIMPANG BATU LINTANG—  
SIMPANG BETONG**

**40. Tuan Jawah Anak Gerang** minta Menteri Kerjaraya menyatakan:

- (a) Semasa menjawab soalan dari saya pada mesyuarat pertama, penggal ketiga, Parlimen Keenam pada 24-3-1989 Menteri Kerjaraya menyatakan tawaran tender projek untuk menurap jalanraya besar utama dari Simpang Batu Lintang ke Simpang Betong kali yang ke 3 telah pun dibuka pada bulan November 1988 dan ditutup pada bulan Disember 1988 yang lalu, maka sama ada sampai sekarang penender yang berjaya sudah diketahui;
- (b) Apakah sebab-sebab tender-tender tersebut terpaksa dibuka tiga kali dan berapa lamakah pembukaan tender ini sampai sekarang.
- (c) Semua bilangan penender-penender yang ada menawarkan tender untuk projek tersebut sampai hari ini, dan
- (d) Sama ada Kerajaan Persekutuan dapat membuat sesuatu untuk mengarahkan Kerajaan Negeri Sarawak jika didapati ianya tidak mampu untuk memproses tender-tender tersebut.

**Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan  
Luhut Wan):**

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahagian jalanraya dari Simpang Batu Lintang ke Betong di bahagi kepada 2 "Package", iaitu Package "A" dari Simpang Batu Lintang ke Simpang Lubuk Antu, dan Package "B" dari Simpang Lubuk Antu ke Betong. Kontrak bagi Package "A" telah ditawarkan pada 27 Mei 1989 kepada Sim Hung Eng Construction Kuching, Sarawak dan telah pun dimulakan dan dijangka siap dalam tempoh 20 bulan dari sekarang. Manakala bagi Package "B", Proses penilaian ke atas tawaran-tawaran Package berkenaan sedang dijalankan.
- (b) Sebab-sebab mengapa tender bagi Package "A" telah dijalankan sebanyak 3 kali ialah kerana tawaran yang diterima adalah terlalu rendah. Walau bagaimanapun pada masa ini tender berkenaan telah pun diberikan kepada kontraktor sepertimana yang saya sebutkan.
- (c) Jumlah biiangan penender yang menyertai tender bagi projek berkenaan ialah seramai 56 penender. Saya tidak berhajat menyebut nama-nama mereka satu persatu kerana akan

memakan masa yang panjang. Walau bagaimanapun saya boleh berikan senarai nama-nama penender berkenaan kepada Yang Berhormat jika beliau masih memerlukannya.

- (d) Untuk makluman Yang Berhormat Kerajaan Persekutuan bersama-sama Kerajaan Negeri Sarawak adalah terlibat dalam proses tender. Kerajaan Negeri Sarawak adalah mempunyai cukup kemampuan untuk mengendalikan tender-tender berkenaan.

(Soalan No. 41. Sila lihat jawapan No, 30).

### PENGANGGUR

**42. Tuan Lee Lam Thye** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jumlah bilangan penganggur sehingga akhir Mei 1989 dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk membantu mereka yang tidak bekerja; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk merumus satu dasar pekerjaan yang penuh dan bagaimana ini akan dicapai.

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:**

- (a) Buat masa ini data terakhir menunjukkan bahawa jumlah penganggur pada akhir tahun 1988 adalah kira-kira 530,000 orang Kerajaan terus mengambil langkah-langkah positif untuk memesatkan pertumbuhan ekonomi supaya lebih banyak peluang pekerjaan dapat diwujudkan. Selaras dengan hasrat tersebut, Kerajaan telah pun, antara lain, membuat beberapa kelonggaran dan pengubahsuaian kepada dasar-dasar pelaburan. Di samping itu, Kerajaan juga

melaksanakan langkah-langkah jangka pendek untuk menambatkan peluang pekerjaan di sektor-sektor pembinaan, pertanian dan perkhidmatan.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu dasar gunatenaga penuh telah pun digubal semasa pelancaran Rangka Rancangan Jangka Panjang (1971-90) pada tahun 1971. Objektif dasar tersebut dalam jangka panjang ialah untuk mencapai satu tingkat gunatenaga penuh (full employment). Dasar ini masih lagi diteruskan, dan pencapaian matlamat ini memerlukan satu tempoh pertumbuhan ekonomi yang tinggi dan berterusan bagi menghasilkan kadar pertumbuhan gunatenaga yang tinggi.

### KERETAKAN LANDASAN LAPANGAN TERBANG TAWAU— PEMERIKSAAN

**43. Tuan Samson Chin Chee Tsu** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) apakah beliau sedar bahawa kemungkinan besar akan berlaku kemalangan kepada Boeing 737 semasa mendarat atau berlepas di Lapangan Terbang Tawau memandangkan kepada keretakan yang terus berlaku kepada lapangan sepanjang 5,600 kaki yang sedia ada setiap diserang oleh keadaan cuaca yang buruk di Tawau; dan
- (b) apakah langkah-langkah khas yang sedang diambil bagi memastikan pemeriksaan rapi setiap pesawat Boeing 737 berhubung dengan kegagalan sistem injin pesawat berkenaan dan keselamatan di udara keseluruhannya; dan

- (c) bilakah Kerajaan akan menimbangakan dengan serius peruntukan untuk pembinaan Lapangan Terbang yang baru di Batu 16 Jalan Apas.

**Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:**

- (a) Mengenai keretakan yang berlaku ke atas landasan, ingin saya memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa landasan telah diturap pada tahun 1988 dan pada masa ini landasan didapati sempurna dan tiada keretakan. Bagaimanapun adalah menjadi amalan Kementerian dan Jabatan untuk menentukan dan mengawasi keadaan landasan. Sekiranya berlaku lagi keretakan tindakan serta merta akan diambil untuk memperbaikinya.
- (b) Mengenai langkah pemeriksaan yang dijalankan ke atas injin pesawat, sukacita saya memberitahu kepada Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini bahawa pihak Penerbangan Malaysia (MAS) sentiasa menjalankan pemeriksaan yang rapi ke atas semua komponen pesawat, termasuk sistem enjin. Di samping itu, MAS mempunyai kakitangan kejuruteraan (engineering staff) ditempatkan di lapangan terbang ini. Kakitangan kejuruteraan ini bertanggungjawab menjalankan pemeriksaan (inspection) ke atas setiap penerbangan supaya keadaan pesawat sentiasa berada dalam keadaan selamat untuk operasi.
- (c) Berhubung dengan pembinaan Lapangan Terbang Baru Tawau, Kerajaan belum dapat menimbangakan perlaksanaan projek ini kerana masalah memperoleh peruntukan

kewangan. Bagaimanapun projek masih dalam perhatian Kerajaan.

**PUSAT LATIHAN BELIA—  
PROGRAM LATIHAN**

**44. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan sejauh manakah sambutan para belia terhadap program-program latihan (kemahiran) di semua Pusat Latihan Belia di negara ini, dan adakah pihak Kementerian berpuashati dengan kemajuan yang telah dicapai oleh para belia yang telah mendapat bimbingan di Pusat-pusat Latihan berkenaan. Sila butirkan sektor manakah yang dapat menampung tenaga belia yang berkenaan setakat ini.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan (Cik Teng Gaik Kwan):** Sambutan belia terhadap program latihan di Pusat-pusat Latihan Belia sangatlah menggalakkan. Pihak Kementerian juga berpuashati dengan kemajuan yang dicapai oleh mereka. Lebih 70% belia yang mendapat latihan telah memperolehi pekerjaan di sektor awam. Setakat ini sektor industri, pertanian, pembinaan dan pembuatan telah dapat menampung keperluan tenaga mereka yang samping ramai di antara mereka yang berminat untuk bekerja sendiri dengan menceburkan diri dalam lapangan perniagaan, perusahaan dan pertanian.

**TAR JALANRAYA DI SARAWAK**

**45. Tuan Thomas Salang Siden** minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada beliau sedar bahawa sebahagian besar dari jalan raya di Sarawak untuk diturap, iaitu jalanraya di antara Bintangor dengan simpang ke Julau; Setapang dengan Selanggau; dan Ulu Suai dengan Miri, yang telah ditenderkan untuk ditar, dan tender-tender itu telah diberikan kepada

syarikat-syarikat bersabitan tahun-tahun lepas, tetapi mereka telah meninggalkan kerja-kerja mereka dan membiarkan jalanraya-jalanraya tersebut dalam keadaan yang begitu teruk dan menyulitkan para pengguna-jalanraya itu; jika sedar, nyatakan mengapa ini berlaku:

- (a) adakah syarikat-syarikat yang telah menerima tender-tender tersebut telah habis tempoh kontraknya, atau telah muflis dan kenapa; dan
- (b) nyatakan nama-nama syarikat yang sepatutnya mengtar akan jalanraya-jalanraya tersebut, dan apakah tindakan yang akan diambil terhadap syarikat-syarikat yang berkenaan yang tidak mematuhi Tender Agreement.

**Tuan Luhut Wan:**

- (a) Kerajaan memang sedar bahawa projek-projek jalanraya seperti mana yang dibangkitkan oleh Y.B. adalah mengalami masalah di mana pemborong-pemborong yang melaksanakan kerja-kerja pembinaan jalan-jalan tersebut telah menunjukkan prestasi yang lembab dan setengahnya terpaksa dimansuhkan kontrak mereka. Masalah utama yang dihadapi oleh kontraktor ialah masalah kewangan (cash flow). Selain daripada itu, kontraktor tidak mempunyai pengalaman yang mencukupi dalam kerja-kerja pembinaan. Berkenaan tempoh kontrak hanya satu kontrak sahaja yang tamat pada 18 Jun 1989. Kontrak yang lainnya belum lagi tamat tempoh. Untuk makluman Yang Berhormat syarikat-syarikat yang telah meninggalkan kerja-kerja mereka ialah Chin Ting Sing Construction dan Syarikat Ushasama Then Fah Chin Construction-Rimba Bina Sdn.

Bhd. Semua syarikat-syarikat tersebut menghadapi masalah kewangan "Cash Flow Problem" dan belum lagi pada tahap muflis.

- (b) Syarikat-syarikat yang sepatutnya mengtar akan jalanraya adalah Chin Ting Sing Construction Co. bagi bahagian Bintangor dengan simpang ke Julau dan Setapang dengan Selanggan, Syarikat Then Fah Chin Construction/Rimba Bina Sdn. Bhd. bagi bahagian Ulu Suai-Simpang Batu Niah dan Tasun Sdn. Bhd. bagi bahagian Simpang Batu Niah dengan Sg. Bakas. Kerajaan bercadang menyenaraihitamkan syarikat Chin Ting Sing Construction Co. dan Syarikat Then Fah Chin/Rimba Bina Sdn. Bhd. dan jika tindakan itu diambil maka kerja-kerja kontrak tidak akan diberikan kepada mereka lagi di masa-masa hadapan.

**AKTA BAHASA KEBANGSAAN—  
PELAKSANAAN**

**46. Tuan Ahmad bin Omar** minta Menteri Pendidikan menyatakan pendirian Kerajaan dari segi menguatkuasakan Akta Bahasa Malaysia yang meliputi semua bidang termasuk sektor swasta.

**Dr Leo Micheal Toyad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pendirian Kerajaan adalah jelas dan tegas tentang pelaksanaan Dasar Bahasa Kebangsaan sebagaimana yang terkandung dalam Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67. Pelaksanaan Akta Bahasa Kebangsaan ini dibuat oleh Kerajaan meialui agensi-agensinya dan dengan menggunakan strategi-strategi tertentu,

Semua urusan pentadbiran dan pengurusan di sektor awam telah dapat diselenggarakan dengan

menggunakan Bahasa Malaysia sepenuhnya, kecuali bagi beberapa maksud rasmi yang masih menggunakan Bahasa Inggeris kerana dibenarkan oleh Undang-undang.

Kerajaan tidak dapat memaksa penggunaan Bahasa Malaysia terhadap pihak swasta kerana tidak ada undang-undang tentang perkara ini. Walaupun begitu Kerajaan sentiasa menggalakkan pihak swasta menggunakan Bahasa tersebut apabila berurusan dengan orang awam di negara ini. Penggunaan bahasa di tempat awam seperti dalam pengiklanan dan pameran di kedai dan gedung perniagaan serta di kawasan tempat awam yang dibuat oleh pihak swasta dapat dikawal melalui Pihak Berkuasa Tempatan.

Usaha-usaha sentiasa dibuat untuk memperbanyak dan memperluaskan penggunaan Bahasa Malaysia dalam bidang-bidang profesional di sektor awam. Usaha yang terbaru ialah cadangan pindaan undang-undang penggunaan Bahasa Malaysia dalam bidang kehakiman dan perbicaraan di mahkamah.

#### **JALAN UNTUK DIPERBAIKI DI PASIR MAS**

**47. Tuan Haji Ibrahim bin Ali** minta Menteri Kerjaraya menyatakan jumlah peruntukan yang diuntukkan bagi kawasan Parlimen Pasir Mas bagi sepanjang tahun 1989. Senaraikan jalan-jalan Jabatan Kerjaraya yang dikenalpasti untuk diperbaiki dan diperbesarkan. Jika tidak ada, apakah Kementerian Kerjaraya akan berbuat.

**Tuan Luhut Wan:** Peruntukan yang diuntukkan bagi kawasan Parlimen Pasir Mas bagi tahun 1989 di bawah Kementerian Kerjaraya adalah sejumlah \$10.0 juta. Peruntukan tersebut adalah peruntukan tahunan bagi pembinaan Jambatan Pasir Mas—Salor. Setakat ini Kerajaan

Persekutuan belum ada cadangan projek-projek jalan di kawasan Parlimen Pasir Mas.

#### **SISA TOKSID—TAPAK PEMBINAAN**

**48. Tuan Teoh Teik Huat** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada benar bahawa cadangan-cadangan untuk membina tapak pembuangan sisa-sisa toksid di Kampong Valdor, Pulau Pinang telah dibatalkan dan akan ditempat semula di dua buah kepulauan di sekitar negeri Pulau Pinang. Jika ya, beri sebab-sebab mengapa cadangan pelan untuk membina tapak pembuangan ini di Kampong Valdor telah dibatalkan dan namakan kedua-dua pulau yang dikenalpasti bagi pembinaan tapak pembuangan sisa-sisa toksid di negeri Pulau Pinang.

**Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tse:** Ya, adalah benar bahawa cadangan membina tapak pembuangan di Kampong Valdor telah dibatalkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Ketetapan ini diambil atas rayuan dari Ahli Y.B. dari Nibong Tebal dan Y.B. Ahli Undangan Negeri dari Sungai Bakap bersamaan wakil-wakil dari parti-parti komponen Barisan Nasional. Setakat ini, beberapa tapak baru sedang dikaji oleh Kerajaan Negeri, dan belum ada lagi apa-apa ketetapan dibuat.

#### **SETIAUSAHA POLITIK AHLI PARLIMEN BUKIT MERTAJAM— SOALSIASAT**

**49. Tuan Chian Heng Kai** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan kenapa pegawai Cawangan Khas dari Ibu Pejabat Polis Daerah Seberang Perai Tengah sering menyoal-siasat Setiausaha Politik Ahli Parlimen Bukit Mertajam berkenaan dengan kegiatan-kegiatan Yang Berhormat berkenaan

dan Parti DAP dan sama ada kerajaan berniat menjadi Malaysia sebuah negara polis.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:**  
Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak polis termasuk Cawangan Khas tidak menyoalsiasat sesiapa secara sebarangan kecuali seseorang itu telah ditahan atau ditangkap kerana disyaki melakukan kesalahan atau melanggar undang-undang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat berkenaan juga, tugas dan tanggungjawab pihak polis adalah untuk memelihara ketenteraman awam dan keselamatan negara. Bagi mencapai matlamat tersebut pihak polis sering menemubual orang ramai terutama mereka yang mempunyai kedudukan tinggi, ketua-ketua masyarakat dan tokoh-tokoh politik bagi mengetahui kedudukan atau pergolakan semasa di samping untuk menjalin hubungan mesra dengan orang ramai. Untuk itu suka saya menarik perhatian di Dewan yang mulia ini supaya Ahli Yang Berhormat berkenaan dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat lain serta orang ramai agar tidak bimbang jika ditemubual oleh pihak polis pada masa-masa yang akan datang kelak.

Sukalah juga saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat berkenaan bahawa kerajaan tidak pernah berhasrat menjadikan negara kita sebagai sebuah negara polis.

## PELAN INDUK KAWASAN MINYAK DAN GAS

**50. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan telah menyediakan pelan induk tentang kawasan-kawasan yang mengandungi minyak dan gas

yang akan diterokai dan kiranya ada bolehkah ianya dibentangan di dewan ini?

- (b) dapatkah diterangkan di manakah kawasan yang berpotensi itu dan banyak mana dan berapa lama ia dapat digunakan; dan
- (c) setujukan Y.A.B bahawa kedudukan kewangan Negeri Terengganu yang agak baik dari negeri-negeri lain adalah disebabkan oleh penemuan minyak dan bukan kerana pemimpin-pemimpin Kerajaan cekap merancang ekonomi?

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri  
(Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud):**

- (a) Kerajaan sememangnya menyedari tentang pentingnya perancangan yang rapi dibuat di dalam mengeksploitasi dan mengeluarkan minyak dan gas di negara ini. Di dalam hal ini, Kerajaan telah mempertanggungjawabkan PETRONAS untuk mengenalpasti kawasan-kawasan yang berpotensi dan merancang usaha-usaha carigali dan pengeluaran dengan teratur supaya memberi faedah kepada negara.

Berapa langkah positif telah diambil untuk memberi insentif kepada pelabur-pelabur luar untuk mencarigali petroleum di negeri ini. Ini termasuklah beberapa insentif yang dimasukkan di dalam Kontrak Perkongsian Pengetuaran yang baru yang diumumkan oleh Kerajaan pada tahun 1985 bagi menarik lebih banyak lagi pelabur-pelabur asing. Sambutan dari pelabur-pelabur asing sangatlah memuaskan dan sejak dua tahun yang lepas sejumlah 21 Kontrak Perkongsian Pengeluaran yang baru telah ditandatangani

dengan syarikat minyak asing, di mana jumlah pelaburan melebihi 880 juta Ringgit. Bagi setiap kawasan-kawasan kontrak yang diberikan, rancangan-rancangan telah diatur untuk memperolehi data seismik, menggali tenaga eksplorasi dan seterusnya mengeluarkan petroleum jika penemuan ini komersial. Di antara tahun 1989 hingga 1992 lebih daripada 130 telaga carigali dan 350 telaga pembangunan dirancang untuk digerudi oleh rakan-rakan kongsi Petronas di dalam Perjanjian Perkongsian Pengeluaran.

- (b) Malaysia mempunyai kawasan yang berpotensi mengandungi hidrokarbon lebih daripada 500,000 kilometer persegi. Kawasan yang berkenaan meliputi beberapa kawasan di Malaysia Barat dan Timur. Kira-kira 43% dari kawasan tersebut telah diberikan kepada syarikat-syarikat minyak di bawah Perjanjian Perkongsian Pengeluaran untuk dicarigali, manakala yang selebihnya akan diberikan secara berperingkat-peringkat mengikut rancangan dan keperluan negara. Ini termasuklah kawasan lebih kurang 99,000 km persegi di laut dalam yang mempunyai potensi hidrokarbon.

Berdasarkan kepada jumlah simpanan sebanyak 3 ribu tong yang telah ditemui setakat ini, simpanan minyak kita dijangka akan kehabisan dalam 15 tahun lagi manakala simpanan gas kita sebanyak 52 trillion kaki padu dijangka akan bertahan lebih seratus tahun. Walau bagaimanapun dengan peningkatan aktiviti-aktiviti mencarigali, jumlah simpanan petroleum kita dijangka akan bertambah dan ini dalam memanjangkan

jangkahayat simpanan minyak dan gas negara.

- (c) Tidak boleh dinafikan bahawa Negeri Terengganu pada saat ini mempunyai kedudukan kewangan yang agak baik. Tidak boleh dinafikan juga bahawa penemuan minyak di kawasan-kawasan luar pantai Negeri Terengganu telah menyumbang kepada keadaan ini. Walau bagaimanapun pendapatan yang berpunca dari penemuan sumber-sumber asli seperti minyak ini memerlukan pengurusan serta perancangan ekonomi yang baik dan cekap supaya faedah-faedahnya dinikmati oleh semua rakyat khasnya rakyat Terengganu.

Saya menegaskan di sini bahawa unsur-unsur pandangan jauh, komitmen, perancangan yang cekap, jujur dan berkesan dari pemimpin-pemimpin kerajaan serta penemuan minyak telah menyebabkan kedudukan kewangan Negeri Terengganu baik seperti yang terdapat hari ini.

#### RAPAT UMUM SEMASA PILIHANRAYA

**51. Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jika kerajaan belum sedia membenarkan rapat umum diadakan pada masa Pilihanraya Umum, maka sama ada kerajaan juga tidak akan membenarkan pemimpin-pemimpin kerajaan mempergunakan kuasa mereka untuk mengatur rapat-rapat umum untuk mengadakan ceramah-ceramah atau aktiviti-aktiviti politik. Jika tidak sama ada kerajaan BN mengamalkan double standard dalam hal ini.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan tetap tidak mem-

benarkan perhimpunan awam dan rapat umum yang bertujuan politik. Sehubungan dengan itu, sukalah saya tegaskan di sini bahawa kerajaan tidak pernah menghalang sesiapa juga menganjurkan atau memberi ceramah di majlis-majlis yang bukan bercorak politik asalkan perhimpunan tersebut memperoleh permit yang sah di pihak polis dan mengikut lunas undang-undang yang ditetapkan.

### SYARIKAT PERWAJA TERENGGANU—PRESTASI

**52. Dr Eng Seng Chai** minta menyatakan apakah cadangan-cadangan Syarikat Perwaja Terengganu Sdn. Bhd. memulihkan prestasi kewangannya dan operasi-operasi kilangnya, memandangkan setakat hari ini jumlah kerugian melebihi \$600 juta dan "deficit" tabungan pemegang sahamnya melebihi \$300 juta.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Pada asalnya Perwaja telah dibina sebagai sebuah kilang, dengan izin "integrated" untuk mengeluarkan bilet. Dengan kegagalan loji DRI, Syarikat tersebut terpaksa menggunakan sisa besi untuk mengeluarkan bilet walaupun loji tersebut tidak sesuai untuk mengendalikan, sisa besi. Ini telah menyebabkan kadar pengeluaran yang rendah, kos pengeluaran yang tinggi, beberapa masalah teknikal dan keadaan pasaran yang lemah yang menyebabkan prestasi syarikat merosot dan seterusnya mengalami kerugian terkumpul sebanyak \$600 juta dengan dana pemegang saham yang negatif sebanyak \$300 juta.

Untuk meningkatkan operasi dan prestasi syarikat, beberapa cadangan telah dikemukakan di mana sebahagian darinya telah pun dilaksanakan. Ini termasuk:

- (1) mengubahsuai kemudahan mengendalikan sisa besi untuk mengurangkan kos pengeluaran dan meningkatkan kadar pengeluaran.

Pengurusan baru telah cuba dengan jayanya untuk mencapai ini dengan kemudahan dan moral pekerja yang lebih baik. Im telah meningkatkan kecckapan dan kadar pengeluaran dari bawah 20.000 MT sebulan sebelum Mei 1988 ke 40,000 MT sebulan sekarang.

- (2) Dengan izin "Upstream integration" memandangkan harga sisa besi yang meningkat dan kemudahan dengan izin, "meltshop" di Perwaja yang sesuai menggunakan HBI adalah difikirkan perlu untuk memulihkan semula loji DRI untuk memastikan bekalan input yang berterusan dan murah untuk pengeluaran bilet. Pengurusan baru sedang mengkaji kemungkinan pemulihan loji DRI dengan kos yang paling rendah.
- (3) Dengan izin "Forward integration"—dengan terlaksananya perkara-perkara tersebut Syarikat perlu menceburi aktiviti "hiliran" yang mempunyai hasil akhir dengan izin, "end products" dan nilai ditambah yang tinggi. Untuk menjadikannya komersial dan berdayamaju. Dengan hanya mengeluarkan bilet sebagai hasil pertengahan PTSB tidak akan berdayamaju. Pengurusan sekarang sedang mengkaji beberapa cadangan untuk menceburi aktiviti dengan izin "downstream" seperti "mid-section", "flat products" dan lain-lain. Dengan terlaksananya cadangan-cadangan di atas adalah dijangka PTSB akan dapat dipulihkan.

### HARTA PENGEDAR DADAH DIRAMPAS

**53. Tuan Gerard Math Lee Min** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (i) adakah sebarang harta kepunyaan para pengedar dadah dirampas sejak Akta Dadah Merbahaya (Rampas Harta) 1988, (Dangerous Drug) (Forfeiture Property) Act, 1988 dikuatkuasakan.
- (ii) apakah yang telah terjadi ke atas harta-harta yang telah dirampas?
- (iii) berapakah nilai harta-harta yang telah dirampas baik dalam nilai bentuk mahupun dalam bentuk bukan tunai.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:**

- (i) Ada, iaitu kenderaan, barang kemas, barang letrik, telefon bergerak dan wang ringgit.
- (ii) Harta dan wang masih dalam simpanan polis sementara penyiasatan lanjut dijalankan.
- (iii) Kenderaan .. .. \$41,760  
 Barang Kemas .. \$53,709  
 Barang Letrik .. \$ 7,950  
 Telefon Bergerak \$28,000  
 Duit dalam Akaun Bank .. .. \$11,764.61  
 Duit Tunai \$515.308 Ringgit Malaysia  
 281,792 Bhat  
 \$201.00 HK Dollars  
 \$5,004.00 S'pore Dollars  
 \$20.00 Brunei Dollars

**PERBELANJAAN SUKAN**

**54. Tuan Chew Kam Hoy** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) jumlah perbelanjaan mengikut kegiatan sukan (termasuk

latihan ke luar negeri) sejak 5 tahun yang lalu; dan

- (b) adakah hasil/keputusan kegiatan sukan yang berkenaan menjustifikasikan jumlah yang dibelanjakan.

**Cik Teng Gaik Kwan:**

- (a) Terdapat 2 jenis kegiatan sukan yang dijalankan di bawah Kementerian Belia dan Sukan. Pertama kegiatan sukan prestasi tinggi yang dijalankan oleh Majlis Sukan Negara termasuk Program Latihan Persediaan untuk Sukan SEA. Peruntukan yang digunakan sejak 5 tahun yang lalu sehingga kini mengambil peruntukan sebanyak \$8.5 juta. Keduanya kegiatan/kemudahan sukan untuk penyertaan ramai yang dijalankan oleh Bahagian Sukan Kementerian ini telah mengambil peruntukan sebanyak \$6.4 juta bagi tempoh yang sama.

Penghasilan daripada kedua corak kegiatan sukan yang dajaikan di bawah Kementerian ini jika dibandingkan dengan jumlah peruntukan kewangan yang telah dibetanjakan adalah memuaskan. Ini adalah berlandaskan kepada beberapa program yang telah pun diwujudkan menerusi Majlis Sukan Negara dan Bahagian Sukan di Kementerian ini.

Antara program-program yang dijalankan di bawah Majlis Sukan Negara adalah:

- (i) Penubuhan Jawatankuasa Pelaksanaan Projek Gemilang '90 pada 2 Disember 1986 untuk memberi bimbingan dan persediaan latihan kepada atlit-atlit elit yang akan

menyertai Sukan SEA '89 dan Sukan Asia 1990.

- (ii) Mengadakan beberapa galakan dan daya insentif sebagai bantuan atau ganjaran atas usaha-usaha yang dijalankan oleh atlit mahupun pegawai-pegawai sukan.
- (iii) Mewujudkan program latihan sepenuh masa bagi atlit, jurulatih-jurulatih dan pentadbir-pentadbir sukan.
- (iv) Melaksanakan program untuk memajukan jurulatih dan mempertingkatkan pendidikan kejurulatihan melalui Lembaga Kejurulatihan Kebangsaan.
- (v) Memperkemaskan jentera pentadbiran Persatuan Sukan Kebangsaan dengan menggalakkan perantikan Setiausaha Eksekutif yang bertugas sepenuhmasa.
- (vi) Bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan untuk menganjurkan Program Pembangunan Bakat Sekolah yang bertujuan untuk melatih bakat-bakat muda yang menunjukkan potensi dalam sukan.

Sementara pencapaian yang diperolehi menerusi Bahagian Sukan dari tahun 1984 hingga 1988 adalah menunjukkan suatu kejayaan di mana Bahagian Sukan telah berjaya menganjurkan sebanyak 2,504 projek yang meliputi bidang-bidang pembangunan, organisasi, kepimpinan, fasiliti, program dan pendidikan. Dari 2,504 projek yang dijalankan di Bahagian Sukan telah berjaya melatih seramai 371,445 peserta yang bakal menjadi penggerak, pemimpin ataupun pengurus kegiatan bercorak "Sukan Untuk Semua" di negeri-negeri. Program-program sukan telah dirancang sebegitu jelas dengan kesedaran untuk:

1. Meramaikan bilangan rakyat supaya mengamalkan cara hidup yang aktif, komited kepada kesihatan dan - kecergasan individu.
2. Mewujudkan sebuah masyarakat berbilang kaum yang bersatupadu yang mempunyai nilai-nilai dan semangat kesukanan yang tinggi ke arah integrasi, kesejahteraan dan keperibadian nasional.
3. Mewujudkan rakyat yang sihat, cergas, berdisiplin ke arah pembinaan negara dan ketahanan nasional.
4. Meningkatkan produktiviti rakyat dan memupuk peribadi individu.
5. Membina semangat kekitaan dan semangat cintakan negara.

Tahap pencapaian sukan prestasi tinggi menerusi Majlis Sukan Negara jika dibandingkan dengan jumlah yang telah dibelanjakan pada tahap sekarang belumlah begitu membanggakan kerana peningkatan prestasi adalah pada kadar yang perlahan. Usaha-usaha ke arah mempercepatkan proses peningkatan ini telah dan sedang dilaksanakan dengan lebih giat lagi. Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara memerlukan suatu tempoh yang munasabah iaitu sekurang-kurangnya 5 tahun bagi menilai keberkesanan program-program yang dilaksanakan bagi mempertingkatkan prestasi sukan negara. Pada keseluruhannya kegiatan sukan sama ada menerusi Sukan Prestasi Tinggi atau Sukan Massa telah pun menunjukkan suatu kemajuan di mana keseluruhan program sukan yang telah diatur adalah bertujuan untuk memupuk semangat perpaduan, integrasi di kalangan semua kaum di negara ini serta membina kesihatan dan kecergasan fizikal dan semangat

cintakan negara di samping mem-  
peringkatkan pencapaian cemerlang  
ahli-ahli sukan negara dipertandingan  
peringkat antarabangsa.

### RANCANGAN RTM

**55. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar** minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) peratusan untuk semua rancangan RTM secara terperinci;
- (b) kenapakah rancangan untuk Pembangunan Pertanian dikurangkan contohnya Rancangan Sinar Pembangunan di waktu pagi dan apakah rancangan lain yang boleh menggantikan rancangan itu; dan
- (c) apakah rancangan dan cadangan Kementerian Penerangan untuk mengesimbangkan rancangan hiburan yang begitu menonjol dengan rancangan berbentuk Agama.

**Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Railey bin Jaffrey):**

- (a) Jikalau rancangan-rancangan RTM hendak dibahagikan kepada jenis rancangan-rancangan tertentu dan jumlah waktu siaran bagi tiap-tiap satu jenis mahu dianggarkan, maka corak yang boleh didapati adalah seperti berikut:

<i>Jenis Rancangan</i>	<i>Radio</i>	<i>TV</i>
Agama . . .	7.5%	17.2%
Drama .. ..	2.3%	31.7%
Hiburan.. ..	61.6%	6.7%
Iklan .. ..	1.7%	3.5%
Penerangan dan Pendidikan	24.75%	32.4%
Sukan .. ..	2.15%	8.5%

Perlu ditegaskan bahawa penjenisan rancangan-rancangan itu adalah secara am sahaja kerana tiap-tiap satu jenis rancangan boleh mengandungi unsur-unsur dari rancangan-rancangan lain umpamanya rancangan drama boleh mengandungi banyak perkara yang mengandungi rancangan-rancangan agama, pendidikan dan lain-lain. Rancangan hiburan sendiri boleh mengandungi sedikit sebanyak pendidikan dan penerangan. Oleh itu peratusan yang diberi adalah berupa anggaran kasar semata-mata kerana tiap-tiap satu jenis rancangan ada kaitan dengan jenis-jenis yang lain.

- (b) Kementerian Penerangan memang memandang berat di atas rancangan-rancangan yang berhubung dengan rancangan Pertanian baik di radio mahupun di TV. Usaha-usaha telah diatangkan untuk memadamkan lagi isi kandungan yang ada kaitan dengan rancangan Pertanian baik di radio mahupun di TV. Bukan sahaja memperbaiki rancangan yang sedia ada tetapi memasukkan aspek-aspek pembangunan Pertanian itu ke dalam rancangan-rancangan yang lain. Sinar Pembangunan yang diudarkan di waktu pagi di radio telah diganti dengan penambahan rancangan Budi Disemai Bakti Dituai dan Sorotan Tani, waktu siarannya ditambah menjadi 250 minit seminggu. Waktu siarannya seperti berikut; Rancangan Budi Disemai Bakti Dituai pada hari Isnin hingga Khamis, jam 12.10 tengah hari hingga 1.00 tengah hari, 50 minit sehari, berjumlah 200 minit seminggu dan pada hari Sabtu Rancangan Sorotan Tani, jam 12.10 tengah hari hingga 1.00 tengah hari, selama

50 minit. Jadi, ianya telah ditambah bukan dikurangkan, walaupun nampaknya telah diubah.

- (c) Sebenarnya rancangan Agama di TV pada keseluruhannya dalam seminggu adalah melebihi rancangan-rancangan hiburan seperti ternyata dari kadar peratus yang telah diberikan. Di samping itu sudah pun ada pihak-pihak yang menuduh RTM terlalu banyak menyiarkan rancangan-rancangan Agama sehingga seolah-olah hendak mengislamkan orang ramai yang bukan beragama Islam. Oleh itu Kementerian tidaklah bercadang untuk menambahkan lagi rancangan Agama di TV kecuali rancangan yang boleh memberi faedah kepada semua pihak.

### SUNTIKAN HEPATITIS B

**56. Tuan R. Karpal Singh** rainta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang membayar suntikan "Hepatitis B" untuk kesemua warganegara. Jika tidak, nyatakan sebab-sebabnya.

**Tuan Ng Cheng Kiat:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kerajaan pada masa ini tidak bercadang untuk membayar suntikan atau memperluaskan Program Imunisasi Hepatitis B kepada semua warganegara. Kerajaan telah pun membuat kajian ke atas beberapa kemungkinan yang sedia ada untuk Imunisasi Hepatitis B dan mendapati bahawa pemberian imunisasi percuma kepada ke senma warganegara adalah bukan satu strategi yang dapat dilaksanakan secara cost effective, dalam konteks keupayaan kewangan negeri kita.

Kerajaan telah pun menerima syor Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) di mana strategi utama yang lebih

efektif dari segi teknologi dan kewangan ialah pemberian imunisasi kepada kesemua bayi yang baru lahir. Strategi ini berdasarkan kepada keadaan di mana kebanyakan jangkitan berlaku semasa dan selepas sahaja bayi itu dilahir. Strategi tersebut adalah sesuai untuk meningkatkan daya tahan terhadap penyakit ini. Dengan usaha ini kejadian penyakit Hepatitis B akan berkurangan.

Suntikan yang diberikan kepada bayi-bayi di klinik/hospital kerajaan adalah diberi dengan percuma. Walau bagaimanapun, bagi bayi yang disuntik di hospital-hospital swasta, satu peraturan baru telah diwujudkan di mana bayaran tidak melebihi \$15 sahaja perlu dibuat bagi setiap suntikan. Bayaran ini adalah lebih murah daripada yang telah dikenakan pada masa yang lalu oleh pihak swasta. Ini adalah kerana Kementerian Kesihatan telah menjual vaksin ini dengan harga kos kepada hospital-hospital swasta.

### SYARIKAT KERAJAAN YANG DISWASTAKAN

**57. Dr Tan Seng Giaw** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) Senarai terbaru syarikat atau perkhidmatan (a) Kerajaan pusat; (b) usahasama di antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri; yang telah diswastakan (masing-masing dengan nilai penjimatan perbelanjaan, jumlah pelaburan dan pengurangan bilangan kakitangan Kerajaan) serta yang dalam pertimbangan untuk pen-swastaaan;
- (b) Sila huraikan pelbagai aspek yang dikaji oleh Pasukan Petugas Khas Penswastaaan dalam perangkaan Pelan Induk Penswastaaan, jenis masalah yang wujud bagi setiap satu aspek, syor-syor yang sedang ditinjau untuk mengatasi masalah-masalah tersebut serta

bentuk percanggahan objektif yang berhasil daripada pen-swastaan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato<sup>1</sup> Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman):**

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini 19 perkhidmatan/syarikat Kerajaan telah diswastakan yang melibatkan perusahaan pengangkutan, pembinaan, pertanian perhubungan, "utilities" dan perkhidmatan. Jumlah penjimatan perbelanjaan Kerajaan atau peiaburan baru yang terlibat khususnya bagi projek-projek baru (B.O.T.) ialah sebanyak \$4,963 juta. Jumlah pengurangan kakitangan ialah seramai 30,986 orang.

Di samping itu, sebanyak 8 agensi dan perkhidmatan Kerajaan telah dikenalpasti sebagai sesuai untuk diswastakan dan sedang dalam pertimbangan Kerajaan. Terdapat juga satu syarikat usahasama di antara Kerajaan, Negeri dengan Kerajaan Persekutuan yang telah diswastakan.

- (b) Pada masa ini Pelan Induk Penswastaan yang berkenaan sedang di dalam kajian oleh pihak Juruperunding yang telah dilantik oleh Kerajaan. Oleh yang demikian, butir-butir terperinci mengenai jenis masalah yang wujud dan syor-syor yang berkaitan bagi mengatasi masaliah tersebut serta sama ada wujudnya percanggahan objektif hanya akan dapat dimaklumi setelah kajian berkenaan selesai dan laporan kajian berkenaan dikemukakan oleh Kerajaan.

**TAHANAN DIBEBASKAN DENGAN BERSYARAT**

**58. Tuan Lim Guan Eng** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sebab-sebab mengapa 16 orang tahanan (iaitu Encik Sim Mow Yu, Encik Lim Fong Seng, Dr Kua Kia Soong, Dr Tuang Pik King, Dr Mohamed Nasir, Encik Arokiadass, Encik Sebil John Joseet, Brother Anthony Rogers, Encik Chow Chee Keong, Encik Mohamad Yunus, Encik Tan Ka Kheng, Cik Lim Chin Chin, Dr Cecelia Ng, Cik Patricia Irene Lourdes, Cik Chee Heng Leng dan Encik Julian Jayaseelam) Akta Keselamatan Dalam Negeri yang ditahan di bawah Operasi Lalang pada bulan Oktober 1987 dan telah dibebaskan masih dikenakan syarat-syarat; dan
- (b) bilakah syarat-syarat tersebut akan dimansuhkan.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:**

- (a) Lima (5) daripada 16 orang yang ditanyakan oleh Ahli Yang Berhormat itu telah dibatalkan syarat-syarat yang dikenakan atas mereka. Bagi 11 orang yang lain yang masih dibebaskan dengan bersyarat adalah kerana dari segi keselamatan mereka masih perlu diawasi.
- (b) Persoalan tentang bila syarat-syarat tersebut akan dimansuhkan bergantung kepada sejauhmana mereka tidak lagi menimbulkan sebarang ancaman kepada keselamatan.

**PERBELANJAAN PILIHANRAYA KECIL**

**59. Tuan Hu Sepang** minta Perdana Menteri menyatakan berapakah Kerajaan membelanja untuk menganjurkan sesuatu pilihanraya

kecil kerana Timbalannya telah menyatakan secara terbuka bahawa pilihanraya-pilihanraya kecil akan hanya membazir wang awam dan Kerajaan.

**Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud:**

Jumlah perbelanjaan bagi menjalankan satu-satu pilihanraya kecil itu adalah bergantung kepada jumlah pemilih bagi satu kawasan pilihanraya tersebut walau bagaimanapun bagi setiap pilihanraya kecil Suruhanjaya Pilihanraya akan membelanjakan lebih kurang \$50,000—\$60,000 untuk pilihanraya kecil Dewan Rakyat dan antara \$30,000—\$40,000 untuk pilihanraya kecil Dewan Undangan Negeri. Ini tidak termasuk perbelanjaan yang ditanggung oleh Jabatan-jabatan Kerajaan yang lain yang secara tidak langsung akan terlibat. Jika sesuatu pilihanraya itu tidak benar-benar perlu maka pembaziran itu patutlah dielakkan.

**TABUNG MENYELAMATKAN  
BUKIT CINA**

**60. Tuan Ong Tee Keat** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada penubuhan apa yang digelar sebagai "Tabung Menyelamatkan Bukit Cina" oleh Parti DAP pada tahun 1984 dibuat dengan pendaftaran yang dikehendaki oleh Kementeriannya. Jika ya, berapa jumlah yang telah dikutip setakat ini. Jika tidak, apakah beliau sedar aktiviti-aktiviti mengutip derma oleh DAP telah membabitkan kepentingan orang ramai, dan apakah tindakan yang telah dan akan diambil terhadap DAP yang telah mengenenpikan undang-undang dan "public accountability".

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Penubuhan "Tabung Menyelamatkan Bukit Cina" yang dibuat oleh DAP adalah tidak mengikut lunas undang-undang. Sehubungan dengan itu pihak Kerajaan tidak dapat memberi butir-butir mengenai jumlah wang yang telah dikutip. Pihak Kementerian Dalam

Negeri akan mengambil tindakan sewajarnya sekiranya berlaku perkara yang bertentangan dengan undang-undang seperti adanya unsur-unsur paksaan dan penyelewengan berhubung dengan perkara tersebut.

**LETUPAN BOM DI  
BANGUNAN DAYABUMI**

**61. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) samaada polis telah menyiapkan siasatan letupan bom di blok podium Komplek Dayabumi di Kuala Lumpur dalam bulan April lalu dan adakah Polis akan mengumumkan laporan hasil siasatan; dan
- (b) berikutan kejadian di atas, apakah langkah-langkah akan diambil oleh Polis mengenai langkah-langkah keselamatan bagi Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel yang akan datang dan berapa banyak akan dibelanjakan untuk langkah-langkah keselamatan itu.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:**

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kes letupan bom di Bangunan Dayabumi masih lagi dalam siasatan pihak Polis. Pihak Kerajaan tidak bercadang mengumumkan laporan hasil siasatan tersebut kepada umum.
- (b) Banyak langkah-langkah untuk memastikan keadaan keselamatan terjamin sepanjang persidangan Ketua-Ketua Negara Komanwel (CHOGM). Di antaranya ialah membuat siasatan yang rapi dan terperinci sama ada di tempat di mana mesyuarat akan diadakan dan juga tempat-tempat penginapan perwakilan. Sehubungan dengan itu pihak Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah \$10 juta bagi tujuan keselamatan.

**WARGANEGARA CHINA  
MELAWAT MALAYSIA—  
KEBENARAN**

**62. Dr Eng Seng Chai** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada rancangan Kerajaan Malaysia merunding dengan Kerajaan China (Peking) supaya rakyat negara itu, terutama rakyat negara China yang mempunyai saudara di Malaysia, dapat melawat Malaysia dengari bebas sebagai pelancong-pelancong.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Baru-baru ini Kerajaan Malaysia atas inisiatif sendiri telah memberi pertimbangan dan telah membenarkan warganegara Republik Rakyat China yang berumur lebih 30 tahun memohon untuk melawat Malaysia sebagai pelancong. Urusan lawatan ini hanya boleh dibuat secara berkumpulan antara 10-20 orang. Warganegara Malaysia boleh juga memohon untuk membawa saudara-mara (warganegara Republik Rakyat China) masuk ke Malaysia untuk membuat lawatan. Pertimbangan akan diberi mengikut keadaan sesuatu kes itu.

**PEMAJU PERUMAHAN BAGI  
RUMAH KOS RENDAH**

**63. Tuan Samson Chin Chee Tsu** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada Kementerian beliau telah bersedia untuk mengarahkan semua pemaju perumahan bagi rumah kos rendah untuk memastikan pengeluaran "subdivided titles" dalam masa yang dikehendaki setelah kerja-kerja pembinaan telah dimulai supaya dapat memaksa pemaju-pemaju perumahan untuk memindah-milikkan hakmilik-hakmilik persendirian ("individual title deeds") kepada para pembeli di mana seterusnya dapat menggadai-milikkan hakmilik tersebut kepada bank-bank perdagangan atau institusi-institusi kewangan sebagai cagar untuk

mendapatkan pinjaman yang diperlukan untuk membeli rumah mereka.

**Tuan Lee Kim Sai:** Mengikut kehendak Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 dan Peraturan-Peraturan Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989 seseorang atau syarikat yang ingin mendapatkan lesen pemaju perumahan di bawah undang-undang tersebut hendaklah memenuhi syarat bahawa tanah yang akan dimajukan itu telah diberi kelulusan tukar syarat tanah dan pecah sempadan tanah oleh pihak berkuasa berkenaan. Dengan adanya kelulusan itu dan apabila pemaju itu memenuhi segala syarat yang dikenakan itu, maka hakmilik berasingan akan dikeluarkan dalam tempoh masa yang tertentu.

Adalah dimaklumkan bahawa pembeli-pembeli rumah boleh memperolehi pinjaman perumahan sungguhpun tidak ada hakmilik berasingan dengan menguruskan gadaian melalui dengan izin "deed of assignment". Bagi bangunan yang dipecah-bahagi pula, hakmilik strata tidak timbul kerana permohonan untuk mendapatkan hakmilik strata hanya boleh dibuat setelah bangunan itu siap dibina.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, di dalam Perjanjian Jual Beli (Tanah dan Bangunan) seperti terkandung di dalam Jadual "G" Peraturan-Peraturan Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989, terdapat peruntukan di bawah fasal 10 di mana penjual (iaitu pemaju) setelah Perjanjian Jual dan Beli itu disempurnakan, dikehendaki seberapa cepat yang boleh untuk memperolehi pengeluaran dokumen hakmilik berasingan.

Adalah dirasakan bahawa peruntukan-peruntukan yang ada di dalam undang-undang sekarang sudah mencukupi untuk memastikan bahawa hakmilik berasingan bagi

semua jenis rumah, akan dapat dikeluarkan setelah kerja-kerja pembinaan dimulai.

**LAWATAN KERJA PERDANA  
MENTERI KE AMERIKA  
SYARIKAT/BRITAIN**

**64. Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa** minta Menteri Luar Negeri menyatakan mengenai tawatan beliau ke Amerika dan Britain sebaik sahaja pihak parti Kerajaan memenangi pilihanraya Bentong, untuk menarik lebih ramai lagi pelabur dari negara itu (Amerika dan Britain) datang ke Malaysia:

- (a) adakah lawatan Y.A.B. Perdana Menteri itu memberi kejayaan dalam usaha menarik lebih ramai lagi usahawan dalam semua bidang bukan sahaja tertumpu kepada petroleum dan elektronik; dan
- (b) apakah pandangan pihak Amerika dan Britain terhadap Kerajaan Malaysia di bawah pimpinan Y.A.B. Dr Mahathir Mohamad dengan kemenangan besar BN di Bentong.

**Dato' Dr Abduliah Fadzil bin Che Wan:** Lawatan kerja Y.A.B. Perdana Menteri ke Amerika Syarikat dan Britain telah memberi peluang kepada beliau menemui pemimpin-pemimpin negara tersebut untuk bertukar-tukar pendapat mengenai hubungan di antara kedua negara dan kepentingan bersama serta isu-isu antarabangsa yang harus diberi perhatian. Y.A.B. Perdana Menteri juga berhincang dengan ahli-ahli perniagaan terkemuka mengenai peluang-peluang pelaburan di Malaysia dan bertemu dengan pelajar-pelajar Malaysia yang menuntut di sana.

Di Amerika Syarikat Y.A.B. Perdana Menteri telah bertemu dengan Presiden Bush. Pertemuan ini membolehkan beliau membangkitkan

secara terus dengan Presiden masalah-masalah yang kita hadapi dengan Amerika Syarikat. Ini termasuklah isu kempen anti-minyak kelapa sawit. Y.A.B. Perdana Menteri telah memaklumkan bahawa Malaysia kesal dengan tindakan diskriminasi oleh Suruhanjaya Perdagangan Persekutuan Amerika Syarikat (FTC) terhadap usaha Malaysia menentang kempen yang memburukkan minyak sawit kita. FTC telah mempersoalkan dan mendakwa kononnya kandungan poster dari Malaysia bagi menentang kempen tersebut tidak berasaskan kepada hasil penyelidikan. Tetapi yang anehnya, FTC tidak pernah mempersoalkan tindakan Persatuan Jantung Amerika apabila mendakwa penggunaan minyak sawit adalah merbahaya. Dalam hal ini, Presiden Bush telah memberi jaminan akan menyiasat perkara ini dan mengambil tindakan sewajarnya.

Menyentuh tentang isu Kampuchea kedua-dua pemimpin itu menyokong pendirian Asean mengenai Kampuchea dan mahukan Asean terus memberi sumbangan terhadap penyelesaian masalah itu.

Mengenai PLO pula pendirian Amerika Syarikat agak berlainan dari pendirian kita sungguhpun mereka mengamalkan prinsip bahawa apa-apa penyelesaian harus mengambil kira hak-hak asasi rakyat Palestin. Britain sebaliknya menghendakkan penyelesaian yang saksama, dan ingin-kan usaha-usaha dipergiatkan lagi ke arah itu. Saya tidaklah dapat memperincikan perbincangan yang diadakan kerana ianya diadakan secara tertutup. Mengenai Namibia pula kedua-duanya mengharapkan exercise di bawah naungan PBB bagi memberi kemerdekaan kepada Namibia akan diselesaikan mengikut jadual.

Pertemuan dengan para usahawan Malaysia dan Amerika Syarikat adalah cukup bermanfaat. Amerika Syarikat merupakan salah satu rakan perdagangan dan pelabur terbesar di

Malaysia. Y.A.B. Perdana Menteri telah mengundang usahawan-usahawan Amerika mengadakan dialog lebih kerap lagi dengan usahawan Malaysia lagi meningkatkan lagi kerjasama dalam bidang ekonomi dan perdagangan di antara kedua-dua negara. Usahawan-usahawan terkemuka Amerika Syarikat telah memberi jaminan mereka akan terus melabur dan meningkatkan kegiatan ekonomi di Malaysia. Bagi mereka, iklim pelaburan di Malaysia adalah baik memandangkan pada kestabilan politik dan kemudahan infrastrukturnya.

Perbincangan Y.A.B. Perdana Menteri juga tertumpu pada penubuhan Lembaga Perniagaan Malaysia-Amerika Syarikat. Adalah menjadi harapan agar badan ini dapat diwujudkan tidak lama lagi bagi menggalakkan pertemuan yang lebih kerap dan meluas di antara usahawan-usahawan Malaysia dan Amerika Syarikat.

Sementara itu, pihak media-massa telah diminta memberi kerjasama supaya sebarang tulisan mengenai Malaysia di masa akan datang tidak diputarbelitkan dan harus lebih bersifat objektif dan tepat bagi mengelakkan kekeliruan yang mungkin timbul. Harus dinyatakan juga bahawa sejak tahun 1988, akhbar-akhbar utama di Amerika Syarikat telah bersikap lebih objektif dalam tulisan mereka mengenai Malaysia berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya. Ini adalah hasil perbincangan yang diadakan dengan pihak media-massa pada tahun 1988.

Di Britain, Y.A.B. Perdana Menteri telah berpejuang berunding dengan Puan Margaret Thatcher, Perdana Menteri Britain dan telah mendapat persetujuan beliau untuk menandatangani Perjanjian Perampasan Harta yang diperolehi daripada penjualan dan penganjuran najis dadah

Di London Y.A.B. Perdana Menteri juga telah berkesempatan merasmikan cawangan Bank Negara. Tertubuhnya Cawangan Bank Negara kita di London akan mengukuhkan hubungan ekonomi Malaysia dengan Britain. Penyertaan Britain dalam sektor korporat di Malaysia adalah besar. Pembukaan Cawangan Bank Negara adalah untuk menarik lagi pelaburan Britain ke Malaysia, London juga merupakan pusat kewangan yang penting dan ini akan membolehkan Malaysia mengawasi dan menjamin pertukaran matawang Malaysia tidak menjejaskan ekonomi negara.

Perbincangan dengan Pengerusi-Pengerusi Syarikat, GEC, British Aerospace dan Lotus Motors juga telah diadakan dan mereka telah menyatakan kesediaan mengambil pelajar-pelajar Malaysia untuk latihan sambilan! bekerja di kilang-kilang mereka di Britain. Adalah dianggarkan 120 penuntut Malaysia yang masih menganggur akan diberi peluang mencari pengalaman bekerja di Syarikat-syarikat British yang besar-besar ini.

Y.A.B. Perdana Menteri juga telah berpeluang berjumpa dengan pelajar-pelajar Malaysia di New York, Boston dan London dan telah berbincang dengan mereka mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan kebajikan mereka serta juga perkembangan-perkembangan semasa di Malaysia.

Berhubung dengan pelaburan dari usahawan-usahawan Amerika Syarikat dan Britain adalah dimaklumkan bahawa kejayaan hanya dapat dilihat dalam satu masa yang agak panjang. Adalah diharapkan dengan penjelasan-penjelasan yang diberikan lebih ramai lagi usahawan-usahawan Amerika Syarikat akan melabur di Malaysia terutamanya di bidang bukan petroleum dan elektromk. Lagi pun pelabur-pelabur yang beliau temui

telah meyakinkan beliau akan minat yang kuat mereka untuk berbuat demikian.

Y.A.B. Perdana Menteri juga ingin memaklumkan adalah perkara biasa bagi Kerajaan-kerajaan asing yang mempunyai hubungan erat dengan kita seperti Amerika Syarikat dan Britain bagi mengikuti perkembangan-perkembangan politik dan ekonomi di negara ini. Ini termasuklah keputusan pilihanraya yang diadakan kerana ia mencerminkan dengan jelas sokongan rakyat terhadap Kerajaan. Demikian jugalah dengan pilihanraya kecil Bentong dan sudah tentulah Kerajaan Amerika Syarikat dan Britain dapat membuat rumusan mereka sendiri.

#### LEBUHRAYA SABAH—KERJA MEMBAIKPULIH

**65. Datuk Haji Sakaran bin Dandai** minta Menteri Kerjaraya menyatakan berapakah peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan untuk kerja-kerja membaikpulih lebuhraya-lebuhraya di negeri Sabah sepanjang tahun 1989. Adakah Menteri berkenaan sedar bahawa walaupun peruntukan disumbangkan oleh Kerajaan Persekutuan bagi maksud tersebut, masih lebuhraya-lebuhraya yang mengalami kerosakan yang teruk tanpa dibaiki seperti apa yang sepatutnya. Apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh pihak Kementerian bagi memastikan bahawa keadaan lebuhraya-lebuhraya sentiasa dibaiki.

**Tuan Lubat Wan:** Bagi kerja-kerja membina dan menaikkan taraf jalan raya di Sabah, Kerajaan Persekutuan telah menyediakan peruntukan sebanyak \$124.6 juta datam tahun 1989.

Untuk makluman Yang Berhormat Kerajaan sememangnya menyedari bahawa walaupun peruntukan telah disediakan, pembinaan dan pembaikan jalan-jalan yang rosak adalah biasanya

memakan masa. Namun demikian, Kerajaan sememangnya sentiasa berusaha supaya pembaikan jalan-jalan utama yang rosak disegerakan dan diberikan keutamaan sedapat mungkin.

Di antara faktor-faktor kerosakan yang berlaku ke atas jalan raya adalah disebabkan runtuhannya kerana musim hujan yang berpanjangan dan luar biasa, dan kenderaan-kenderaan yang lebih had muatan menggunakannya. Mengenai had muatan, Kerajaan sedang mengambil langkah mengadakan stesyen-stesyen timbang bagi menguatkuasakan undang-undang had muatan supaya kerosakan jalan raya disebabkan oleh kenderaan lebih muatan dapat dikurangkan, Kerosakan-kerosakan yang berlaku akan dibaiki dari semasa ke semasa mengikut kewangan Kerajaan.

#### PEMBELIAN KAPALTERBANG TORNADO—TUDUHAN THE OBSERVER

**66. Tuan Haji Nik Abdullah bin Arshad** minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) kiranya laporan akhbar "Observer" di Britain mengenai adanya skandal pembelian senjata dari Britain yang melibatkan UMNO dan orang-orang kenamaan yang tertentu dianggap palsu, mengapa Kerajaan tidak membuat bantahan rasmi atas perkara itu;
- (b) mengapa Kerajaan tidak membuat penapisan rasmi melalui radio dan television untuk membersihkan nama baik Kerajaan; dan
- (c) adakah Kerajaan bercadang untuk membentuk badan penyiasat bagi memastikan segala tuduhan yang dibuat oleh

akhbar tersebut sesudah Kerajaan tidak bersedia membuat bantahan rasmi.

**Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Pertanyaan ini telah pun dijawab, bersama dengan jawapan kepada soalan dari Ahli Yang Berhormat dari Sandakan pada 19/6/89. Oleh itu saya tidak bercadang untuk menambah apa-apa lagi kepada jawapan saya.

#### TABUNG HAJI—PENDEPOSIT

**67. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapa ramaikah orang Islam di Malaysia sudah mendaftar di Tabung Haji;
- (b) berapa jumlah harta Tabung Haji termasuk estet-estet dan projek-projek lain; dan
- (c) berapa ramaikah jumlah Jemaah Haji dari negara-negara lain menunaikan fardhu Haji melalui Tabung Haji sejak tahun 1987 sampai sekarang.

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** Jumlah orang-orang Islam di Malaysia yang sedang mendaftar menjadi pendeposit Tabung Haji semenjak 30 September 1963 sehingga 30 April 1989 ialah seramai 1,381,605 orang. Ini berupa hanya 16% dari jumlah penduduk Islam Malaysia seramai 8.5 juta orang.

Jumlah harta Tabung Haji sehingga 30 April 1989 ialah \$1,072.90 juta.

Jumlah Jemaah Haji dari negara-negara lain yang menunaikan fardhu Haji melalui Tabung Haji sejak tahun 1987 ialah seperti berikut:

Bil.	Tahun	Jumlah
1.	1987 ..	275 orang
2.	1988 ..	183 orang
3.	1989 ..	381 orang
JUMLAH ..		<u>839orang</u>

#### PENYELEWENGAN DALAM PENGURUSAN KERAJAAN

**68. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis** minta Perdana Menteri menyatakan apakah yang telah dilaksanakan oleh Jawatankuasa Kabinet bagi melihat amalan rasuah dan penyelewengan yang diketuai oleh Yang Berhormat Sdr Anwar Ibrahim. Setakat ini apakah kedapatan-kedapatan Jawatankuasa tersebut dan bolehkah Kerajaan menyiar dan mengisytiharkan semuanya kepada umum; kalau ianya benar-benar berkesan apakah hasil siasatannya mengenai:

- (a) skandal-skandal BMF, Maminco, EPF, Makuasa, UMBC, dan Kontrak PLUS; dan
- (b) penyalahgunaan kuasa dan harta-harta para Menteri, Timbalan-timbalan Menteri, Ketua-ketua Menteri dan Menteri-menteri Besar. Ada di kalangan mereka di negara ini yang hanya memperoleh pendapatan yang ditentukan yang diketahui umum tetapi mampu membina rumah-rumah yang berharga berjuta-juta ringgit; apakah tindakan Jawatankuasa ini ke atas mereka ini.

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** Sebagaimana yang telah dijelaskan pada Mesyuarat yang lalu, Jawatankuasa ini ditubuhkan ialah untuk mencari jalan bagi mengelakkan penyelewengan dalam pengurusan Kerajaan dan memastikan tindakan tatatertib diambil secara berkesan oleh pihak yang terlibat.

Jawatankuasa berkenaan telah menyampaikan laporan-laporan dan perakuan-perakuannya kepada Kabinet. Oleh kerana perakuan-perakuan tersebut adalah lebih berbentuk tindakan-tindakan pentadbiran, hanya Jabatan-jabatan dan pihak tertentu sahaja yang di-

beritahu supaya mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk memperbaiki keadaan.

### **PEMBELIAN KAPALTERBANG TORNADO**

**69. Tuan P. Patto** minta Menteri Pertahanan menyatakan mengapa Kerajaan mengambil keputusan untuk membeli kapal terbang TORNADO dari Britain pada hal kapal terbang SKYHAWK dari Amerika Syarikat yang dibeli beberapa tahun lalu masih belum dibekal ke semuanya dan tambahan pula beberapa buah kapal terbang itu masih reput di Padang Pasir di Amerika Syarikat; dan apakah Malaysia perlu melengkapkan dirinya dengan kapal terbang TORNADO bilamana ia sendiri memperjuangkan supaya rantau ini dijadikan aman, bebas dan berkecuali.

**Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Jawapan kepada soalari ini telah pun diberi ketika menjawab soalan yang lebih kurang sama dari Ahli Yang Berhormat Sandakan pada 19-6-89. Oleh itu saya tidak bercadang untuk menambah apa-apa lagi kepada jawapan tersebut.

*(Soalan No. 70. Sila lihat jawapan No. 3).*

### **MAKANAN KEPADA ANGGOTA ANGKATAN TENTERA**

**71. Dr Abdul Hadi Derani** minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah benar laporan bahawa makanan yang dibekalkan kepada anggota-anggota Angkatan Tentera Malaysia didapati tidak sesuai dimakan dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk memastikan bekalan makanan yang bermutu tinggi kepada anggota-anggota Angkatan Tentera kita.

**Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Saya mohon izin untuk menjawab soalan ini

bersama-sama dengan soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam dan Balik Pulau yang dijadualkan pada 23 dan 28 Jun 1989 kerana kesemua pertanyaan ini mengenai perkara yang sama.

Semua jenis makanan yang dibekalkan kepada anggota-anggota Angkatan Tentera Malaysia, sama ada mentah basah atau kering dan makanan ransum mempunyai spesifikasi tertentu dan dibekalkan oleh kontraktor-kontraktor yang mengikat kontrak dengan Kerajaan. Dakwaan yang mengatakan bahawa anggota-anggota ATM telah dibekalkan dengan makanan yang berkulat, kurang bermutu dan mengandungi bahan tiruan adalah tidak benar. Ini adalah kerana kesemua 14 jenis makanan yang dimaksudkan itu terlebih dahulu dihantar ke Jabatan Kimia untuk ujian mutu sebelum bahan-bahan tersebut digunakan oleh Angkatan Tentera. Hanya makanan yang lulus ujian tersebut sahaja akan dibekalkan kepada Angkatan Tentera. Kerajaan akan menolak perbekalan makanan yang rendah mutu atau tidak menepati spesifikasi yang ditetapkan.

Oleh yang demikian tidak timbul soal tindakan terhadap pemborong-pemborong, kerana makanan yang tidak lulus ujian kimia dengan sendirinya akan ditolak dan pihak Kerajaan berhak membeli daripada punca-punca lain.

### **USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18**

#### **PERJUDIAN DI NEGARA INI DIHARAMKAN**

3.35 ptg.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas):** Bismillahir-rahmanir-rahim.

Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada Peraturan Mesyuarat 18 (1) bagi mengemukakan satu usul kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan. Memandang perjudian itu haram di sisi Islam dan bertentangan dengan nilai-nilai murni sejagat dan menyedari perjudian semakin menjadi-jadi dengan pertambahan lesen-lesen perjudian yang seolah-olah berkembang sebagai budaya negara dan menginsafi nilai-nilai negatif, kerosakan, kehancuran dan kemusnahan kepada keamanan, kemurnian hidup, keamanan kesejahteraan serta kerukunan kepada individu, keluarga dan masyarakat, maka persidangan Dewan Rakyat hari ini mengambil ketetapan untuk meluluskan usul bahawa kesemua bentuk perjudian di negara ini diharamkan.

Tuan Yang di-Pertua. . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sekejap. Yang Berhormat membaca teks usul Yang Berhormat? Adakah Yang Berhormat hendak membaca teks usul itu?

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tidak sepenuhnya, Tuan Yang di-Pertua. Tidak sama. Ini mukaddimahnya, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ucapan Yang Berhormat untuk usul ini hendaklah dikemukakan kepada saya terlebih dahulu. Yang Berhormat membaca itu tidak dikemukakan kepada saya, hanya itu menjadi sebahagian daripada teks usul. Yang Berhormat boleh membaca surat Yang Berhormat menghantar kepada saya, itulah usulnya.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut amalan dan apa yang pernah dibuat sebelum ini pun sememangnya teks ucapan usul itu sama dengan butir-butir yang dikemukakan kepada Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak, Yang Berhormat. Teks usul berlainan dengan usul. Yang sebenarnya teks usul tidak payah dihantar kepada saya. Yang dikehendaki hantar ialah usul untuk dikemukakan sama ada saya meluluskan usul itu atau tidak.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Oleh kerana itu, walaupun saya sudah menghantar kepada Tuan Yang di-Pertua, apakah tidak boleh saya minta izin daripada Tuan Yang di-Pertua untuk membacakan teks yang telah saya kemukakan kepada Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu bersalah dengan Peraturan Mesyuarat 18 (2) iaitu pada masa mengemukakan usul hanya usul sahaja untuk dikemukakan untuk mendapat kebenaran daripada Tuan Yang di-Pertua, tidak teks usul keseluruhannya, itu tidak dibenar dikemukakan, itulah yang saya katakan kelmarin, Yang Berhormat menghantar satu usul di bawah 18 (2) ini tidak mengikut. . . . .

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Peraturan Mesyuarat 18 (1) sebab saya mengikut daripada Laporan Rasmi Parlimen, sebagaimana yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa di waktu membentangkan usul mengutuk Salman Rushdie iaitu di mana saya dapati bentuk ucapannya itu sama yang dihantar sebagaimana permohonan kepada Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Barangkali itu termasuk di dalam usul; ucapannya itu termasuk dalam usul, bukan teks usul. Yang Berhormat, jika Yang Berhormat hendak membaca, saya membenarkan Yang Berhormat membaca surat yang dihantar kepada saya, itulah usutnya.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya membaca surat yang telah dihantar

kepada Tuan Yang di-Pertua bertarikh 17hb Jun, 1989 iaitu:

"17hbJun, 1989

Yang Berhormat Tan Sri  
Tuan Yang di-Pertua,  
Bangunan Parlimen,  
Kuala Lumpur.

Mengemuka Usul Peraturan 18 (1)

Saya mohon di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (1), Persidangan Parlimen Ketujuh, Mesyuarat Kedua, Penggal Ketiga dan tarikh 19hb, Jun 1989 untuk mengemukakan usul yang berikut:

Maka Persidangan Dewan Rakyat hari ini mengambil ketetapan untuk meluluskan usul bahawa kesemua bentuk perjudian di negara ini diharamkan. Usul ini adalah atas kepentingan orang ramai dan perlu disegerakan. Bukti kepentingan orang ramai adalah berdasarkan kepada berbagai resolusi yang diluluskan oleh berbagai pertubuhan dan desakan alim-ulama serta berbagai lapisan masyarakat. Perlu ianya disegerakan kerana judi mula merebak dengan meluas. Penagihan judi sama seperti penagihan dadah walaupun berlainan bentuknya. Usaha mengawal tidak memberi kesan kecuali diharamkan menurut pandangan banyak pihak. Hujah-hujah saya akan pentingnya usul ini terkandung dalam ucapan saya yang saya lampirkan bersama. Dan ucapan yang saya lampirkan bersama itu saya harap direkodkan. Terima kasih."

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima surat usul daripada Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas berkenaan pemberitahu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18.

Ahli-ahli Yang Berhormat telah mendengar surat usul yang telah

dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat Pasir Mas sebentar tadi. Usulnya adalah seperti berikut:

"Maka persidangan Dewan Rakyat pada hari ini mengambil ketetapan untuk meluluskan usul bahawa kesemua bentuk perjudian di negara ini diharamkan."

Sebenarnya pada penelitian saya, usul seumpama ini boleh dibawa oleh Ahli Yang Berhormat pada bila-bila masa mesyuarat Dewan Rakyat bersidang dengan memberi notis sebagai usul biasa dan bolehlah ia dimasukkan ke dalam agenda mesyuarat atau Aturan Urusan Mesyuarat, tetapi oleh kerana ianya telah dibawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 18, maka saya kenalah menggunakan Peraturan Mesyuarat 18 juga untuk menyelesaikannya.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat maklum, mengikut Peraturan Mesyuarat 18 (2), Tuan Yang di-Pertua hendaklah menolak permintaan untuk menangguhkan mesyuarat Dewan Rakyat kecuali Tuan Yang di-Pertua puas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu menepati tiga syarat. Ketiga-tiga syarat yang berkenaan ialah perkara yang dibangkitkan itu tertentu, ianya bagi kepentingan orang ramai dan ia berkehendak disegerakan perbin-cangannya.

Saya bersetuju dengan syarat pertama dan kedua, tetapi saya tidak bersetuju bahawa usul ini mesti dibincangkan hari ini sehingga menangguhkan mesyuarat Dewan hari ini kerana pada pendapat saya perjudian bukan datang mendadak hari ini di negara kita, tetapi sudah lama berlaku. Perkara ini boleh dibincangkan dalam bentuk satu usul persendirian oleh Ahli Yang Berhormat pada bila-bila masa mesyuarat Parlimen diadakan.

Selain daripada itu, usul ini tidak mustahak kerana Kerajaan telah, sedang dan akan terus mengambil langkah-langkah mengawal dan mengurangkan kegiatan perjudian. Langkah-langkah yang telah diambil telah dimaklumkan melalui pengu-muman-pengumuman oleh Kerajaan. Di antara langkah-langkah itu ialah Kerajaan tidak akan mengeluarkan lesen judi yang baru. Kerajaan tidak akan meluluskan agensi baru bagi mereka yang sedang menjalankan lesen judi yang sedia ada. Kerajaan telah menetapkan syarat-syarat pengendalian aktiviti perjudian di tempat-tempat yang dilesenkan. Lesen pengendalian mesin slot akan dikurangkan, sementara menunggu kajian mesin-mesin slot telah disealkan. Bilangan mesin slot yang dibenarkan kepada kelab-kelab, syarikat dihadkan kepada 10 buah sahaja. Kerajaan sedang mengambil tindakan untuk memanjangkan semua undang-undang berkaitan dengan perjudian kepada Sabah dan Sarawak. Dan lagi, di dalam sesi Parlimen ini pun akan dibentangkan dan dibahaskan satu Rang Undang-undang untuk meminda Ordinan Pertaruhan 1953, dan Dewan ini akan dapat peluang membahaskan perkara ini. Oleh yang demikian, saya menolak usul Ahli Yang Berhormat itu.

### **RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

#### **RANG UNDANG-UNDANG PERTARUHAN (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Pertaruhan 1953; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

### **RANG UNDANG-UNDANG RUMAH PERJUDIAN TERBUKA (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

### **RANG UNDANG-UNDANG BAHASA KEBANGSAAN (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

### **RANG UNDANG-UNDANG PENGALAKAN PELABURAN (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pengalakan Pelaburan 1986; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

### **RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 dan Akta Kewangan 1988, dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat akan datang.

**RANG UNDANG-UNDANG  
DARURAT (KETENTERAMAN  
AWAM DAN MENCEGAH  
JENYAH) (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969 dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

**RANG UNDANG-UNDANG  
KESELAMATAN DALAM NEGERI  
(PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

**RANG UNDANG DADAH  
BERBAHAYA (LANGKAH-  
LANGKAH PENCEGAHAN  
KHAS) (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985, dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

**RANG UNDANG-UNDANG**

**RANG UNDANG-UNDANG  
PENDAFTARAN JURUUKUR  
BAHAN (PINDAAN) 1967**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (19hb Jun, 1989).

*Perbahasan disambung semula.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Marang, sila sambung ucapan yang dibuat dari kelmarin.

*3.48 ptg.*

**Tuan Haji Abdul Rabman bin Bakar (Marang):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Semalam saya ada memperkatakan tentang sekiranya jurutera, juruukur bahan dan juga pihak-pihak yang lain diletakkan dalam keadaan yang terasing termasuklah penilai pendaftar, maka tidak hairanlah sekiranya wujud satu bentuk projek ataupun hasil yang tidak harmoni ataupun berbeza rupanya.

Bagi saya sangatlah elok sekiranya sama ada Juruukur Bahan, Jurutera Berdaftar, Penilai Berdaftar ataupun Arkitek diletakkan dalam suatu Lembaga. Bila kita meletakkan mereka ini dalam satu Lembaga, bukan sahaja ianya memperlihatkan kepada kita suatu bentuk rupa di mana kepakaran, keahlian, kebolehan digabungjalinkan di antara pelbagai profesion yang ada, tetapi jelas kepada kita bila Arkitek, bila Penilai Berdaftar dan mereka yang lain itu diletakkan dalam suatu Lembaga, secara langsung ianya tidak diberikan satu hak monopoli kepada Juruukur Bahan sahaja.

Perkara ini saya bangkitkan dalam majlis Parlimen pada petang ini kerana apabila sesuatu perkara yang mustahak yang melibatkan kepentingan awam, yang melibatkan kepentingan bersama, yang melibatkan kepentingan negara diambil kira dan dihakkan kepada satu golongan sahaja sudah barang tentulah soal keberkesannya tidak akan menjadi nyata. Sudah barang tentulah keberkesannya akan dipersoalkan apakah satu bangunan yang besar, apakah satu jalan yang besar, apakah satu Jabatan yang besar diberi hak oleh satu pihak maka kita sudah merasakan puas hati bahawa hak yang diberikan itu boleh menyebabkan kerja-kerja itu memuaskan.

Jadi, apabila kita ketepikan soal monopoli itu, bukan sahaja kita boleh banyak perkara yang kita dapat lakukan, tetapi kita juga boleh bertukar-tukar fikiran, boleh bertukar-tukar pandangan, kekuatan-kekuatan yang ada daripada Akitek, daripada Penilai berdaftar daripada Juruukur Bahan boleh kita kongsi bersama. Sementara itu kelemahan-kelemahan yang dikutip-ambil pada masa-masa yang lepas boleh juga dijadikan panduan. Tuan Yang di-Pertua, ini adalah sangat sesuai kepada hasrat Kementerian ini untuk membaiki kelemahan sebagaimana yang terkandung di dalam seksyen 7A yang antara lain mensyaratkan bahawa sesuatu pertubuhan perbadanan yang menjalankan amalan Juruukur Bahan perunding hendaklah terdiri dari Juruukur Bahan sahaja.

Jadi, dengan adanya satu pembentukan Lembaga sebagaimana yang disaranankan itu akan menjadikan suatu pertambahan bukan sahaja dari segi bilangan daripada 11 menjadi 17 tetapi akan menjadikan Lembaga itu lebih adil, lebih baik, lebih berkesan, lebih menyeluruh dari segi tenaga-tenaganya.

Saya juga berpendapat seksyen ini penting dipinda kerana ia tidak membolehkan Juruukur Bahan membuat sesuatu termasuklah menaikkan bayaran keahlian kalau pun ada ataupun monopoli anggaran harga ataupun monopoli pelan, monopoli pandangan ataupun apa sahaja. Maka, dengan pemecahan monopoli ini akan mewujudkan keseimbangan fikiran dan pandangan yang antara lainnya akan memberikan pulangan balik yang adil kepada semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh bahawa Juruukur Bahan sering kali bertindak sebagai polis. Kita tidak mahu Juruukur Bahan bertindak sebagai polis iaitu hanya mencari kesalahan, jumpa kesalahan tangkap kontraktor, tangkap pihak-pihak berkenaan lantas meletakkan satu hukuman. Dalam soal ini kita tidak mahu itu berlaku. Quantity Surveyor ataupun Juruukur Bahan ini bukan polis, bukan juga hakim tetapi seorang profesional, seorang ahli yang sepatutnya melontarkan idea dan buah fikiran, pandangan dan kebolehannya untuk diajar serta diterapkan terutamanya kepada kontraktor-kontraktor terutama kontraktor bumiputera yang baru hendak naik, yang baru hendak meningkat, yang baru hendak bertunas, yang baru umur setahun jagung, darah baru setampuk pinang ini. Ini perlu diajar. Oleh hal yang demikian, saya kira Quantity Surveyor ataupun Juruukur Bahan mestilah bertindak sebagai pengadil atau sebalag referee. Maknanya kalaulah kita lihat kontraktor itu ada kelemahan sepatutnya dicurahkan segala bentuk pengalaman, kebolehan, keilmuannya untuk diberikan kepada kontraktor-kontraktor yang ada itu.

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang tahun 1984 sehingga tahun 1987 kita melihat banyak projek-projek yang dijalankan telah terbengkalai termasuklah projek-projek perumahan,

termasuklah projek-projek sekolah, termasuklah projek-projek bangunan yang lain. Dan kita dapati lebih daripada 70% projek-projek yang terbengkalai itu adalah disebabkan salah kira iaitu di mana Juruukur Bahan meletakkan harga yang agak rendah dan apabila kontraktor buat, harganya tinggi. Katakan dia letak \$5 juta tetapi apabila kontraktor buat lebih daripada \$5 juta, mungkm memakan belanja \$5.5 juta ataupun \$6 juta. Jadi, saya kira apabila dilihat pada tahun 1984 hingga 1987 sebab-sebab yang terbengkalai ini kerana ketika menentukan harga Juruukur Bahan sahaja mempunyai hak dan mempunyai pandangan untuk menentukan harga.

Saya kira sudah sampai masanya pihak Lembaga yang ditubuhkan ini memainkan peranan, memberikan garis panduan untuk menentukan keadaan-keadaan yang baik, yang benar. Misal katakan beginilah. Dalam majlis ini, dalam bangunan Parlimen ini kita hendak letakkan harga carpet. Katakan Juruukur Bahan letak 100 unit harganya lebih kurang \$1.00 satu unit yang boleh melibatkan kira-kira \$100,000, tidak semestinya pandangan Juruukur Bahan itu 100% betul. Dia pun manusia juga. Apa hal pandangan-pandangan daripada kontraktor. Apa hal pandangan-pandangan daripada Akitek. Apa hal pandangan daripada golongan-golongan yang lain. Jadi ini kadang-kadang apabila harganya berbeza, katakan kontraktor itu meletakkan \$150,000; Juruukur Bahan kata \$100,000, maka perbezaan \$50,000 itu perlu dibayar oleh kontraktor. Ini merupakan suatu yang tidak adil. Dan yang berlaku ini bukan satu kontraktor. Pernah terjadi ahli-ahli Juruukur Bahan meletakkan satu projek \$4 juta tetapi dalam 20 penender ataupun lebih daripada itu, ataupun sedikit daripada 20 tidak ada yang letak harganya sebanyak itu. Kalau dia letak kata tadi \$4 juta tidak

ada yang letak \$4 juta, tetapi semuanya \$5 juta ke atas menyebabkan projek itu ditender balik. Ini mengambil masa atau waktu yang lama dan menyebabkan kosnya tinggi.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Jadi, Taun Yang di-Pertua, saya kira perlu diadakan orang ketiga ataupun Lembaga ketiga untuk menentukan ini semua. Maknanya pandangan daripada kontraktor pun diambil kira dan juga pandangan daripada Juruukur Bahan pun diambil kira. Ini satu garis panduan dan satu perkara yang perlu dibuat oleh pihak Lembaga yang ada. Saya nampak perkara ini amat sering terjadi dan sepanjang tahun 1984 sehingga 1987 inilah yang menyebabkan projek-projek yang ada terbengkalai. Dan dalam clause tender ataupun dalam dokumen ada mengatakan antara lain seseorang kontraktor mestilah mengkaji, mestilah melihat, mestilah memperincikan dokumen tawaran terlebih dahulu dan kalau sekiranya dia tidak boleh menyelesaikan dalam masa proses penenderan ataupun dalam tempoh yang diberikan, kalau sekiranya berlaku kesalahan, maka tanggungjawab pembayaran itu mestilah dibuat ataupun dibayar oleh kontraktor itu sendiri. Ini tidak adil sebab kadang-kadang kontraktor ada perkara-perkara yang dia rasa, yang dia lihat pada perkiraannya tidak berlaku.

Sebagai contoh saya hendak beritahu mengenai satu projek sekolah. Misalnya kalau dia hendak buat satu bangunan sekolah di atas sebuah bukit, tetapi di bawah bukit itu ada batu dan mengikut kajian Juruukur Bahan dia tidak tahu ada batu. Kontraktor pun tidak tahu ada batu keras seperti granite dan sebagainya. Apabila dipotong bukit itu menyebabkan kerja-kerjanya lewat memerlukan jentera-jentera yang

besar, memerlukan alat-alat yang lebih banyak tetapi kerana ada batu tadi walaupun alatnya banyak, walaupun alatnya besar tetapi kosnya bertambah dan sebagainya. Tetapi kerana dokumen ataupun clause itu menyatakan perlu dikaji, perlu diperinci oleh kontraktor itu sendiri menyebabkan seluruh belanja-belanja tambahan itu dibayar atau ditanggung kerugiannya oleh kontraktor itu sendiri.

Jadi, dalam soal ini juga saya ingin menyatakan bahawa Juruukur Bahan tidaklah seboleh-bolehnya diberikan kuasa mutlak kepada dia untuk menentukan harga ataupun belanja yang ada kepada sesuatu projek. Dan inilah kita melihat perkara-perkara yang sering berlaku dan hari ini selain daripada itu kita lihat satu lagi iaitu ahli-ahli Juruukur Bahan ini perlulah menentukan satu sikap yang lebih terbuka. Satu sikap yang tidak boleh sided kepada pihak-pihak tertentu. . . . .

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan.

**Tuan Abdul Haji Rahman bin Bakar:** Sila.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Yang Berhormat telah menyentuh mengenai harga kontrak yang diberi secara terperinci dan mengenai tugas dan tanggungjawab pihak kontraktor. Jadi, dari segi samar-samarnya saya tidak tahu apa objektifnya tetapi adakah Yang Berhormat bertujuan untuk menyarankan supaya pihak Kerajaan atau agensi Kerajaan yang bertanggungjawab sepatutnya berhati-hati untuk menentukan supaya kos harga projek itu munasabah. Memanglah selalu kalau harga yang dibcri oleh kontraktor itu misal kata \$5 juta tetapi ada perkara yang tidak diketahui menyebabkan harganya tinggi hinggalah terbengkalai. Yang salah itu saya rasa tidak hanya kontraktor tetapi pihak Kerajaan atau agensi Kerajaan

yang menerima tender yang dikemukakan oleh pihak kontraktor. Adalah maksud Yang Berhormat mencadangkan supaya pihak Kerajaan sepatutnya berhati-hati.

**Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Ya, saya kira pihak Kerajaan atau pihak-pihak yang lain perlu juga berhati-hati dan juga tidak menyalahkan pihak kontraktor sahaja kerana ada satu-satu projek itu sememangnya kadang-kadang di luar perkiraan dan juga di luar pengetahuan kontraktor itu sendiri. Tetapi kalau mengikut dokumen tender yang telah ditetapkan bahawa ia tidak boleh bayar 100% walaupun ada 100% serupa dengan perbezaan yang ada. Katakan harga tawaran itu tadi \$100,000, sedangkan apabila dibuat oleh kontraktor itu melibatkan \$150,000, perbezaan \$50,000 itu kerana potong bukit yang ada granite tadi tidak boleh dibayar sepenuhnya. Ini merupakan satu bencana yang besar kepada kontraktor yang berkenaan dan saya kira peruntukan ini, clause ini perlu diperbaiki dan juga perlu dilontar jauh-jauh supaya perkara ini tidak berlaku. Ini saya kira satu kelemahan yang paling nyata yang ada kepada ini semua.

Saya bukanlah hendak menyalahkan Juruukur Bahan seratus-peratus tetapi Juruukur Bahan boleh memainkan peranan ini dan apabila kita wujudkan satu Lembaga yang baharu, Lembaga ini boleh menentukan arah. Kita tidak mahu wujudkan Lembaga sekadar menaikkan ahlinya, sekadar melantik profesion yang tertentu melibatkan diri, sekadar itu sahaja tidak ada makna. Garispanduan yang lebih kemaskini yang boleh menolong pihak-pihak yang lain perlulah dibuat dan diambil kira.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya menyentuh tentang Juruukur Bahan ini dari segi yang lain pula. Kita mahu Juruukur Bahan ini kena fahamlah

sedikit keadaan-keadaan semasa, baik dalam negeri mahupun luar negeri. Ini kadang-kadang dengan cara kita sahaja. Saya sebutkan ini bukan terjadi kepada semua Juruukur Bahan tetapi terjadi kepada sebahagian Juruukur Bahan iaitu tidak sensitif, tidak peka kepada keadaan-keadaan semasa baik dalam negeri mahupun di luar negeri. Misal kata kenaikan yen, kenaikan dollar US, kenaikan pound Britain ataupun kenaikan steel di Malaysia sendiri.

Baru-baru ini, sebagai contoh, Menteri Perdagangan dan Perindustrian Dato' Seri Datin Paduka Rafidah Aziz mengatakan mulai April 1989 keadaan steel, keadaan iron telah naik daripada sekian peratus iaitu dari 15% menjadi 26%, apabila steel itu naik, bahan-bahan naik, harga binaan naik, semuanya naik tetapi Juruukur Bahan masih juga menetapkan harga pada harga yang lama menyebabkan apabila kontrak diperolehi, bukan senang memperolehi kontrak, bukan dalam masa sebulan duabulan—6 bulan, ada yang setahun dan ada yang lebih daripada itu. Mula daripada 1 bulan hendak jadi 6 bulan berapa banyak harga yang naik, berapa banyak belanja yang naik tetapi Juruukur Bahan masih juga menetapkan harganya pada tahap yang lama. Perkiraan-perkiraan semasa negeri, perkiraan-perkiraan di luar negeri, perkiraan-perkiraan nilai yen, nilai US dollar dan sebagainya tidak diambil kira. Sebab itulah hari ini apabila melambungnya nilai yen Jepun, melambungnya nilai ringgit luar negeri, keadaan suasana panik terjadi di dalam negara kita, kontraktor terkapar-kapar, ramai yang mati, ramai kontraktor yang bankrap disebabkan oleh peranan Juruukur Bahan yang tidak boleh membaca meter, yang tidak boleh menyukat kenaikan harga itu sendiri yang tidak mungkin dapat menyebabkan kontraktor itu sama-sama untung dan ini sering terjadi. Di sinilah letaknya

Lembaga ini, letaknya satu kekuatan yang baru untuk mengkaji kenaikan-kenaikan ini. Memanglah kita tidak akan dapat meramal 100% kenaikan-kenaikan di luar negeri tetapi kita mesti sensitif, mesti peka, mesti tahu keadaan-keadaan dan perkembangan ekonomi yang terjadi pada masa ini

Ini berbeza dengan negeri kita. Kalau negeri kita bila yen naik kita terkapar-kapar, kita mati dan sebagainya. Tetapi kalau negeri lain walaupun yen naik—Indonesiakah, Thailandkah ataupun Singapura, kontraktor tidak menghadapi masalah-masalah ini. Mestilah mereka ini mempunyai satu formula, mereka mestilah ada mempunyai satu cara. Hal-hal ini perlulah kita lihat dan kita perhatikan dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang bayaran ataupun tentang kerja-kerja yang telah dibuatkan dan perlukan bayaran daripada pihak Kerajaan ataupun agensi yang terlibat. Saya dapati pada hari ini bayaran-bayaran ini lambat. Banyak kontraktor-kontraktor—kita ini bukanlah kontraktor, bukan businessmen, sekadar ahli politik yang diperalat dan dipergunakan oleh ahli-ahli business ini untuk menyaran, mengesyor dan meluahkan masalah dan problem mereka kepada pihak-pihak Kementerian. Ada yang dapat payment setahun lepas siap kontrak, ada yang sepatutnya down payment sekian-sekian bulan tetapi tidak dibayar, sebab, bukan tidak mahu dibayar oleh Kerajaan itu sendiri tetapi ada Juruukur-juruukur Bahan yang tertentu menggunakan pelbagai perkara yang cerewet, menggunakan pelbagai sekatan-sekatan, dalam Dewan yang mulia ini saya tidak mahu menamakan pihak-pihak yang tertentu yang sudah pun kerja-kerja mereka tetapi tidak dijelaskan bayarannya, mungkin ada sesuatu di belakangnya, saya pun tidak mengerti. Tetapi soalnya, sepatutnya diselesaikan apabila sudah projek itu

dicompletekan maka perulah diberikan pembayaran yang sejelas-jelasnya, yang secepat-cepatnya.

Perkara-perkara ini banyak yang terjadi dan dalam masa yang sama juga kita lihat apabila wang tidak ada, bila kontraktor telah merasai kerugian, mereka meraba-raba mencari bank dan sebagainya. Sekali lagi bank itu akan mengenakan charge, akan mengenakan interestnya yang tinggi-tinggi, yang bukan-bukan kerana menganggap kontraktor ini orang kaya-kaya dan sebagainya. Malang seribu kali malang, pada kontraktor-kontraktor yang baru, kontraktor yang kelas EX, kontraktor yang kelas E ataupun yang kelas F ini yang daif ini yang baru hendak bertunas yang baru hendak bertatih hendak berjalan ini akan mati lingkup begitu sahaja. Saya kira apabila ditubuhkan Lembaga ini akan boleh memainkan peranan sama ada melalui Menteri Kewangan ataupun melalui pihak bank supaya soal-soal ini diambil kira dan berikan perhatian yang serius.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyatakan satu perkara lagi iaitu mengenai dengan pembelian dokumen tender. Saya tidak tahulah tetapi saya kira masuk topik ataupun tajuk perbincangan kita pada hari ini iaitu banyak kontraktor yang telah membeli 5, 6, 7 tender. Satu tender \$100; \$150 ada yang \$200 sedangkan bayaran printingnya adalah \$20, \$30 tetapi dia punya harga \$150. Kalau sudah 10 kali \$150x10 - \$1,500. \$1,500 kalau dia boleh tender satu tidak apa, sepuluh-sepuluh dia out, sepuluh-sepuluh dia tidak dapat. Kalaulah kontraktor itu yang muda-muda yang bumiputera-bumiputera ini yang baru hendak bertatih mampus begitu sahaja, tiada keuntungan apa-apa. Jadi kita syorkan supaya syor Juruukur Bahan mestilah munasabah, kalau harga printing itu \$20, \$20lah tidak usah charge sampai \$200. Apa guna kita cekik keuntungan daripada

kontraktor-kontraktor anak-anak ini yang baru hendak lahir. Inilah sikap yang mesti dipertunjukkan. Hari ini heboh di seluruh negara dalam Malaysia ini iaitu membeli dokumen tender yang tidak berpadanan dengan harganya, membeli yang tidak sepatutnya. Ada kawasan saya itu masuk tender 34 kali, dia kira-kira sudah habis- lebih kurang 7-8,000 ringgit tetapi satu tender pun dia tidak dapat. Perkara-perkara yang seperti ini perlu disemak balik, Lembaga boleh uruskan, Menteri Kerjaraya, Timbalan Menteri Kerjaraya Yang Berhormat kita boleh lihat perkara ini. Walaupun perkara ini kecil, pada orang kaya tidak ada apalah tetapi pada yang miskin ini, yang baru hendak bertatih ini merupakan satu masalah yang agak besar yang perlu kita lihat.

Tuan Yang di-Pertua, saya setemnya ingin menyentuh tentang Seksyen 10 iaitu mengenai peperiksaan oleh Lembaga. Saya syorkan, saya beri pandangan iaitu cadangan ini memanglah baik. Hendak adakan peperiksaan demi menjaga mutu ataupun menjaga profession Juruukur Bahan itu sendiri dan disebutkan dalam Kertas DR 13/89 ini, pihak Lembaga perlu menetapkan peperiksaan seperti membuat soalan atau apa-apa sahaja. Saya setuju, kerana dengan tujuan untuk mendapatkan orang-orang yang betul-betul mahir. Tetapi perlu juga kita ingat sepatutnya pihak Kementerian Kerjaraya ini kena wujudkan satu Lembaga Peperiksaan yang lain.

Saya bukanlah hendak timbulkan masalah ketidak kepercayaan kepada Lembaga ini tetapi mungkin untuk mengelakkan soalan-soalan bocor. Ini soalan-soalan bocor banyak, dahulu SPM kecoh fasal soalan bocor, LCE bocorlah, nanti pihak Menteri tubuhn ini bocor pula. Selain dari itu, kita juga hendak jaga mutu dan bila kita hendak jaga mutu, tidak eloklah kita berikan pihak dia sahaja, dalam

mangkuk itu sahaja, dalam cawan itu sahaja yang buat soalan, yang mengajar dan sebagainya. Perlulah diawasi oleh pihak yang ketiga yang boleh ditentukan, dibentuk oleh pihak Kementerian ini sendiri. Itu mengenai peperiksaan.

Sesuai dengan ini juga, saya mengesyorkan supaya Juruukur Bahan ini sering ditukar-tukar. Dia kalau kerja-kerja dengan public ini, kalau kita letakkan dia di situ sahaja, kalau lebih daripada 2 tahun ataupun lebih daripada 3 tahun, dia lain macam dengan public. Jadi, perlulah ditukar-tukar ganti, dialih-alihkan supaya suasana mesra dalam "inverted comma" itu tidak terjadi ataupun tidak sering berlaku sangat. Jadi, perkara-perkara ini perlu diambil berat.

Perkara yang ketiga, pendidikan moral, pendidikan agama perlu diterapkan dalam diri Juruukur Bahan. Orang Islam dengan Islam sahaja, orang bukan Islam, biar dengan bukan Islam sahaja. Kalau dia hanya hendak tahu dari segi bancuhan besi sahaja, simen sahaja, batu sahaja, landscape sahaja tetapi nilai-nilai moral, nilai-nilai akhlak tidak ada, banyak perkara yang tidak baik terjadi, sebab itu kita tidak hairan penjara-penjara penuh dengan orang-orang macam ini. Kita tidak hairan kalau sekiranya kita anggap benda ini baik, jadi tidak baik. Kita tidak hairan nampak dia smart, kot lawa sahaja tetapi rupanya, hali budi dia kecil, jiwa dia tidak murni disebabkan oleh pendidikan-pendidikan ini tidak ada. Jadi, dalam soal ini pihak Lembaga juga perlu mengambil peranan dan memainkan sesuatu yang boleh mendatangkan, hasil.

Saya juga tertarik kepada Seksyen 24, iaitu Juruukur Bahan, dia kena daftar demi menjaga mutu dan juga demi mencari mereka yang benar-benar layak. Maknanya kalau hendak diiktiraf kedudukan ataupun status

Juruukur Bahan itu, kalau tidak daftar, dia tidak boleh. Ini satu perkara yang saya sokong 100%. Tetapi kalau dia daftar sahaja tanpa mempunyai quality-quality yang saya sebutkan tadi ataupun quality-quality yang lain yang mungkin akan diiktirafkan iapun tidak memberikan kesan yang baik kepada Seksyen 24 yang kan dipinda ini.

Kemudian Seksyen 15 juga menjelaskan tentang soal membatalkan serta menggantung lesen oleh pihak Lembaga Pendaftaran Juruukur Bahan yang dijelaskan tidak lebih daripada 6 bulan dan ini kita setuju 100% tetapi saya kira masa 6 bulan itu adalah agak lama dan perlu direndahkan sedikit menjadi 3 bulan, kerana dalam soal-soal ini kita perlu fikir dari segi professionnya, dari segi kerja dan sebagainya. Jadi, 6 bulan itu bagi sayalah, bagi orang lain saya tidak tahu, adalah agak lama dan juga perlu dibaiki daripada masa 6 itu menjadi 3.

Satu lagi yang saya lihat iaitu secara mutlaknya ada perbezaan antara anggaran-anggaran yang dibuat oleh Juruukur Bahan Kerajaan dengan Juruukur Bahan oleh pihak swasta. Yang lazimnya harga-harga yang dikemukakan oleh Juruukur Bahan daripada Kerajaan itu lazimnyalah lebih tinggi daripada harga-harga ataupun nilai-nilai yang diberi oleh Juruukur Bahan pihak swasta. Ini pun kena diambil kira, kena diberikan perhatian. Kadang-kadang pihak yang menetapkan harga daripada pihak Juruukur Bahan Kerajaan itu adalah tidak munasabah.

Saya tidak tahulah mungkin pihak Juruukur Bahan swasta dia ada caranya yang tersendiri ataupun kaedahnya yang tersendiri. Tetapi rata-rata kita nampak anggaran yang dibuat oleh Juruukur Bahan Kerajaan pada hari ini berbeza dan pihak Lembaga, saya kira boleh memainkan satu peranan yang tertentu yang boleh menyebabkan dapat diseimbangkan ataupun diselaraskan harga di antara Juruukur Bahan swasta dengan pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah sahaja. Sebagai kesimpulannya, saya ingin mencadangkan kepada pihak Lembaga ini supaya diambil kira dari segi kepentingan negara, dari segi kepentingan tanah air kita ini bila kita menentukan sesuatu harga, sesuatu pandangan ataupun sesuatu plan. Maknanya termasuklah dari segi rupanya, dari segi kaedahnya, dari segi penyesuaian tanahnya, dari segi ketahanannya, dari segi teknologinya, dari segi kepakarannya dan ini saya kira telah pun dibuat oleh pihak Juruukur Bahan di Malaysia ini sendiri tetapi ada yang kita hendak ingatkan iaitu ciri-ciri mementingkan negara ini perlulah diambil kira, kerana apabila kita tidak ingatkan perkara-perkara yang macam ini wujudlah kadangkadang bangunan yang mengkiבלatkan macam New Delhi pun ada, yang mengkiבלatkan Eropah pun ada. Ciri-ciri tradisi tanah air ini dilupa dan tidak diambil kira dan ini adalah satu perkara yang sangat penting, kerana bila kita reka rupa bentuk ataupun bila kita mencacakkan sesuatu, perkara-perkara kepentingan kebangsaan, kepentingan negara ini adalah merupakan satu kepentingan yang perlu diharmonikan dengan seluruh suasana dan keadaan.

Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua, dan saya menyokong penuh suatu Akta untuk meminda Akta Pendaftaran Juruukur Bahan 1967 ini kepada Akta Pendaftaran Juruukur Bahan (Pindaan) 1989. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Dijemput Timbalan Menteri menjawab.

**Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Luhut Wan):** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima-kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang, Ahli Yang Berhormat dari Seremban, Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar, Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai, Ahli Yang Berhormat

dari Arau, Ahli Yang Berhormat dari Maran dan Ahli Yang Berhormat dari Marang yang telah bangun membangkitkan mengenai Rang Undang-undang Pendaftaran Juruukur Bahan (Pindaan) 1989 ini. Saya dengan ini menjawab pandangan-pandangan dan teguran untuk makluman dan perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Ahli Yang Berhormat dari Seremban telah mendakwa terdapat Juruukur Bahan yang tidak berkelayakan yang menjalankan amalan Juruukur Bahan.

Mengenai perkara ini sekiranya Ahli Yang Berhormat ada kes-kes tertentu, sila laporkan kepada Lembaga Juruukur Bahan secara rasmi untuk memudahkan pengambilan tindakan tata tertib ke atas mereka. Lembaga ini beralamat di Kementerian saya iaitu Kementerian Kerjaraya.

Ahli Yang Berhormat dari Arau dan Ahli Yang Berhormat dari Marang telah menyentuh mengenai kenaikan harga bahan di pasaran setelah tarikh tender ditutup. Ini menyulitkan penender-penender. Dalam hal ini, sukacita dimaklumkan bahawa kontrak-kontrak JKR mengandungi syarat-syarat perubahan harga bagi bahan-bahan binaan utama, penender hendaklah mengambil kira harga bahan-bahan tersebut sehingga bulan sesuatu tender ditutup sahaja. Jika harga bahan-bahan naik selepas tarikh tender ditutup, kontraktor akan dibayar gantirugi mengikut peruntukan dalam syarat perubahan harga bahan-bahan.

Yang Berhormat dari Kota Setar dan juga Ahli Yang Berhormat dari Marang mencadangkan supaya peluang diadakan untuk membolehkan orang-orang yang tidak berkelayakan atau separuh berkelayakan untuk mendapatkan kelulusan sebagai Juruukur Bahan. Mengenai perkara ini suka dimaklumkan bahawa selain daripada kursus-kursus yang diadakan

di Universiti Teknologi Malaysia dan Institut Teknologi MARA, Pertubuhan Juruukur Malaysia atau Institution of surveyors, dengan izin, dalam Malaysia ada mengadakan peperiksaan sendiri. Kelulusan daiam peperiksaan Pertubuhan Juruukur Malaysia adalah diiktiraf oleh Lembaga Juruukur Bahan, Pindaan kepada Akta juga membolehkan Lembaga Juruukur Bahan untuk mengadakan peperiksaannya sendiri.

Ahli Yang Berhormat dari Seremban menyentuh mengenai kekurangan bilangan Juruukur Bahan di negara ini. Suka saya memaklumkan bahawa bilangan yang berdaftar sekarang dengan Lembaga Juruukur Bahan ialah seramai 421 orang.

Di samping perkara-perkara di atas, ada beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh mengenai fungsi Juruukur Tanah dan profesion-profesion lain yang terlibat dalam industri pembinaan. Dalam hal ini ada terdapat sedikit kekeliruan tentang fungsi Juruukur Tanah dengan fungsi Juruukur Bahan. Akta Pendaftaran Juruukur Bahan yang dibahaskan sekarang tidak meliputi Juruukur Tanah yang didaftar di bawah Lembaga Juruukur Tanah. Juruukur Bahan berfungsi seperti Cost Accountant, dengan izin, bagi projek-projek pembinaan, Antara lain tugas-tugas adalah seperti berikut:

- menyediakan laporan kajian kemungkinan;
- membuat anggaran kos projek;
- menyediakan dokumen tender termasuk senarai kuantiti kerja dan bahan-bahan;
- membuat penilaian dan laporan ke atas tender yang diterima;
- menyediakan dokumen kontrak;
- menyediakan penilaian kerja yang dijalankan bagi tujuan bayaran kemajuan bagi kontraktor; dan

— menyediakan penilaian kerja perubahan atau variation orders, dengan izin, dan akaun akhir sesuatu projek.

Jika sekiranya ada beberapa teguran-teguran yang telah ditimbulkan oleh pihak Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan terhadap pindaan Rang Undang-undang ini, saya memberi jaminan di sini bahawa pihak Lembaga ini akan mengambil perhatian yang sedalam-dalamnya terhadap cadangan-cadangan dan teguran-teguran yang telah pun dibangkitkan oleh pihak para Ahli-ahli Yang Berhormat. Terima-kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud);** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawa-tankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua mem-pengerusikan Jawatankuasa)

*Fasal 1 hingga 19* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG  
PERBEKALAN TAMBAHAN  
(1988 DAN 1989)**

**Bacaan Kali Yang Kedua**

4.26 *ptg.*

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Loke Yuen Yow):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1988 dan 1989 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu, dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi memperuntukkan sejumlah \$172,587,309 dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk membiayai perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1988 dan tahun 1989 seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual Pertama dan Jadual Kedua kepada Rang Undang-undang ini.

*Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua, 1988:*

Sebenarnya Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua, 1988 adalah berjumlah \$233,972,610 tetapi sebanyak \$20,771,000 sahaja diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang. ini kerana baki daripada jumlah tersebut daripada \$213,201,610 adalah merupakan perbelanjaan tanggungan yang tertakluk kepada perbekalan undang-undang tertentu.

Tambahan peruntukan sebanyak \$20,771,000 adalah dikehendaki di bawah Maksud B.29—Perkhidmatan Am Perbendaharaan bagi menambah peruntukan Bayaran Balik Hasil untuk menyelaraskan akaun Buku Tunai dan Hasil Kerajaan yang terlebih dinyatakan dalam tahun 1983.

Butir-butir dan keterangan-keterangan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua, 1988 ini boleh didapati dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 18 Tahun 1989 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 18A Tahun 1989.

*Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama, 1989:*

Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama, 1989 berjumlah \$151,816,309. Jumlah tersebut diminta diluluskan di bawah Fasal 3 Rang Undang-undang ini. Tambahan peruntukan yang diminta diluluskan di bawah Fasal 3 Rang Undang-undang ini adalah seperti berikut:

Sebanyak \$126,603,409 adalah dikehendaki di bawah Maksud B.30 — Peruntukan Kepada Kumpulan Wang Terkanun. Daripada jumlah ini sebanyak \$25,000,000 adalah untuk caruman tambahan kepada Tabung Kumpulanwang Simpanan Negeri tahun 1989 bagi membantu Kerajaan-kerajaan Negeri yang mengalami kekurangan (defisit) di dalam Akaun Kerajaan-kerajaan Negeri masing-masing.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, tambahan ini telah diluluskan oleh Mesyuarat Majlis Kewangan Negara pada 11hb Februari, 1989. Bakinya sebanyak \$101,603,409 adalah dikehendaki untuk diperuntukkan kepada Akaun Amanah Kumpulan Wang Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan, mengenai Seksyen 10, sub-seksyen 4, Akta Lembaga Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan yang menghendaki Kerajaan memperuntukkan wang yang sama banyak dengan wang yang telah dibayar kepada Akaun Hasil Disatukan bagi hasil jualan loteri setelah ditolak semua perbelanjaan yang berkaitan bagi tempoh tahun 1962 hingga tahun 1987.

Sebanyak \$19,325,200 adalah dikehendaki di bawah Maksud B.7— Jabatan Perdana Menteri. Daripada jumlah ini sebanyak \$17,800,000 adalah dikehendaki oleh Pasukan Petugas Pendatang Haram Vietnam untuk meneruskan operasi mengosongkan Pulau Bidong daripada Pendatang Haram Vietnam serta operasi pencegah dan mengusir Pendatang Haram Vietnam (PHV) dari negara Malaysia. Sebanyak \$1,408,200 adalah dikehendaki bagi menampung perbelanjaan kerja-kerja mengubahsuai Bangunan Sulaiman untuk dijadikan Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Mengikut jadual kerja-kerja pengubahsuaian ini dapat disiapkan pada akhir bulan Jun dan selebihnya, iaitu sebanyak \$117,000 adalah dikehendaki bagi membiayai pembelian peralatan perkakas pejabat untuk diberikan sebagai hadiah kepada 39 buah pejabat-pejabat Kerajaan yang telah berjaya terpilih di bawah Program Anugerah Pejabat terbaik dalam tahun 1986, 1987 dan 1988.

Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 3,000,000 adalah dikehendaki di bawah Maksud B.39 — Jabatan Pendaftaran Negara untuk kerja-kerja pengubahsuaian kaunter dan ruang pejabat, penyewaan komputer, bayaran penyelenggaraan "hardware", Perkhidmatan Biro "Data Entry", pembelian kad-kad kosong dan bahan-bahan kimia untuk pengeluaran Kad Keselamatan Bermutu Tinggi yang telah diluluskan oleh Kerajaan.

Sebanyak \$2,000,000 adalah dikehendaki di bawah Maksud B.49— Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos untuk membiayai kerja-kerja pembersihan Tasik Kenyir untuk menjadikannya sebagai pusat pelancongan.

Sebanyak \$887,700 adalah dikehendaki di bawah Maksud B.14— Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk menampung Program/Aktiviti (Baru)

Kemajuan Perkampungan yang dipindahkan daripada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar mulai 1hb Mac, 1989. Butir-butir dan keterangan-keterangan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama, 1989 adalah seperti dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 19 Tahun 1989 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 19A Tahun 1989.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkanlah saya mengemukakan pula cadangan bagi Anggaran-anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan) (Bil. 4) Tahun 1988 dan (Tambahan) (Bil. 1) Tahun 1989. Peruntukan tambahan yang dicadangkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan) (Bil. 4) Tahun 1988 adalah berjumlah \$4,003,500. Jumlah tersebut adalah untuk perbelanjaan pinjaman. Tambahan peruntukan tersebut sebanyak \$4,003,500 adalah dikehendaki di bawah Maksud P.51 — Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos untuk membiayai pembayaran barang-barang alat ganti bagi projek stesyen janaelektrik Paka yang pada mulanya dijangka dapat dibekatkan dalam tahun 1987 tetapi hanya dapat dibekalkan sepenuhnya dalam tahun 1988 dan juga untuk menampung kenaikan harga barang-barang tersebut. Butir dan penjelasan lanjut mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan) (Bil. 4) Tahun 1988 adalah seperti yang dinyatakan dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 20 Tahun 1989 dan juga dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 20A Tahun 1989.

Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1) Tahun 1989 yang dicadangkan

berjumlah \$1,289,590,730 dan daripada jumlah ini sebanyak \$1,118,789,720 adalah perbelanjaan Cara Langsung dan sebanyak \$170,801,010 adalah Perbelanjaan Pinjaman.

Tambahan bagi membiayai rancangan-rancangan utama mengikut Kementerian adalah seperti berikut: sebanyak \$307,000,000 adalah dikehendaki di bawah Maksud P.54 — Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Daripada jumlah ini sebanyak \$128.6 juta untuk program Majlis Amanah Rakyat (MARA), \$35 juta untuk meneruskan projek jalan luar bandar. \$28.7 juta untuk projek-projek pembangunan masyarakat iaitu sebanyak \$27.7 juta untuk rancangan pemulihan kampung dan sebanyak \$1 juta untuk rancangan Amalan Makanan dan Pemakanan dan \$27.5 juta untuk projek Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan iaitu FELCRA dan \$26.4 juta untuk program bagi membantu golongan termiskin, \$23.3 juta untuk projek bekalan elektrik luar bandar bagi negeri Sarawak dan Sabah, \$19.7 juta untuk jalan keselamatan (termasuk KESBAN), \$7.2 juta untuk projek gotong-royong di bawah Kemajuan Masyarakat KEMAS, \$7.1 juta untuk projek-projek Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, \$3 juta untuk projek industri kampung dan \$212,000 juta untuk Taman Bimbingan Kanak-kanak.

Sebanyak \$264 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud P.25 Kementerian Pertahanan. Daripada jumlah ini sebanyak \$210 juta untuk menampung pembelian alat-alat kelengkapan tentera darat, sebanyak \$36 juta untuk menampung pembelian alat-alat kelengkapan tentera udara dan sebanyak \$18 juta untuk pembelian alat-alat kelengkapan 3 khidmat. Sebanyak \$242.3 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud P.7 — Jabatan Perdana Menteri. Daripada jumlah ini sebanyak \$145 juta sebagai

pinjaman kepada Perwaja Terengganu Sdn. Bhd. dan Kedah Cement Sdn. Bhd., untuk menjelaskan sebahagian bayaran balik pinjaman. Sebanyak \$26.2 juta untuk program perparitan dan membaikpulih sungai dan parlt, Dewan Bandaraya, Kuala Lumpur.

Sebanyak \$14 juta untuk projek Perumahan Kos Rendah di Balik Pulau, Pulau Pinang di bawah program penyertaan bumiputera, Pulau Pinang; sebanyak \$11.3 juta untuk menampung perbelanjaan kerja-kerja mengubahsuai Masjid Negara. Sebanyak \$10 juta untuk membina Kompleks Planetarium Kuala Lumpur; sebanyak \$9 juta untuk mengawal berlakunya hakisan pantai; sebanyak \$6.8 juta bagi bayaran juru perunding bagi 6 buah projek; sebanyak \$6.8 juta untuk Pelangi Beach Resort sebagai tempat penginapan perwakilan Ketua-ketua Kerajaan Komanwel pada bulan Oktober, 1989; sebanyak \$5.4 juta untuk projek Jalan-jalan dan Jambatan-jambatan bagi jalan sambung Sri Harta Mas, persimpangan bertingkat Sungai Besi-Kuala Lumpur-Seremban dan jalan sambung Segambut Dalam-Sungai Pencala; sebanyak \$6.7 juta untuk lain-lain projek kecil di bawah projek Unit tenaga Nuklear, Sistem Maklumat Rujukan Ketua Eksekutif, Kompleks Asrama Indah Bandar Takzim di Kuala Kubu Bahru, Pengawalan Penempatan Setinggal, Kompleks Perniagaan dan Pasar di Datuk Keramat dan Wangsa Maju, Pusat Penyelarasan Maritime Lumut, Perparitan dan Saluran Najis Labuan dan Program Nadi.

Tuan Yang di-Pertua, sebanyak \$153 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud P.52 Kementerian Kerjaya. Daripada jumlah ini sebanyak \$125 juta adalah untuk bayaran kemajuan bagi kerja-kerja Bekalan Air Luar Bandar — Rancangan Khas mengikut jadual asal kontrak dan \$28 juta adalah dikehendaki untuk Projek Tempat Kediaman Rasmi, iaitu \$19 juta untuk kerja-kerja mengubahsuai Istana

Tetamu dan Carcosa bagi Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) dan \$9 juta untuk kerja-kerja mengubahsuaikan Istana Negara bagi Upacara Pertabalan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Yang ke 9.

Sebanyak \$96 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud P.27 Kementerian Luar Negeri untuk membiayai projek-projek pembinaan semula Pejabat Perwakilan, Rumah Kediaman Rasmi Duta Besar dan Rumah Kakitangan Kedutaan Besar Malaysia di Tokyo, Jepun.

Sebanyak \$59.4 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud P.19 Kementerian Pertanian. D daripada jumlah ini sebanyak \$18.5 juta adalah dikehendaki untuk membiayai Projek Perparitan dan Tebatan Banjir Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur yang perlu disiapkan sebelum Mesyuarat CHOGM; sebanyak \$15.1 juta dikehendaki untuk membiayai Projek Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA); sebanyak \$8.3 juta adalah dikehendaki untuk membiayai bayaran kemajuan pembelian sebuah kapal latihan laut yang ditender pada bulan Jun, 1989 di bawah Projek Kapal Latihan Perikanan; sebanyak \$3.8 juta adalah dikehendaki untuk menampung kenaikan harga barang bagi pembinaan Kapal Laut Dalam di bawah Projek Menangkap Ikan Cara Moden; sebanyak \$2.8 juta adalah dikehendaki untuk memberi kemudahan kepada nelayan-nelayan dan di bawah Projek Kemajuan Pelabuhan-pelabuhan Ikan; sebanyak \$2 juta adalah dikehendaki untuk mengimport kira-kira 10,500 ekor kambing biri-biri bagi Program Perkembangan Kambing biri-biri; sebanyak \$1.8 juta adalah dikehendaki untuk menampung kenaikan harga pembinaan Kompleks Perikanan Sarawak; sebanyak \$1.6 juta adalah dikehendaki untuk membiayai Projek Taman Haiwan Liar, Pulau Singa Besar, Kedah. Projek ini perlu

disiapkan sebelum Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) bagi bulan Oktober, 1989; sebanyak \$1.4 juta adalah dikehendaki untuk menyiapkan kerja-kerja membiayai Pusat Pembiakan Itek pada bulan September 1989. Bakinya sebanyak \$3.9 juta adalah dikehendaki untuk membiayai 12 projek-projek kecil yang perlu dilaksanakan pada tahun 1989.

Tuan Yang di-Pertua, sebanyak \$30.8 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud P.14 Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. D daripada jumlah ini sebanyak \$12 juta di bawah Projek Bantuan Khas kepada Penguasa-penguasa Tempatan dikehendaki untuk membeli kenderaan-kenderaan bagi menggantikan kenderaan-kenderaan lama, membeli alat-alat komputer bagi 12 buah pihak Penguasa Tempatan dan membina Pejabat-pejabat Baru, iaitu Majlis-majlis Daerah Pendang, Yong Peng dan Baling.

Sebanyak \$10 juta adalah dikehendaki di bawah projek-projek di kawasan Penguasa-penguasa Tempatan bagi melaksanakan 301 buah projek-projek kecil yang telah dikenalpasti pada tahun 1989.

Sebanyak \$6.9 juta untuk Projek Pembetongan dan Perparitan Najis Majlis Perbandaran Alor Setar.

Bakinya sebanyak \$1.7 juta adalah untuk projek-projek Perumahan awam, Tambahsuaian Majlis Perbandaran Alor Setar, Kemajuan Perkampungan, Pembetongan Najis Pantai Utara, Pulau Pinang dan Rancangan Saluran Najis Ipoh.

Tuan Yang di-Pertua, sebanyak \$20 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud P.39 Jabatan Pendaftaran Negara untuk menampung kekurangan peruntukan bagi melaksanakan Projek sistem Kad Keselamatan Bermutu Tinggi. Tambahan tersebut ialah untuk kerja-kerja menyediakan tapak bagi komputer, bilik kebal, pembelian

perkakas Kad Keselamatan Bermutu Tinggi, pengisian yang menghubungkan di antara perkakas Kad Keselamatan Bermutu Tinggi, dengan sistem pengurusan Bekalan Data Pembangunan Aplikasi Sistem Pusat Bekalan Data, Pembangunan Aplikasi Sistem Pusat Bekalan Data Penduduk dan Perkakas serta Pengisian Sistem Optical Disc untuk menyimpan imej gambar dan cap jari.

Sebanyak \$16.7 juta adalah dikehendaki di bawah P.21 Kementerian Kebudayaan dan Penganugerahan. Daripada jumlah ini sebanyak \$7.3 juta untuk membiayai Projek Pusat Penerangan Pelancongan Dewan Tunku Abdul Rahman dan di tapak Restoran Rakyat.

Sebanyak \$5.5 juta adalah dikehendaki untuk membiayai projek-projek di bawah Kemudahan Pelancongan, termasuk Projek Restoran Melayu dan lain-lain projek kecil untuk membaiki serta meningkatkan mutu pasaran pelancongan sebelum Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) pada bulan Oktober, 1989 dan Tahun Melawat Malaysia 1990.

Sebanyak \$2.4 juta adalah dikehendaki untuk membiayai Projek Kompleks Budaya Negara dan \$1.4 juta untuk membiayai projek-projek pembesaran Langkawi Island Resort dan Pantai Sri Tujuh, Tumpat, Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, sebanyak \$15.8 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud P. 34 Kementerian Kesihatan untuk membina asrama-asrama di sekolah-sekolah latihan, membina pusat-pusat kesihatan dan memulakan pembinaan beberapa buah Hospital. Di samping itu tambahan tersebut adalah juga untuk memperbaiki kemudahan-kemudahan kesihatan yang sedia ada termasuk mengganti alat-alat kelengkapan Hospital dan melengkapkan klinik-klinik perigi di sekolah-sekolah.

Sebanyak \$14.3 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud P. 47 Kementerian Pengangkutan.

Tuan Yang di-Pertua, daripada jumlah ini sebanyak \$3.5 juta dikehendaki untuk pembangunan Feri Johor, Singapura bagi kerja pembinaan infrastruktur di Tanjong Belungkur dan pembinaan pengkalan di Tanjong Changi, Singapura dan sebanyak \$2.7 juta adalah untuk menjalankan kerja-kerja pengindahan dan pembersihan serta pembaikan Pelabuhan Labuan. Sebanyak \$2 juta adalah dikehendaki untuk menjalankan kerja-kerja mengorek kawasan Jeti Kuala Perlis. Sebanyak \$1.5 juta adalah dikehendaki untuk menjalankan kerja-kerja "hydrographic survey" dan kerja-kerja bersangkutan dengan pembinaan Jeti Kargo Bahaya Lembaga Pelabuhan Johor dan sebanyak \$1.4 juta dikehendaki untuk menyiapkan kerja-kerja kontrak bagi dermaga timur, Jalan masuk dan bayaran juruperunding di bawah projek pengkalan pembekalan Terengganu Fasa II. Sebanyak \$1.3 juta adalah dikehendaki bagi projek pembangunan Jeti Kuala Perlis untuk membina "revertment" dan "quaywall". Bakinya sebanyak \$3.7 juta adalah dikehendaki untuk membiayai berbagai projek-projek kecil di bawah projek mengganti dan membaiki jeti-jeti. Jeti perikanan Pelabuhan Kuantan, membesarkan jeti Kuah, Langkawi dan menyiapkan pembinaan jeti di Pulau Pangkor dan Lumut.

Tuan Yang di-Pertua, sebanyak \$12.2 juta adalah dikehendaki di bawah P. 48 Jabatan Penerbangan Awam. Daripada jumlah ini sebanyak \$7 juta adalah diberi secara langsung untuk membiayai empat buah projek-projek kecil iaitu sebanyak \$4.3 juta untuk pengambilan tanah bagi pembinaan landasan terbang Sitiawan sebanyak \$1.3 juta untuk kerja-kerja pemulihan Taxiway dan Parking

Apron Lapangan Terbang Pulau Pinang sebanyak \$0.9 juta untuk menampung pembelian alat-alat keselamatan Penerbangan Awam dan sebanyak \$0.5 juta adalah untuk kerja-kerja pembesaran Bangunan Terminal Lapangan Terbang Alor Setar. Bakinya sebanyak \$5.2 juta diberi secara pinjaman adalah dikehendaki untuk kerja-kerja di Lapangan Terbang Subang Kuala Lumpur iaitu untuk kerja-kerja pemanjangan landasan, mengubahsuaikan Balai Ketibaan di bangunan terminal dan membiayai pembinaan Kompleks Bebas Cukai.

Tuan Yang di-Pertua, sebanyak \$6.7 adalah dikehendaki di bawah Maksud P.49 Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos. Daripada jumlah ini sebanyak \$4.8 juta adalah diberi secara pinjaman untuk membiayai projek-projek Labuan—Beaufort Interconnection Related Works dan kerja-kerja pemindahan dan mendirikan semula dua pasang janakuasa yang dibeli daripada Lembaga Letrik Negara, bakinya sebanyak \$1.9 juta diberi secara langsung adalah dikehendaki untuk membiayai projek mini haidro Perbadanan Perbekalan Elektrik Sarawak, mini haidro Lembaga Letrik Sabah dan perkhidmatan kawalselia Telekom. Yang lain-lain adalah merupakan tambahan-tambahan kecil bagi membiayai berbagai-bagai projek dan rancangan di bawah Maksud P. 16 Jabatan Perkhidmatan Bomba, Maksud P. 17 Kementerian Belia dan Sukan, Maksud P. 20 Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Maksud P. 23 Jabatan Arkib Negara, Maksud P. 24 Jabatan Perpustakaan Negara, Maksud P. 31 Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja dan Maksud P. 46 Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Butir-butir dan penjelasan yang lanjut mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan tambahan pertama 1989 adalah seperti yang dinyatakan dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai

Kertas Perintah 21 Tahun 1989 dan juga dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 21A Tahun 1989.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengemukakan Usul mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Keempat Tahun 1988 dan Tambahan Pertama Tahun 1989 selepas ucapan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Kok Wee Kiat):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

## USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 4) 1988

#### DAN

### ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 1) 1988

4.58 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Loke Yuen Yow):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Usul yang dikemukakan atas nama Menteri Kewangan dalam Peraturan Urusan Mesyuarat yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini, mengikut Seksyen 4 (3) Akta Kumpulan-wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak \$1,293,594,230 diperuntukkan daripada Kumpulan-wang Pembangunan—

- (1) bagi tahun kewangan 1988, untuk menampung sejumlah \$4,003,500 bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata

Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Keempat 1988 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 20 Tahun 1989 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut; dan

- (2) bagi tahun kewangan 1989, untuk menampung sejumlah \$1,289,590,730 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 1989 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 21 Tahun 1989 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut diserahkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Kok Wee Kiat):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah dihadapan Majlis ialah bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1988 dan 1989 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk Maksud-maksud yang tertentu bagi tahun-tahun yang tersebut itu dibacakan kali yang kedua sekarang dan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini

diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis sekarang. Kedua-dua masalah tersebut terbuka untuk dibahas.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

5.00 *ptg.*

**Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membahaskan Rang Undang-undang ini secara peringkat dasar. Saya telah mendengar tadi ucapan yang panjang lebar yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan. Apabila dibawa ke Parlimen dengan tujuan untuk mendapat kelulusan Parlimen bagi pembayaran tambahan dibuat untuk Perkhidmatan Awam Persekutuan atas kelebihan perbelanjaan yang didapati oleh Akta Perbekalan, adalah penting bagi kita untuk mengingatkan kepada Kerajaan tentang kemestian komitmen sepenuhnya kepada pertanggungjawapan ataupun accountability kewangan, kecermatan kewangan dalam perbetanjanjaan awam dengan tujuan untuk memastikan bahawa mandat yang diberikan oleh rakyat untuk mengawal dan mentadbir kewangan negara tidak akan disalahgunakan.

Semasa membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 1989 ini, saya ingin menyentuh satu perkara dasar yang berkaitan dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di mana rujukan pun telah dibuat di dalam Rang Undang-undang ini. Saya ingin merujuk kepada peruntukan kewangan pembangunan bagi Pembangunan Kampung-kampung Baru. Adalah sangat mendukacitakan diberitahu di sini bahawa 452 buah Kampung Baru dengan jumlah penduduk seramai lebih kurang 2 juta penduduk selama ini telah dilayani

secara tidak adil dan bersifat diskriminasi dalam bentuk peruntukan-peruntukan pembangunan. Bekas Timbalan Menteri Kewangan pernah memberitahu Dewan Negara daiam bulan Disember tahun lalu bahawa di bawah Rancangan Malaysia Kelima Kerajaan memperuntukkan \$7 juta untuk pembangunan Kampung Baru.

Menurut beliau sehingga Disember tahun lalu, Kerajaan telah membelanjakan sejumlah lebih kurang \$6.6 juta. Jika dianalisiskan berasaskan 452 buah Kampung Baru dalam negara kita dan berasaskan peruntukan \$7 juta di bawah Rancangan Malaysia Kelima adalah didapati bahawa Kerajaan hanya membelanjakan lebih kurang \$1.4 juta setahun. Apabila dibahagikan antara 452 buah Kampung Baru setiap kampung itu hanya diperuntukkan sejumlah kecil yang berjumlah lebih kurang \$5,555 setahun untuk pembangunan. Persoalan timbul ialah apakah yang boleh dilakukan dengan peruntukan \$5,555 setahun dari Kerajaan Persekutuan untuk membantu menghasilkan pembangunan secara positif dan bermakna kepada setiap Kampung Baru. Jika ditimbang dari angka-angka di bawah Rancangan Malaysia Kelima adalah jelas bahawa Kampung-kampung Baru tidak diberi layanan yang adil dari segi peruntukan kewangan yang begitu penting bagi pembangunan. Kami menyeru Kerajaan supaya bersikap adil dalam layanannya terhadap 452 buah Kampung Baru dan dalam hubungan ini kami menggesa Kerajaan supaya memberi peruntukan sekurang-kurangnya \$50 juta setahun sebagai satu permulaan bagi pembangunan Kampung Baru dan bukan hanya \$1.4 juta seperti yang dinyatakan di bawah Rancangan Malaysia Kelima.

Kami juga menyeru Kerajaan memperkenalkan dan melaksanakan satu garispanduan atau blue-print

pembangunan Kampung Baru yang sempurna yang secara tetap akan menukarkannya menjadi perbandaran moden yang dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan asas yang kemaskini. Di bawah blue-print pembangunan masalah-masalah berkaitan dengan penggunaan tanah, hakmilik tanah dan perkembangan perumahan patutlah dikaji dan diselesaikan. Masalah pengangguran dalam Kampung Baru yang menjadi salah satu sebab kemiskinan patutlah juga diberi perhatian yang cukup dan diatasi. Kerajaan mengumumkan baru-baru ini bahawa pembangunan Kampung Baru telah dipindahkan balik kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan daripada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Kampung-kampung Baru diletakkan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan apabila portfolio itu buat pertama kalinya ditubuhkan dalam tahun 1974. Dari awal lagi pembangunan Kampung Baru tidak diberi perhatian yang adil dan mencukupi dengan hanya sejumlah kecil peruntukan untuk Kampung-kampung Baru diberikan.

Sekarang pembangunan Kampung Baru sekali lagi dibawa balik di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan diketuai oleh seorang Menteri dari MCA. Kami dari DAP menyeru MCA supaya melakukan keadilan kepada 2 juta penghuni di 452 buah Kampung Baru ini dengan membawa mereka ke arah satu arus utama pembangunan negara dan tidak menggunakan pembangunan Kampung Baru untuk tujuan propaganda politics sahaja. Lebih daripada satu dekad Kampung-kampiang Baru telah ditendang dari sebuah Kementerian kepada Kementerian lain seperti sebiju bola dengan tidak ada perhatian yang secukupnya diberikan. Inilah masanya untuk mengeneplik halangan ini dan Kerajaan patutlah melakukan keadilan

dan memberi layanan yang saksama kepada semua Kampung Baru.

Berhubung perkara perumahan, saya terpaksa metahirkan perasaan tidak puas hati mengenai kegagalan Kerajaan untuk menyediakan perumahan awam yang mencukupi terutamanya perumahan kos rendah untuk menampung keperluan mereka yang tidak mempunyai rumah khususnya golongan berpendapatan rendah. Semasa sesi Soal Jawab Dewan Rakyat yang bersidang dalam bulan Mac tahun ini, saya diberitahu oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan bahawa hanya 16,507 rumah kos rendah telah dibina setakat akhir September tahun lalu dan ini mewakili hanya 36% daripada matlamat yang ditetapkan oleh projek perumahan kos rendah awam Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Kelima. Semasa tempoh Rancangan Malaysia Keempat, jumlah bilangan unit rumah yang dibina ialah lebih kurang 406,100 unit daripada jumlah 923,300 unit rumah yang dirancang untuk dibina. Ini hanya mewakili 44% daripada matlamat. Daripada jumlah ini lebih kurang 90,500 unit ialah rumah kos rendah, 155,800 unit rumah kos sederhana dan tinggi. Kekurangan keseluruhan dalam pembinaan unit rumah semasa tempoh Rancangan Malaysia Keempat ialah 56%. Dalam kes perumahan kos rendah, kekurangan ini ialah 66% manakala untuk program kos sederhana dan tinggi ialah 50.3%. Kerajaan mesti mengambil satu pandangan yang sangat serius kekurangan perumahan di bawah Rancangan Malaysia Keempat terutamanya dalam sektor awam. Dengan hanya tertinggal satu tahun sebelum Rancangan Malaysia Kelima berakhir adalah hampir pasti bahawa akan terdapat satu lagi kekurangan pencapaian yang pasti akan diketahui tidak berapa lama lagi.

Daripada angka di atas adalah jelas bahawa Kerajaan telah gagal menyediakan perumahan awam yang

mencukupi terutamanya perumahan kos rendah bagi memenuhi keperluan golongan berpendapatan rendah. Jika Kerajaan hendak memenuhi keperluan untuk rumah bagi golongan berpendapatan rendah, maka ia patut menyediakan satu peruntukan yang lebih besar setiap tahun untuk pembinaan lebih banyak rumah kos rendah. Sebagai contoh, peruntukan \$89 juta untuk membina 8,595 unit rumah kos rendah bagi tahun 1989 sebagaimana yang diumumkan dalam Belanjawan 1989 sememangnya tidak mencukupi.

Yang kedua, Kerajaan Persekutuan patut menubuhkan sebuah badan ataupun perbadanan berkanun yang telah saya suarakan selama ini untuk turut menyertai atau melibatkan diri secara langsung dalam pembangunan perumahan kos rendah melainkan bergantung kepada berbagai-bagai Kerajaan Negeri dan sektor swasta. Langkah ini perlu diambil untuk menyejajarkan pembinaan rumah kos rendah untuk golongan berpendapatan rendah dan untuk mengatasi masalah kekurangan. Kekurangan dalam matlamat pelbagai rancangan di bawah Rancangan Malaysia Kelima serta program perumahan kos rendah khas sangat mendukacitakan apabila dinilai dari segi prestasinya.

Langkah seumpama ini perlu untuk memecahkan kebuntuan masalah perumahan untuk rakyat jelata. Kami tidak nampak sebab mengapa sebuah badan berkanun tidak boleh ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan untuk melibatkan diri secara langsung dalam industri perumahan memandangkan bahawa Artikel 83, 84 dan 86 Perlembagaan Persekutuan mengenai dengan pengambilan, penyemakan dan pelupusan Tanah untuk maksud Persekutuan telah pun dipinda dalam Parlimen ini bagi membolehkan Kerajaan Persekutuan melaksanakan pembangunan perumahan.

Dalam ucapan saya pada awal tadi, Tuan Yang di-Pertua, saya telah membangkitkan betapa perlunya Kerajaan membuat penglibatan yang penuh kepada akauntabiliti kewangan dan pengurusan kewangan yang sihat. Kerajaan telah membuat janji dengan kerap untuk mewujudkan sebuah pentadbiran yang bersih, cekap dan amanah, akan tetapi apabila dinilai dari prestasi Kerajaan setakat ini terutamanya dari Laporan Ketua Audit Negara adalah jelas bahawa masih terdapat banyak ketidak-teraturan, kes-kes salah pengurusan dan penyelewengan dalam pentadbiran yang berjalan bertentangan dengan janji manis Kerajaan untuk mewujudkan sebuah Kerajaan yang bersih, cekap dan amanah.

Pihak DAP berpandangan bahawa sebaik langkah yang sesuai dan berkesan untuk menyiasat dan mengawasi penyelewengan dan salahguna kuasa dalam Jabatan-jabatan dan agensi Kerajaan serta badan-badan berkanun ialah melantik seorang Ombudsman atau pesuruh-jaya Parlimen bagi menjalankan penyiasatan bebas ke dalam aduan-aduan yang dikemukakan oleh rakyat biasa berkaitan perkara-perkara salah pentadbiran dan penyelewengan oleh Jabatan-jabatan Kerajaan yang berkenaan.

Kami rasa bahawa penubuhan sebuah Jawatankuasa Khas Kabinet yang diketuai oleh Yang Berhormat Encik Anwar Ibrahim merangkap Menteri Pendidikan dan mengandungi beberapa orang Menteri dan pegawai atasan Kerajaan bukanlah satu jawapan kepada masalah yang mana Kabinet berkenaan sepatutnya ditugaskan untuk berbuat demikian. Pada peringkat pertama, kami tidak nampak apakah logiknya Menteri-menteri dilibatkan dalam usaha memerangi salah pentadbiran salahguna kuasa dan salah pengurusan dalam pelbagai Jabatan Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan, sedangkan

tugas ini boleh dilaksanakan dengan sesuai oleh sebuah pihak berkuasa pengaduan yang bebas dan berasingan.

Kami dan orang ramai pada keseluruhannya tidak dapat diyakinkan bahawa penglibatan Menteri-menteri akan berkesan dalam menyiasat dan menjejaki penyelewengan dalam Kerajaan kerana kebanyakan kes penyelewengan dan skandal yang telah berlaku dalam negara ini dalam tahun-tahun kebelakangan ini ada berkaitan antara satu sama lain dengan Kabinet. Jika Kerajaan jujur dan ikhlas untuk memerangi korupsi atau rasuah dan penyelewengan, maka ia patut meminda Akta Pencegah Rasuah untuk menjadikan BPR sebagai sebuah badan yang benar-benar bebas dan bertanggungjawab kepada Parlimen.

Kami tidak nampak sebarang sebab mengapa satu Akta Ombudsman tidak boleh diperkenalkan dalam Dewan Rakyat untuk merintis jalan bagi perlantikan seorang atau lebih Ombudsman oleh Parlimen yang ditugaskan dengan tanggungjawab tertentu untuk mengatasi penyelewengan dan salah tadbir dalam Kerajaan. Sebagai tambahan kepada langkah ini, kami juga merasa bahawa cara yang amat berkesan bagi Kerajaan untuk membuktikan komitmennya terhadap janjinya untuk mewujudkan sebuah pentadbiran yang cekap, bersih dan amanah ialah dengan mengadakan satu undang-undang yang menghendaki semua Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri, Ahli-ahli Pentadbiran, Ahli-ahli Parlimen dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri untuk mengisytiharkan harta benda mereka untuk pengetahuan umum pada setiap tahun. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Tanah Merah.

5.15ptg.

**Tuan Hashim bin Safin (Tanah Merah);** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang mewakili Yang Berhormat Menteri Kewangan. Di sini saya ingin menarik perhatian kepada Maksud P. 27, Kementerian Luar Negeri di mana butiran itu memperuntukkan tambahan sebanyak \$96 juta untuk membaiki Pejabat Perwakilan Kediaman Rasmi Duta Besar dan kediaman kakitangan Kedutaan Besar Malaysia di Tokyo bagi tahun 1989.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini saya ingin mengambil kesempatan di atas satu peristiwa yang berlaku kepada kami Ahli-ahli Rombongan Parlimen Malaysia ke Amerika dan saya baru sahaja semalam balik dan perkara yang berlaku ini, sebelum kita membuat sesuatu keputusan atau rumusan, saya ingin sampaikan dalam bentuk cerita.

Tuan Yang di-Pertua, pada 14hb Jun yang lepas, kami Ahli-ahli Parlimen Malaysia seramai 7 orang berada di Washington dan pada hari itu kami menerima jemputan jamuan makan malam yang disediakan oleh Duta Besar Malaysia di Washington. Kami telah disediakan dua buah kereta Kedutaan—yang satu memakai nombor DKR 001 dan sebuah lagi DKR 005. Di dalam perjalanan di bandar yang besar, tentunya sibuk dan kebetulan pada hari yang sama berlaku ribut di bandar tersebut dan menyebabkan sepanjang jalan yang pada biasanya mengambil masa 15 minit terpaksa mengambil masa 1 1/2 jam kerana kesesakan lalulintas di jalanraya menuju ke rumah atau Kediaman Rasmi Duta Besar Malaysia di Washington.

Kami bertujuh terpaksa menaiki kereta yang disediakan sebanyak dua buah tadi dan saya alhamdulillah bernasib baik kerana dapat menaiki

sebuah kereta yang masih baru dan tiga orang kawan kita Yang Berhormat Ahli Parlimen dari Larut, Ahli Parlimen dari Hulu Selangor dan Ahli Parlimen dari Marang menaiki kereta (DK.R 005) dan di tengah perjalanan didapati kereta tersebut berasap dan terbakar dan mereka bertiga—Ahli Parlimen Parlimen dari Hulu Selangor, Larut dan Marang—terpaksa berjalan kaki menuju ke rumah Duta Besar dan sampai di sana kononnya mereka terpaksa makan banyak kerana berjalan kaki. (*Ketawa*)

Apa yang menarik perhatian saya, Tuan Yang di-Pertua ialah setelah kereta yang memakai nombor DKR 005 yang memakai nama Kedutaan Malaysia terbakar di tengah bandar Washington yang bersesak dengan kereta-kereta yang besar, indah dan panjang, maka perkara ini adalah satu perkara yang saya rasa memalukan. Barangkali perkara ini dianggap kecil sahaja masalahnya, tetapi bagi saya walaupun perkara itu mungkin dianggap kecil, tetapi kalau dikira dari segi implikasinya kalaulah orang mengetahui bahawa kereta itu kereta dari Malaysia ataupun milik Kedutaan Besar Malaysia, ianya amatlah memalukan. Tetapi barangkali masalah orang tidak kenal, alhamdulillah tidak kenal kereta itu milik Kedutaan Malaysia sebab ini satu perkara yang perlu diambil perhatian oleh Kementerian lain juga serta Kementerian Luar Negeri dalam masalah memperkenalkan Malaysia di negara lain. Sebab berlaku, acap berlaku dan tak pernah tidak berlaku apabila saya masuk ke kedai atau kami masuk, mereka bertanya apabila tengoh rupa orang Asia, mereka meneka bahawa kita ini daripada Filipina atau Indonesia. Bila ditanya mengenai Malaysia, mereka tak tahu Malaysia.

Ini satu daripada finding, dengan izin, ataupun satu kejupaan yang perlu difikirkan oleh Kementerian Luar Negeri serta juga Kementerian

Kebudayaan dan Pelancongan untuk memperkenalkan Malaysia di luar negeri kerana apabila disebut Malaysia, mereka tak tahu di mana Malaysia.

Jadi, kembali kepada soal kereta tadi, setelah peristiwa terbakarnya kereta itu, pertama memalukan; kedua, kalaulah Ahli-ahli Yang Berhormat dari Hulu Selangor, Marang dan Larut tidak keluar walaupun dinasihatkan oleh pemandunya supaya jangan keluar dan hendak cuba teruskan, saya rasa kalau terbakar dan meletup tiga wakil rakyat ini mati, terpaksa diadakan lagi pilihanraya kecil dan gempar di seluruh Amerika. Apa yang dapat ketahui setelah peristiwa itu berlaku saya menanyakan walaupun pegawai atau kakitangan kedutaan agak keberatan takut kena tindakan atau mungkin dimarah tetapi saya rasa saya terpaksa mengambil tanggungjawab menceritakan perkara ini dan saudara ceritalah berterus terang.

Saya harap pihak Kementerian atau pegawai-pegawai yang lebih atas di Kementerian ini janganlah menjadikan peristiwa ini untuk memarahi ataupun mengambil tindakan kepada pegawai-pegawai yang memberi laporan ini dengan harapan untuk pembinaan atau tujuan konstruktif. Kereta yang dimaksudkan itu berumur 8 tahun dan beberapa kali telah diperbaiki dan mengikut cerita di Washington perbelanjaan pembaikan lebih mahal. Ibarat kata Pepatah Melayu "Lebih mahal membeli tali daripada membeli buruk". Kerana di Amerika lebih baik membeli kereta baru dan saya berkesempatan bersama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain melihat iklan-iklan dalam televisyen ataupun dalam suratkhbar atau majalah, kereta di sana murah. Kereta cantik-cantik berharga lebih kurang US\$10,000 atau US\$15,000 jika dikalikan katalah average \$3 kita bersamaan US\$1 ataupun nilai sekarang \$2.7 lebih kurang kalau

US\$10,000 bersamaan \$30,000 sahaja. Sedangkan baiki kereta, (maintenance), penjagaan kereta dalam masa tidak sampai dua tahun US\$8,000 kereta memakai nombor DKR 005 tadi.

Jadi, perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Luar Negeri supaya perkara yang kecil-kecil ini juga perlu diberi perhatian. Memanglah untuk membaiki kediaman rasmi bernilai \$96 juta itu satu perkara dialu-alukan demi menjaga maruah atau nama Malaysia di luar negeri ataupun di negara lain. Tetapi soal kecil ini juga perlu diberi perhatian. Kalaulah berlaku perkara kepada perwakilan lain yang kebetulan menaiki kereta kita adalah satu perkara yang mendukacitakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik kepada perkara mengenai tidak terkenalnya Malaysia di negara-negara lain sedangkan mereka lebih mengenali Singapura, lebih mengenali Indonesia, lebih mengenali Thailand, lebih mengenali Filipina dan bila mereka melihat rupa kami, mereka mengatakan sama ada kami ini dari Singapura apabila kita minta mereka gas, mereka mengatakan sama ada dari Singapura ataupun Indonesia ataupun Philipines. Jadi perkara ini saya suka juga menarik Kementerian-kementerian lain, Kementerian Luar Negeri, Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan untuk. . . . .

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Yijandran):** Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Kepong bangun.

**Tuan Hashim bin Safin:** Boleh.

**Dr Tan Seng Giaw:** Adakah kemungkinan bahawa Yang Berhormat itu tidak dapat menonjolkan diri dengan betul sehingga orang Amerika Syarikat tidak kenal Malaysia.

**Tuan Hashim bin Safin:** Saya rasa tidak ada apa lagi yang perlu ditonjol sebab saya terpaksa memakai kot, biasa juga dan orang lain pun pakai kot biasa kecuali Yang Berhormat dari Kepong perlu apa dia tonjol. pergilah. Sebenarnya satu kenyataan yang perlu diperbaiki oleh Kerajaan atau Kementerian-kementerian berkenaan untuk memperkembangkan lagi usaha-usaha lebih gigih. Misalnya kita ada sekarang "Tahun Meiwat Malaysia", itu usaha yang baik, tetapi saya maksudkan perlu diperkukuhkan lagi, tambahkan lagi supaya Malaysia lebih dikenali. Dan bila kita cuba mengambil kesempatan seperti yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat dari Kepong, kita cuba menonjol, cuba menceritakan bahawa Malaysia ini baik, cantik, indah, orangnya lemah lembut macam Yang Berhormat Kepong ini, cara bercakap ramai dan kita pula terdiri dari berbagai bangsa, bahasa, kebudayaan, berbagai istilah yang kita gunakan. Mereka kata, cantik dan insya Allah mereka akan datang.

Jadi, dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mengaharaplah dalam kejadian tadi Kementerian Luar Negeri mengambil kesempatan awal untuk memperbaiki kalau ada kedutaan-kedutaan lain, kereta-kereta yang buruk ini kita tukarlah sebab jika dikira tidak banyak sangat. Kalau US\$8,000 dalam masa setahun dibaiki, lebih baik dibeli baru US\$10,000 sahaja dan ianya dapat diguna lebih lama.

Saya rasa itulah, Tuan Yang di-Pertua, untuk kesempatan saya bercakap dalam perkara ini dan saya menyokong cadangan yang dikemukakan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Bayan Baru.

5.26ptg

**Tuan Peter Paul Dason (Bayan Baru):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan Usul yang dicadangkan oleh Timbalan Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, pelancongan adalah satu sumber penting dari segi hasil tukaran wang asing bagi negara ini dan negeri Pulau Pinang mempunyai banyak potensi untuk ditawarkan kepada pelancong-pelancong luar negeri dan pihak Kerajaan hendaklah menggunakan peluang ini sepenuhnya untuk meraih potensi pelancong ini. Pada hakikatnya ianya adalah pintu masuk semula bagi pelancong-pelancong yang datang ke negara kita khususnya di wilayah-wilayah utara Semenanjung Malaysia. Pelancongan di wilayah utara hendaklah dilihat secara menyeluruh dan bukan secara sekeping-sekeping (piece meal). Ianya adalah lebih mudah bagi kita memajukan pelancongan di wilayah utara seperti Pulau Langkawi dan Kelantan jika kita terlebih dahulu menarik minat pelancong ke negeri Pulau Pinang. Pulau Langkawi dan pantai-pantai di Kelantan tidak boleh mencapai polensi bagi pelancongan melainkan potensi pelancongan di Pulau Pinang dimajukan lebih dahulu dengan teratur dan dalam hal ini pihak Kerajaan telah gagal.

Pantai-pantai di sepanjang Batu Feringgi dan kawasan peranginan yang terkenal di negeri Pulau Pinang telah dirosakkan akibat dari hakisan di pantai-pantai di kawasan ini. Hakisan-hakisan seperti tersebut telah berlaku semula beberapa tahun dan jika sesuatu tindakan tidak diambil dengan segera bagi menyekat hakisan pantai-pantai ini kerosakan yang akan terjadi kepada bidang pelancongan kita adaiiah besar. Ia akan mencatatkan pertumbuhan pelancongan ke Pulau Langkawi dan Kelantan.

Pihak Kerajaan hendaklah memberi perhatian yang lebih kepada masalah hakisan pantai-pantai kita di Pulau Pinang dan satu tindakan yang segera hendaklah diambil bagi mengatasi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu dari tujuan Dasar Ekonomi Baru ialah untuk pembasmian kemiskinan dan pengenalan sesuatu kaum dengan fungsi ekonomi. Untuk mencapai tujuan ini Kerajaan telah berusaha melibatkan orang Melayu ke dalam bidang komersial, kewangan dan sektor industri ekonomi kita. Untuk melakukan ini adalah perlu pihak Kerajaan memindahkan satu bahagian yang berpatutan penduduk-penduduk Melayu ke bandar. Kawasan-kawasan geografi di Semenanjung Malaysia di mana kaum bumiputera boleh dibangunkan dengan baik sekali di bidang komersial, kewangan dan sektor industri adalah pusat-pusat pembangunan wilayah seperti Johor Bahru, di selatan; Lembah Keiang di kawasan tengah dan negeri Pulau Pinang di utara di mana bidang-bidang komersial, kewangan dan sektor industri ada maju dengan baik.

Bagi orang-orang Melayu di wilayah utara untuk menceburi bidang komersial, kewangan dan sektor industri mereka akan maju sebagai orang bandar di dalam pusat pembangunan wilayah kawasan utara seperti dalam Bandaraya Georgetown, bandar Bayan Baru dan berbagai-bagai bandar atau pekan di Seberang Perai seperti Butterworth, Perai dan Bukit Mertajam. Tetapi pihak Kerajaan selalulah hendak beringat bahawa pekerja-pekerja bumiputera akan memerlukan perumahan yang sempurna.

Adalah tidak bermakna membawa mereka ini tinggal di bandar dan tidak pula menyediakan perumahan yang cukup kepada mereka. Apakah gunanya mendapat satu kerja yang bergaji \$300 atau \$400 sebulan dan terpaksa membayar sewa bilik

sebanyak \$100 sebulan atau \$200 atau \$300 sebulan bagi sebuah rumah kos rendah. Namun apabila pihak Kerajaan menyediakan perumahan kos rendah kepada kaum bumiputera ia hendaklah sedar bahawa tekanan-tekanan bagi mendapatkan perumahan di kawasan-kawasan ini bagi kaum bukan Melayu adalah besar dan jika perumahan kos rendah yang mencukupi tidak disediakan bagi semua kaum ini akan hanya akan menaikkan lagi kadar sewa rumah-rumah kediaman kepada semua orang ramai. Maka adalah perlu bahawa pihak Kerajaan memperuntukkan lebih wang bagi membina rumah kos rendah di kawasan-kawasan bandar di negeri Pulau Pinang. Jika tidak, akibatnya adalah tumbuhnya masalah-masalah seperti rumah-rumah setinggian dan gejala-gejala yang tidak terkawal.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah mengalami kerugian besar yang berjumlah beratus-ratus juta ringgit disebabkan keghairahan Kerajaan dalam mengikuti dasar menumbuhkan industri-industri berat negara ini supaya negara kita dapat menjadi sebuah negara industri baru seperti dengan penubuhan PERWAJA Terengganu Sdn. Bhd., Kedah Simen Sdn. Bhd. dan lain-lain yang menyebabkan negara kita melabur begitu banyak modal dalam industri-industri tersebut yang tidak menguntungkan negara. Kerajaan sebaliknya harus menumpukan perhatian yang lebih dalam membangunkan industri-industri ringan dan kecil.

**Tuan Hashim bin Safin:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Tanah Merah bangun.

**Tuan Peter Paul Dason:** Saya tidak beri jalan, dia boleh duduk. Kacau sahaja.

..... membangunkan industri industri ringan dan kecil seperti di Taiwan dan Hong Kong iaitu negara-negara yang telah menjadi negara industri baru menerusi penggalakan industri-industri seumpama ini. Kita hanya membazirkan sumber-sumber kita yang begitu sedikit dengan membangunkan industri-industri berat yang terbukti gagal. Lebih dahsyat lagi kita terpaksa meminjam untuk menubuhkan industri-industri seumpama ini dan kini kita diminta meluluskan sejumlah \$145 juta untuk membayar balik apa yang kita telah pinjam untuk projek-projek ini yang telah pun gagal. Thailand adalah sebuah negara yang ingin menjadi negara perindustrian dan kadar pembangunan industrinya adalah lebih pesat daripada Malaysia dan mereka telah memberi perhatian yang lebih untuk menubuhkan industri-industri kecil dan ringan.

Kita harus mengikuti jejak langkah yang sama dan Kerajaan harus menggalakkan pelabur-pelabur tempatan kita dalam bidang ini. Kerajaan harus ingat bahawa pelaburan-pelaburan dalam industri berat tidak semestinya menjamin bahawa Malaysia boleh menjadi sebuah negara industri baru dan sebaliknya sekiranya kita tidak berhati-hati kita akan menanggung kerugian yang besar seperti pernah berlaku dalam projek HICOM. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Kepong.

5.55 *ptg.*

**Dr Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan Rang Undang-undang Akta Perbekalan Tambahan (1988 dan 1989). Rang Undang-undang ini melibatkan dua tambahan dalam Perbelanjaan Mengurus iaitu Tambahan Kedua Tahun 1988 yang berjumlah lebih \$233 juta dan

Tambahan Pertama Tahun 1989 sebanyak lebih \$151 juta. Saya juga hendak mengambil bahagian di dalam perbincangan usul yang dicadangkan oleh Menteri Kewangan.

Keadaan di mana perlu diminta di Dewan yang mulai ini untuk menambahkan perbelanjaan amat tidak memuaskan sekali. Dengan tambahan kedua dalam Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 1988, ini bermakna kesemuanya perbelanjaan tersebut telah bertambah sebanyak 3.89% berbanding dengan peruntukan asal. Ini tidak boleh. Kalau setakat 0.5% atau 1% kita boleh terima, tetapi lebih daripada 3.89% tambahan itu, ini terlalu banyak. Ini bermakna projek yang diaturkan ataupun permintaan wang perbelanjaan tambahan ini adalah tidak teratur.

Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 1989 pula telah meningkat setinggi 0.68% daripada peruntukan asal. Jika dengan tambahan pertama tahun 1988 perbelanjaan mengurus meningkat sebanyak 5.25% bila dibandingkan dengan Anggaran Perbelanjaan 1987 maka dengan tambahan kedua nilai ini telah meningkat ke 6.38%. Keadaan ini jauh sekali daripada hasrat Kerajaan untuk mengurangkan perbelanjaan mengurus.

Saya berharap pihak seperti Yang Berhormat dari Tanah Merah mengambil perhatian mengenai ketidak wajaran Kerajaan di dalam meminta wang perbelanjaan tambahan. Saya tidak nampak bagaimana tambahan kedua ini nilainya meningkat ke lebih 6%. Ketidak puasan kami terhadap keadaan sedemikian bertambah-tambah lagi apabila diperhatikan bahawa hampir kesemua Kementerian tidak mengguna dengan sepenuhnya jumlah wang yang diperuntukkan sebagai perbelanjaan mengurus. Misalnya, laporan terbaru Akauntan Negara iaitu Akaun Awam 1987 menunjukkan bahawa, kecuali Kementerian Luar Negeri, kesemua

Kementerian membelanja kurang daripada perbelanjaan mengurus yang diperuntukkan iaitu serendah-rendahnya \$17.7% daripada amaun Belanjawan Kementerian Wilayah Persekutuan dan setinggi-setingginya 99.3% iaitu Kementerian Pertahanan dalam tahun 1986. Ini menunjukkan ada Kementerian yang tidak begitu cekap di dalam prestasi projek-projek yang berkehendakkan perbelanjaan diuntukkan.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimanakah sebuah Kementerian seperti Kementerian Wilayah Persekutuan tidak dapat menggunakan Perbelanjaan Mengurus dan hanya dapat menggunakan 17.7%. Jadi, satu keadaan yang sangat-sangat mendukacitakan kerana, Tuan Yang di-Pertua, kalau sesuatu Kementerian meminta wang, jadi wang itu diperuntukkan untuk maksud-maksud yang tertentu. Kalau tidak dapat digunakan, walaupun tidak berlakunya penyelewengan, ini bermakna ada Kementerian-kementerian yang lain yang tidak dapat menggunakan wang ini. Ada projek-projek yang lain di negeri-negeri yang lain seperti negeri Terengganu, negeri Kelantan, negeri Perlis—Yang Berhormat dari Arau tidak ada di sini, dia tidak berminat dan negeri Pahang juga. Jadi, kita meminta Kerajaan lain kali mengawas dengan betul dengan ketat permintaan bagi perbelanjaan tiap-tiap kali di dalam Belanjawan kerana kalau permintaan itu terlalu banyak dan tidak dapat digunakan dan balik ke Dewan yang mulia ini untuk virement, untuk perbekalan tambahan pula. Sikap ini tidak betul.

Tuan Yang di-Pertua, jika hal ini benar, mengapakah Kerajaan mesti menyediakan tambahan peruntukan yang bertokok tambah kepada Kementerian-kementerian sungguhpun kebanyakan daripada mereka tidak memerlukan wang sebegitu

banyak. Yang lebih membimbangkan ialah jumlah peruntukan yang diberi yang dicatat sebagai perbelanjaan sebenarnya dalam Belanjawan Persekutuan setiap tahun wal hal bukan kesemua jumlah wang habis digunakan. Maka, apakah yang sebenarnya terjadi kepada jumlah wang yang tidak diguna itu? Jika kita tidak memerhatikan Laporan Akauntan Negara maka kita langsung tidak mengetahui perkara ini. Rakyat juga tidak mengetahui hal ini kerana Laporan Akauntan Negara jarang sekali diberi perhatian oleh media-massa. Ini mungkinlah sebabnya kes-kes pecah amanah dan wang rakyat kehilangan begitu sahaja kerana maklumat-maklumat seperti ini tidak dikemukakan, malah boleh dikatakan Kerajaan menipu rakyat jelata kerana mereka hanya mengetahui mengenai jumlah beribu-ribu juta ringgit yang diperlukan akan tetapi tidak berperasan mahupun diberitahu tentang jumlah di antara 5% hingga 80% peruntukan yang tidak dibelanjakan.

Tuan Yang di-Pertua, sebaliknya mereka dibiarkan sahaja bertanggungjawab bahawa perbelanjaan adalah sebenarnya seperti yang dicatat di dalam buku-buku Belanjawan Persekutuan dan setiap kali Belanjawan dibentangkan mencerminkan perbelanjaan sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya nampak daripada Kementerian Pertahanan, Perbelanjaan Mengurusnya digunakan dengan hampir 100%. Ini menunjukkan dari segi menggunakan wang perbelanjaan mengurus, Kementerian Pertahanan sangat cekap. Sama ada keadaan ini benar ataupun tidak, saya tidak tahu cuma daripada fakta atau statistik yang diberikan untuk pihak kami. Walau bagaimanapun, saya pun mempunyai syak-wasangka kerana penjelasan yang dibuat oleh pihak Timbalan Menteri Pertahanan serta Yang Amat Berhormat Perdana

Menteri mengenai laporan yang timbul di akhbar "Observer" di England kerana saya berpendapat pihak Jemaah Kabinet hendaklah mengambil keputusan mempertimbangkan perkara ini yang menjadi khabar angin serta boleh disebutkan sebagai skandal di England. Walaupun pihak United Kingdom tidak mahu mengambil tindakan undang-undang terhadap pihak "Observer", kita hendak mempertimbangkan imej Malaysia yang terjejas mengenai hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya boleh beri satu contoh. Dua tiga tahun yang lepas dengan bilangan penderadad yang meningkat, ada sebahagiannya ialah rakyat Malaysia dan selepas kes-kes tangkapan di negara-negara asing diadakan, siapa sahaja orang Malaysia yang keluar dari Malaysia pergi mengunjung ataupun untuk melanjutkan pelajaran, pendidikan di United Kingdom ataupun di United States, pihak warganegara Malaysia terpaksa diperiksa di lapangan-lapangan terbang antarabangsa dengan lebih teliti dan diberi layanan yang kurang sopan dan sebagainya. Jadi imej seperti ini menjejaskan orang Malaysia dan begitu juga dengan laporan "Observer" ini. Ini mesti menjejaskan imej Malaysia kerana orang di Eropah boleh menyoal, boleh mengangap orang Malaysia sebagai cenderung untuk melibatkan di dalam wang sogokan dan sebagainya. Sebab itulah saya menyeru sekali lagi pihak Kerajaan dapat mengambil tindakan yang tegas untuk mencegah akhbar "Observer" ataupun akhbar yang lain daripada menyiarkan berita seumpama ini.

Tuan Yang di-Pertua, tanggapan Kerajaan memerlukan perbelanjaan yang banyak dibiarkan sahaja mengabui pemerhatian rakyat jelata di peringkat Kerajaan Negeri juga. Misatannya bagi tambahan pertama

Perbelanjaan Mengurus tahun 1989, sebanyak \$28 juta disediakan bagi membantu negeri-negeri yang mengalami kekurangan di dalam akaun-akaun mereka. Daripada apa yang dapat diperhatikan oleh kami di dalam Laporan Ketua Audit Negara, negeri-negeri seperti negeri Terengganu Darul Iman dan negeri Perlis; iaitu negeri Yang Berhormat dari Arau dan juga negeri Terengganu iaitu negeri Yang Berhormat dari Marang yang tidak ada di sini—oh!.....Arau ada.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Puas hati?

**Dr Tan Seng Giaw:** Bukan sahaja puas hati saya, dia sentiasa hendak bangkitkan hal MILO dan sebagainya. Saya hendak menarik perhatian beliau mengenai soal yang pokok, soal yang besar, soal yang penting. Jadi, saya sebutkan tadi negeri-negeri seperti negeri Terengganu Darul Iman dan negeri Perlis mempunyai baki dalam Akaun Hasil Disatukan masing-masing terutama sekali bagi negeri Terengganu Darul Iman. Misalannya dalam tahun 1986, baki Akaun Hasil Disatukan negeri Terengganu Darul Iman masih mempunyai wang sejumlah \$472.69 juta. Negeri Terengganu ini memang kayalah. Sementara di negeri Perlis juga, sungguhpun negeri itu terkecil dalam Persekutuan kita ini, di Perlis pula baki Akaun tersebut ialah kira-kira \$0.45 juta dalam tahun 1985.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun negeri Perlis itu kecil, orang daripada negeri Perlis itu pandai belaka, rajin juga tetapi \$0.45 juta ini angka yang besar kerana negerinya kecil, memang \$0.45 juta itu besar juga tetapi yang malangnya negeri-negeri seperti Perlis, Kelantan—Ahli dari Tanah Merah tidak ada pula dan negeri Terengganu, dia tidak dapat menggunakan wang diperuntukkan daripada Kerajaan Persekutuan

kepada mereka dengan sepenuhnya—tidak dapat, dari segi perbelanjaan pembangunan tidak sampai 65%, Tuan Yang di-Pertua. Kadang-kadang kurang daripada 65%. Ini termasuk negeri Perlis. Yang Berhormat dari Arau buat tak dengar sahaja (*Ketawa*).

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, teruskan ucapan, jangan meng-usik dia.

**Dr Tan Seng Giaw:** Saya tak usik, ini membangkitkan soal isu yang pokok. Negeri dia. . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D, P. Vijandran):** Untuk Dewan, Yang Berhormat.

**Dr Tan Seng Giaw:** Untuk Dewan, Tuan Yang di-Pertua. Negeri dia, dia tak dapat menggunakan wang yang diperuntukkan daripada Kerajaan Persekutuan. Kalau tak dapat menggunakan wang dengan sepenuhnya, apakah gunanya hendak minta lebih lagi? Itulah maksud saya. Jadi. . . . .

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Sebab dia galak sangat menyebut nama saya, jadi orang galak ini kena beri sedikit penyengat. Dia ini seorang doktor dan saya rasa dia amat jahil fasal kerja-kerja kontrak ini. "Jahil" ini maknanya bodoh. tidak erti langsung. . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat. . .

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Bukan, jahil. Jadi saya hendak minta penjelasan daripada dia, adakah dia tahu bahawa projek yang dilaksanakan pada tahun berkenaan, bolehkah kita jamin dia siap pada tahun yang berkenaan? Kita sudah sebut semalam fasal kontrak retender dan sebagainya. Jadi kadang-kadang duit yang tidak boleh dibelanjakan

pada tahun yang berkenaan, dibawa ke hadapan. Audit ini pula, dia audit tahun itu, dia tidak kira duit yang lebih dibawa ke hadapan walaupun projek untuk tahun yang berkenaan. Dia baca buku tidak habis, kalau jadi doktor, kalau hendak cakap fasal construction, kena tanya saya, saya pakar (*Ketawa*). Kalau hendak cucuk, hendak beri ubat Panadol bolehlah! Kalau fasal hendak buat bangunan, tanya saya. Jadi, saya hendak minta penjelasan, adakah dia mengetahui bahawa ini mungkin terlibat dengan projek-projek dalam bentuk retender ataupun projek-projek yang tergendala atas sebab-sebab lain, bukan tak boleh belanja, faham tak? (*Ketawa*)

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, dia tadi menggunakan perkataan yang bukan bahasa baku (*Ketawa*). Saya berpendapat baiklah Yang Berhormat dari Arau ini menggunakan bahasa baku lain kali hendak minta jalan. Kalau tidak menggunakan bahasa yang lebih halus, saya tidak berilah lain kali.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Yang Berhormat dari Arau ini asyik dengan isu kontrak sahaja. Kontrak sahaja yang dia tahu. Kita hendak bincangkan isu kawalan perbelanjaan mengurus, kita hendak bincangkan prestasi kewangan. Kalau kontrak pun, terlibat dengan kontrak pun, itu sebahagian sahaja. Yang penting sekali ialah mengapa wang yang diperuntukkan tidak dapat digunakan. Adakah Yang Berhormat dari Arau itu hendak menjawab bagi pihak Kerajaan Negeri Perlis?

**Tuan Shahidan bin Kassim**  
(*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, dengan perkataan halus. (*Ketawa*)

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Okay, saya akan menggunakan bahasa baku sebab dia pun orang Kelantan—orang

Kelantan ini dia boleh faham, dia buat-buat sahaja tak faham, tetapi sekarang dia merantau di Kepong. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat, saya bukan hendak jawab bagi pihak Kerajaan Perlis ataupun Kerajaan Persekutuan tetapi kami sebagai backbencher, kami mengetahui sebab kami diberi taklimat dan sebagainya. Bukan soal tidak boleh belanja, Yang Berhormat, soalnya sekarang perancangan tahun itu kadang-kadang tidak dapat dibelanjakan semuanya, faham tak?

Contohnya, kita hendak buat Klinik Bidan, kita buat sekerat. bumbung tak sempat dipasang, jadi duit untuk hendak bayar bumbung itu dibayar tahun hadapan, terjadilah masalah tambahan dan sebagainya, termasuk mengurus dan sebagainya. Kita kena lihat macam Perlis—Perlis tiap-tiap tahun defisit, mana ada pernah dalam sejarah Perlis ada kelebihan hasil, malah saya rasa hasil Perlis lebih kurang \$8 juta, dua buah sekolah habislah! Itulah hasil yang ada pada Kerajaan Perlis, Kerajaan Perlis terpaksa berhutang tiap-tiap tahun. Jadi kalau ada masalah kelebihan, itu adalah masalah pembangunan, bukan masalah pengurusan dan sebagainya. Ini bukan sahaja Perlis, semua negeri akan jadi demikian rupa. Kalau sekiranya terlibat dengan masalah-masalah ladi.

Sekarang saya beri penjelasan, tidak minta penjelasan, hendak terangkan, hendak beri faham supaya lain kali jangan mengusik penyengat.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, memang ada faktor-faktor yang tertentu yang menjejaskan perbelanjaan sama ada mengurus ataupun pembangunan. Walau bagaimanapun, setahu saya prestasi itu kurang daripada beberapa negeri.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya prestasi di seluruh negara pun termasuk tiap-tiap negeri itu purata

tidak sampai 65%, Itu satu hakikat. Tambahan pula dengan wang yang diperuntukkan daripada Kerajaan Persekutuan untuk Kerajaan-kerajaan Negeri, saya berharap pihak Kerajaan Persekutuan dapat memperketatkan cara-cara, kaedah-kaedah untuk mengutip balik wang ini kerana ada setengah-setengah negeri—ini tidak termasuk negeri Selangor kerana negeri Selangor dapat membayar balik hutang kepada Kerajaan Pusat. Dalam schedule itu mereka mengikut dengan tepat, itu satu usaha yang baik daripada negeri Selangor. Tetapi dari negeri-negeri seperti Perlis, Terengganu—Terengganu walaupun kaya tetapi dia tidak mahu bayar balik, itu satu sikap yang tidak betul. Ahli dari Marang tidak ada, tetapi Ahli dari Arau ada, tidak apalah. Negeri Perlis mengapa bersikap begitu, dia tidak boleh menggunakan kontraktor sekarang, dia hendak menggunakan kontraktor sekarang tetapi mengapa Kerajaan Negeri tidak mahu bayar balik wang hutang kepada Kerajaan Pusat?

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat setujukah dengan saya kalau saya cadangkan supaya pinjaman kepada negeri-negeri miskin ini kita anggap sebagai grant, tidak payah lagi pinjam, sebab soal negeri miskin, kaya dalam Malaysia ini ialah masalah ketentuan yang dibuat sejak daripada penjajah lagi. Katalah ibu negeri Malaysia terletak di Kangar, saya rasa Perlis negeri yang kaya sekarang, di mana nasib baik terletak dalam Selangor, selepas itu sekarang ini Selangor dipisahkan, dibayar pula gantirugi dan sebagainya. Ini adalah masalah Malaysia secara umum.

Macam mana Yang Berhormat, setujukah dengan saya kalau negeri-negeri miskin ini kita kira sebagai grant, kita write-off, negeri-negeri yang kaya yang boleh bayar balik, bayar balik? Macam Perlis sampai hari kiamat pun tidak boleh bayar, untuk pengetahuanlah, kecuali kita ubah ibu

negeri ataupun bandar berkembar dengan Kangar, itu lainlah. Jadi, setujukah dengan saya?

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, memang negeri-negeri seperti Perlis, Kedah, Kelantan perlukan bantuan, perlu projek-projek yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan, tetapi wang yang dipinjam daripada Kerajaan Persekutuan, dia patut bayar balik dengan bunga, dengan faedah. Ini wang rakyat, wang orang Malaysia keseluruhannya. Macam mana boleh kita pinjam wang daripada Kerajaan Persekutuan, tetapi tidak mahu bayar balik kerana dia kata miskin. Itu bukan alasan yang baik. Ini menunjukkan sikap jimat-cermat tidak ada dan sikap kewangan tidak betul.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Penjelasan. Apakah orang Perlis bukan rakyat Malaysia? Ingat orang Kuala Lumpur sahaja rakyat Malaysia ataupun orang Kepong sahaja rakyat Malaysia, orang Perlis juga rakyat Malaysia, malah kami merupakan negeri penampan. Kalau orang hendak serang di sini, kami terpaksa perang dahulu dan sepatutnya kami patut diberi keistimewaan. Kalau ada masalah di sempadan, kami yang menghadapi masalah, orang Kepong duduk senang-senang. Jadi, sepatutnya bunga itu dibayar kepada kami dan bukan kami yang bayar bunga kepada Kerajaan Persekutuan. Faham tidak? Jadi, macam mana pandangan saya?

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, sikap orang Arau ini tidak begitu baik, macam mana boleh, walaupun kita tahu kebanyakan orang-orang Perlis itu baik, rajin, berpe-rangai baik, tetapi ini lidak bermakna Kerajaan Perlis yang sekarang Menteri Besarnya bekas Timbalan Yang di-Pertua, dia tahu caranya, dia tahu jalan yang betul, tetapi sengaja tidak mahu membayar balik. Yang Berhormat dari Arau itu hendak menyokong dia di sini. Saya tidak

berapa faham dengan Yang Berhormat dari Arau itu, dia seorang peniaga yang baik, kontraktor yang baik, dia mesti bayar pinjaman balik dengan tepat, masa, amaun dan sebagainya. Janganlah kita hendak menjadi jaguh untuk sikap yang tidak betul. Lebih dahsyat lagi dengan negeri Terengganu. dia banyak kaya, hasil minyak dan sebagainya tetapi tidak mahu bayar balik.

Saya hendak tekankan di sini kerana itu ada peruntukkan untuk negeri-negeri seperti negeri Perlis; kepada orang-orang Perlis, kita perlulah memperuntukkan perbelanjaan yang wajar, tetapi ini bermakna, negeri Selangor misalnya, kerana dia dekat dengan Pusat, bila Kerajaan memperuntukkan wang untuk memperbesarkan, memperbaiki Lapanganterbang Subang yang juga digunakan oleh Yang Berhormat dari Arau, tetapi peruntukan itu dimasukkan di dalam peruntukan daripada Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri Selangor.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beri faham kawan saya ini. Tiap-tiap pinjaman dia mesti didasarkan kepada kedudukan projek yang digunakan untuk pinjaman. Misalnya Perlis pinjam untuk SEDC untuk membuat kilang simen, takkan kita hendak gunakan sumber lain. Seperti juga Terengganu dia pinjam untuk buat PERWAJA, tunggulah PERWAJA untung, baharu kita bayar balik, gunakan projek yang berkenaan, bukan kita pinjam hendak buat lain daripadaitu, itu kena faham. Timbalan Menteri Kewangan tadi dia sebut, malu kita, baiklah saya berterus terang. Kita pinjam berdasarkan kepada projek yang berkenaan, bagaimana kita hendak guna duit lain untuk membayar pinjaman. Sebab itu pinjaman sentiasa dijadual semula untuk dibayar balik berdasarkan kedudukan projek yang berkenaan. Kalau projek itu lingkup, macam mana kita hendak bayar. Fikir habis-habis sebelum bercakap. Saya

ingat baca buku Rang Undang-undang ini dan baca elok-elok mengapa terjadi masalah ini. Demikian juga Terengganu, fasal PERWAJA, kalau saya tidak silap, dia sudah untung, kita boleh bayar balik. Dia tidak baca buku ini. Ini Laporan 1985, Laporan 1989 dia bukan tahu. Jadi, kena baca elok-elok. Yang Berhormat dari Tanah Merah sudah hadir, sila dengar Yang Berhormat dari Kelantan sebentar lagi.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Arau ini dia mempunyai sikap yang tidak begitu wajar. Dia melihat daripada satu sudut sahaja, dari segi prinsip, siapa sahaja pinjam wang hendaklah membayar balik dengan bunga, dengan faedah. Jadi, bukan sahaja projek simen di negeri Perlis, pinjaman untuk perumahan begitu juga, untuk bekalan air pun begitu juga. Janganlah kita hendak sentiasa berkata kerana projek itu tidak untung, tidak mahu bayar balik. Kebanyakan pinjaman, Tuan Yang di-Pertua, untuk projek-projek perumahan murah, untuk bekalan air, pihak Yang Berhormat Arau tidak begitu faham mengenai isu kewangan di negeri-negeri, Kalau tidak faham susahlah hendak bincang. Dia minat dengan projek, dengan kontrak, dengan simen sahaja.

**Tuan Shahidan bin Kassim:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Sudahlah Yang Berhormat.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Penghabisan sekali. Saya hendak bercakap kepada penjual ubat. Orang yang jual ubat juga tidak faham masalah yang saya hendak cakap ini. Dia bukan erti masalah kewangan. Saya sudah cakap tadi, macam projek Bank Dunia hendak membina projek MADA dan KEMUBU, kita menggunakan peruntukan itu untuk membayar balik kepada Bank Dunia. Kita tak menggunakan sumber lain, Ini masalah kewangan yang paling simple

saya hendak terangkan. Jangan hanya cucuk orang sahaja, kena tahu juga masalah beli ubat berapa harga, baru tahu untung—jangan beri free selalu, kalau orang DAP beri free, kalau orang Barisan Nasional mahal sedikit. Tidak boleh, kena beri sama rata. Jadi, masalah kewangan sekarang, kita bayar berdasarkan kepada projek.

Contohnya, FIMA di bawah Kementerian Perusahaan Awam. FIMA sekarang ini ada dua tiga projek untung, dan dua tiga projek rugi. Sekarang ini dia bayar balik berdasarkan kepada projek yang berkenaan dan dia dijadualkan semula dari satu masa ke satu masa. Itu bukan pemahaman, itu adalah prinsip kewangan. Lepas ini saya ingat tidak payah sebut Arau lagi, sebab Arau boleh berhujah bila-bila pun. Lepas ini kita lawan dengan tajuk yang bagus fasal banking, yang ini saya ingat tidak payah, kerana semua orang sudah faham.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya yang saya sebut itu berdasarkan kepada hakikat bahawa ada beberapa negeri yang tidak mahu atau sengaja tidak mahu membayar balik hutang. Yang Berhormat dari Arau bila balik ke negeri sendiri berbincang dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk memahami amaun yang tidak dapat dibayar balik walaupun di re-schedule dan sebagainya, bila dia faham, saya berharap dia dapat mendesak pihak Menteri Besar negeri Perlis, dan juga untuk Yang Berhormat dari Tanah Merah mendesak kepada Menteri Besar di Kelantan dan juga Yang Berhormat dari Marang mendesak Menteri Besar di Negeri Terengganu untuk membayar balik hutang kepada Kerajaan Persekutuan. Itu satu usaha hendaklah diambil daripada pihak yang berkenaan untuk memenuhi hasrat Kerajaan untuk mempunyai prestasi kewangan yang lebih baik bagi mengurangkan hutang Kerajaan

Negeri kepada Kerajaan pusat dan kawalan perbelanjaan mengurus dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya Kerajaan boleh menyampok dengan mengatakan baki wang menunjukkan kecekapan perbelanjaan dan sikap berjimat cermat, akan tetapi dengan membisu sahaja mengenai perbelanjaan yang sebenarnya, seperti yang tercatat dalam akaun awam dan seterusnya, membiar rakyat jelata menganggap jumlah perbelanjaan sebenar adalah seperti yang direkodkan dalam Belanjawan Persekutuan adalah perbuatan tidak jujur mahupun beramanah. Sekalipun wang tidak sia-sia dibelanjakan oleh Kerajaan namun dasar Kerajaan membisu alau langsung tidak menarik perhatian orang ramai kepada perbelanjaan seperti mana yang direkodkan oleh Akauntan Negara hanya menimbulkan syak wasangka kita terhadap pertanggungjawapan kewangan Kerajaan. Tambah pula, Tuan Yang di-Pertua, kalau wang yang diperuntukkan untuk maksud-maksud tertentu dan tidak dapat digunakan dengan tepat dan berkesan, ini bermakna projek-projek yang lain tidak dapat diadakan dan ini merupakan satu kerugian kepada rakyat dan juga merupakan satu ketidakcekan Kerajaan di dalam belanjawan.

Tuan Yang di-Pertua, saya nampak wang banyak juga diminta untuk pelancongan. Walaupun ada publisiti yang banyak mengenai pelancongan, saya hendak menekankan di sini sekiranya pihak Kerajaan dan Kementerian Pelancongan itu serius untuk menarik para pelancong ke negara ini maka beberapa perkara hendaklah diambil perhatian. Yang pertamanya, pencemaran di sekitar pantai dan sebagainya saya nampak kadangkala air kotor daripada longkang dan sebagainya mengalir masuk ke laut melalui pantai di kawasan-kawasan peranginan. Jadi, ini

satu perkara yang tidak sepatutnya dibiarkan sahaja dan satu langkah yang tegas perlulah diambil walaupun yang terlibatnya negeri-negeri masing-masing. Kita hendaklah mempunyai cara-cara penguatkuasaan yang lebih berkesan untuk mencegah, mengurangkan pencemaran laut pantai Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai penyelenggaraan hotel-hotel, terutamanya tandas-tandas di kawasan-kawasan peranginan, perkara ini perlulah diambil perhatian dengan baik supaya pihak pelancong yang melawat ke Malaysia tidak mengalami pengalaman yang tidak baik di dalam perjalanan ke Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai wang yang dibelanja untuk CHOGM yang lebih daripada \$36 juta yang diminta di sini, walaupun ada usaha-usaha termasuk tebatan air di Wilayah Persekutuan, satu usaha yang baik, itu saya setujui, walau bagaimanapun ini tidak semestinya Kerajaan hanya memperindahkan kawasan-kawasan untuk CHOGM sahaja. Sebenarnya perkara seperti ini, iaitu usaha untuk memperindahkan Kuala Lumpur dan kawasan-kawasan lain hendaklah dijalankan sepanjang masa, bukan untuk CHOGM sahaja. Kalau begitu, lain kali tidak ada CHOGM, jadi kawasan-kawasan di Wilayah Persekutuan dan sebagainya menjadi kotor pula. Jadi, kemudahan-kemudahan mestilah diperuntukkan, diadakan walaupun bukan musim CHOGM. Sekarang panas dengan musim CHOGM. Nampaknya Yang Berhormat dari Arau pun berminat dengan CHOGM juga.

Tuan Yang di-Pertua, segala perbelanjaan yang dibuat oleh Kerajaan termasuk yang dibiayai melalui pinjaman akhirnya juga ditanggung oleh rakyat. Oleh itu, rakyat berhak untuk menerima penjelasan daripada Kerajaan mengenai perkara-perkara yang diterbitkan oleh saya tadi, iaitu

Kerajaan merekod perbelanjaan sebenar dalam Buku Belanjawan Persekutuan yang tidak selaras dengan pandangan yang diberi daripada akaun awam dan cara bagaimana wang peruntukan berlebihan dimasukkan dalam buku kira-kira dan seterusnya kesan baki wang terhadap pembentangan belanjawan tahun seterusnya. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran);** Yang Berhormat dari Lembah Pantai.

6.25 ptg.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah (Lembah Pantai):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil perhatian berhubung dengan Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1988 dan 1989 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun-tahun yang tersebut itu.

Tuan Yang di-Pertua, perbelanjaan tambahan bagi tahun 1988 yang dikehendaki \$20,771,000 dikehendaki untuk diluluskan di dalam Dewan yang mulia ini dan perbelanjaan tambahan bagi tahun 1989 yang dikehendaki \$151,816,309 yang dikehendaki diluluskan dalam Dewan ini bagi perbelanjaan tambahan bagi tahun 1989.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengucapkan terima kasih dan juga untuk pandangan dengan hal keadaan perbelanjaan yang diminta oleh pihak Kerajaan kita. Di samping itu, saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kerana dalam perbelanjaan-perbelanjaan ini sebagaimana di dalam Kertas Perintah No. 21 Tahun 1989 dan juga Kertas Perintah No. 21A Tahun 1989, Memorandum Perbendaharaan mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama Tahun 1989 bagi Kerajaan Malaysia.

Setelah saya baca sebentar tadi berhubung dengan peruntukan-peruntukan yang diberi di Wilayah Persekutuan ini, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Kerajaan, rasa saya perbelanjaan ini diberi adalah disebabkan kerana kita akan mengadakan Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) di sini, ini perbelanjaan-perbelanjaan yang telah diberi kepada kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal perbelanjaan-perbelanjaan ini, sebagaimana yang disebutkan tadi, saya ingin minta izin supaya saya dapat daripada satu ke satu dalam soal yang bersangkutan di dalam Wilayah Persekutuan ini. Umpamanya, projek 303600 Pengawalan Penempatan Setinggalan Wilayah Persekutuan yang diminta telah pun dipersetujui sebanyak \$1 juta, iaitu tambahan sebanyak \$1 juta adalah untuk pembinaan rumah-rumah panjang bagi menempatkan setinggalan yang menduduki tanah Kerajaan supaya projek-projek dapat dilaksanakan di atas tanah berkenaan. Ini juga telah pun diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi berhubung dengan beruntukan-peruntukan yang berkenaan.

Di sini berhubung dengan rumah panjang ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan supaya setinggalan-setinggalan itu yang Tuan Yang di-Pertua sendiri tahu mereka ini telah pun duduk di kawasan-kawasan setinggalan tersebut ada yang telah 50 tahun, ada yang 90 tahun telah duduk yang mana mereka ini telah meneroka tanah-tanah tersebut, tetapi apabila pihak Kerajaan, Dewan Bandaraya ataupun pihak swasta memindahkan mereka ini, mereka ini ditempatkan di rumah-rumah panjang kononnya dengan penempatan rumah panjang ini sehingga rumah-rumah flat ataupun sebagainya akan didirikan mereka akan dipulangkan balik ke tempat-tempat ini. Ini memanglah kehendak kita semua. Tetapi apa yang saya dapat

tahu apabila perkara-perkara ini berlaku, penduduk-penduduk yang berkenaan meminta kepada pihak Kerajaan ataupun pihak swasta supaya sedikit-sebanyak dapat diberi gantirugi kepada mereka.

Sekarang ini mereka dipindahkan tidak ada satu sen pun diberikan gantirugi walaupun rumah mereka itu besar, rumah limas sekarang, kerana mereka itu mendirikan lebih awal dahulu, tanah-tanah tersebut ada tanah TOL, tanah sementara pada masa itu, tetapi sekarang telah pun dijadikan tanah biasa oleh pihak Kerajaan dan rumah-rumah mereka itu besar tetapi oleh kerana penempatan-penempatan ini tidak diberi peruntukan-peruntukan yang lain ataupun saguhati ataupun pampasan sedikit-sebanyak. Hanya mereka ini selepas itu dipindahkan ke rumah pangsa dan mereka ini akan diberikan tawaran rumah kos rendah \$25,000, selepas itu tidak ada apa-apa yang lain.

Oleh itu, dalam keadaan ini saya menyeru kepada pihak Kerajaan di dalam soal ini supaya menirnbangkan kepada mereka yang tidak bernasib baik ini kerana mereka ini golongan yang miskin supaya dapat digantirugi kepada mereka ini sedikit-sebanyak. Ini rasa saya akan meringankan lagi beban mereka. Jikalau sekiranya mereka itu hendak membeli rumah kos rendah ini, umpamanya \$25,000 dapat juga mereka ini membayar wang pendahuluan, sama ada 10% ataupun 20% dari wang pampasan yang diberi ini. Tidak sebagaimana yang telah lalu, mereka ini pergi begitu dan habis, kadangkala mereka hendak membayar wang pendahuluan sehinggakan mereka kadangkala lari duduk di kawasan-kawasan setinggan semula ataupun lari di Wilayah ini tidak ada tempat, mereka itu lari di Selangor ataupun di tempat-tempat yang lain. Oleh itu, dalam keadaan ini saya mengharapkan supaya pihak Kerajaan yang berkenaan supaya menelitikan.

Soal yang lain ialah Program Nadi yang mana ditambahkan \$300,000 di sini. Pihak Kerajaan hendak mengadakan, dikatakan di sini, kursus untuk ketua-ketua kampung, memasang main pipe dan sebagainya untuk kampung-kampung tradisional dan seterusnya di Kuala Lumpur khususnya di Kampung Segambut dan menyediakan jalan-jalan kampung tradisi dan setinggan di Kuala Lumpur. Ini juga kita ucapkan terima kasih. Tetapi dalam masalah ini saya mengharapkan supaya sekarang ini pihak Dewan Bandaraya sendiri dan juga pihak Kerajaan Negeri Selangor tidak lagi menggalakkan ataupun tidak membenarkan iaitu paip-paip air yang dipasang dahulunya stand pipe percuma yang mereka itu dapat minum air dengan percuma dengan berebut-rebut pun tidak mengapalah sampai pukul 3.00 pagi dan seterusnya tetapi sekarang ini pihak Kerajaan telah memotong paip-paip tersebut.

Ada kalanya dipotong itu tanpa memberitahu kepada penduduk itu sampai tiga hari, empat hari terpaksa mereka ini tidak berair, kadangkala ini menyusahkan juga kepada penduduk-penduduk yang berpendapatan rendah yang mana mereka ini duduk di atas bukit. Kalau di bawah bukit atau di tepi sungai kemungkinan boleh gali perigi dan seterusnya. Tetapi di atas bukit bagaimana mereka ini untuk mendapatkan air? Oleh itu dalam keadaan ini kita mengharapkan pihak Kerajaan kerana mereka ini juga memberi pertolongan kepada kita, apabila pilihanraya dan seterusnya diadakan mereka ini menolong pihak Kerajaan. Ini saya harapkan kepada pihak yang berkenaan khasnya Jabatan Kerja Air apaiiah salahnya air itu tidak pun kena bayar hanya yang bayar ialah paip dan seterusnya yang menyalurkan air itu sahaja, air itu adalah datang daripada air yang ditakung, tetapi dalam masalah ini berilah kemudahan kepada mereka ini supaya bekalan air ini tidak dipotong dan diteruskan sebagaimana yang telah lalu air paip ini

diberi percuma kepada penduduk-penduduk yang berkenaan.

Soal yang lain iaitu jalan-jalan dan jambatan-jambatan di Butiran (Projek) 04600 ini dengan peruntukan \$5.4 juta bagi 3 projek yang dilaksanakan iaitu Jalan Sambung Sri Hartamas, Persimpangan Bertingkat Sungai Besi (Kuala Lumpur/Seremban) dan Jalan Sambung Segambut Dalam/Sungai Penchala. Selain dari tiga jalan ini ada lagi satu jalan yang kita minta di mana tidak ada peruntukan di sini. Saya menyeru beberapa kali mengenai jalan yang menyambung Segambut ke Kampung Segambut dan juga di luar yang melintasi jalan keretapi yang mana ini amat penting sekali kerana dalam masalah ini sekarang ini mereka menggunakan jalan itu sedangkan jalan yang berkenaan terlalu kecil. Sungguhpun Dewan Bandaraya telah pun menjalankan usaha-usahanya tetapi begitu lambat perjalanan ataupun projek ini dijalankan sedangkan kalau tempat-tempat yang sesuai yang begitu baik umpamanya Sri Hartamas ini dengarnya sahaja, rasa saya kita telah tahu iaitu tempatnya yang emas, yang istimewa, tempat kawasan-kawasan inilah yang didahulukan. Tetapi kawasan-kawasan umpamanya disambung dari Segambut ke Sungai Penchala dan seterusnya belum ada dijalankan sungguhpun ada projek-projek ini.

Oleh itu saya mengharapkan kepada pihak Kerajaan yang berkenaan. Dewan Bandaraya supaya dijalankan seberapa segera yang boleh agar penduduk-penduduk yang berkenaan itu tidak sentiasa bertanya dan menyuarakan perkara-perkara ini lebih-lebih lagi kepada Wakil Rakyat iaitu kawasan ini pun tempatnya adalah di kawasan saya sendiri. Kadangkala saya sentiasa diganggu oleh mereka ini kita terangkan begitu sahaja tidak boleh, mereka hendakkan bagaimana tempat lain boleh, Sri Hartamas boleh, SPK boleh dan seterusnya boleh tetapi

kami bagaimana dianaktirikan, ini yang berlaku yang mana rasa saya sedikit sebanyak terjejas juga pihak Kerajaan kita.

Oleh itu dalam masalah ini supaya diambil kira pihak-pihak yang berkenaan supaya projek-projek yang seumpama ini- dapat dijalankan satu demi satu walaupun tidak dapat dijalankan seberapa segera yang boleh tetapi dijalankanlah sedikit-sedikit umpamanya tadi iaitu jalan berhubung dengan railway gate ini yang merbahayakan sangat kadangkala 20, 30 minit ada kalanya mereka ini untuk bekerja terlambat untuk sampai ke pejabat, ini masalahnya mereka akan menghadapi dan kawasan-kawasan kampung ini sangat perlu. Di samping jalan ini dapat disegerakan ini juga, saya rasa, akan dapat menaikkan taraf hidup penduduk-penduduk kawasan tradisi, kawasan setinggan, kawasan tanah-tanah ini supaya kemungkinan dengan adanya jalan, tanah-tanah berkenaan akan dapat dimajukan dan boleh pihak-pihak yang berkenaan mendirikan rumah di atas tanah mereka yang ada 1 ekar, 1/2 ekar dan 1/4 ekar oleh penduduk-penduduk yang berkenaan.

Satu lagi masalah kompleks perniagaan dan pasar yang mana ini telah pun diuntukkan \$1.4 juta, ini dikatakan akan dibuat untuk Pasar Dato Keramat dan lagi satu tempatnya di pasar baru yang ada sekarang ini dan \$1/2 juta lagi akan dimajukan untuk pasar baru di kawasan Wangsa Maju. Dalam soal ini saya mengharapkan pihak Dewan Bandaraya dan pihak yang berkenaan juga supaya mengutamakan juga kawasan Lembah Pantai sebab hanya satu sahaja pasar yang ada iaitu di Taman Tun Dr Ismail. Kawasan-kawasan Bangsar, Damansara Heights, Pantai dan sebagainya tidak ada pasar sekarang ini. Oleh itu dalam keadaan mereka ini berselerak, berniaga disana dan berniaga di sini dan kadangkala pihak Dewan Bandaraya untuk

mengindahkan terpaksa mereka ini kadangkala disaman, dihalau dan seterusnya tetapi tempat yang sesuai tidak ada. Oleh itu saya mengharapkan supaya pihak yang berkenaan menyediakan satu tempat yang sesuai sebagaimana yang diadakan di kawasan-kawasan yang lain sebagaimana yang diadakan di Pasar Dato Keramat ataupun di Pasar Wangsa Maju. Ini juga patut diadakan di kawasan yang saya sebutkan tadi iaitu di kawasan sepanjang-panjang Jalan Bangsar ataupun yang berdekatan yang lain.

Mengenai program perparitan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, untuk Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Negara-negara Komanwel (CHOGM) saya rasa projek-projek ini adalah disatukan umpamanya membaik pulih sungai, pengindahan sungai dan parit, pembersihan sungai di Wilayah Persekutuan, perparitan dan saluran najis, perparitan dan tambatan banjir di kawasan bandar Kuala Lumpur, rancangan tempatan banjir Kuala Lumpur. Berhubung dengan ini saya sudah cuba lihat tadi. . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, satu minit lagi.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah:** Boleh saya sambung esok, panjang lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Tidak ada masa Yang Berhormat, esok saya ingin minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah:** Oleh kerana perbelanjaan ini lebih kurang ialah \$48 juta semuanya, saya mencadangkan di sini, oleh kerana perparitan ini setiap tahun, setiap masa kita hendak adakan, apa salahnya duit ini tidak kita gunakan untuk parit dan taliair kerana yang menjadikan banjir di Kuala Lumpur ini adalah disebabkan sungai dan juga

setinggalan-setinggalan yang duduk di tepi-tepi sungai, ini yang menghalang. Oleh itu saya mencadangkan supaya kawasan rumah-rumah setinggalan ini digantikan dengan flat dan dengan keadaan ini wang yang kita laburkan ke sungai ini tidak akan kita gunakan lagi, kita akan dirikan rumah-rumah untuk setinggalan, ini lebih menguntungkan lagi dan mengurangkan lagi perbelanjaan. Hanya duit ini digunakan untuk mendirikan flat bukan untuk membesarkan parit dan sebagainya. Apabila flat ini siap, rasa saya masalah perparitan ini tidak akan timbul lagi.

Tuan Yang di-Pertua, itulah cadangan saya dalam masalah perbelanjaan ini. Dengan ini saya menyokong di atas perbelanjaan yang disediakan. Terima kasih.

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Bangun*)

**Tuan Ngoi Thiam Woh:** (*Bangun*)

**Tuan Gerard Math Lee Min:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Tidak ada masa Yang Berhormat, tidak boleh. Masa sudah habis, ini diuntukkan satu hari sahaja mengikut Peraturan 67(5). Saya ingin minta Yang Berhormat Menteri menjawab esok.

## USUL

### PENANGGUHAN MESYUARAT

**Timbalan Menteri Buruh (Dato' K. Pathmanaban):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 16 (3) Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

## UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

### JABATAN PENDAFTARAN NEGARA DI SABAH—KETIDAK- CEKAPAN

6.30 *ptg.*

**Tuan Fung Ket Wing (Sandakan):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini menarik perhatian Dewan ini terhadap aduan-aduan yang diterima daripada orangramai berkenaan dengan permohonan kad-kad pengenalan di Sandakan. Kebanyakan aduan ini adalah berkenaan dengan kelewatan lama dalam pengeluaran kad-kad pengenalan dan perkhidmatan yang tidak cekap yang diberikan oleh Jabatan Pendaftaran Negara.

Saya difahamkan terhadap beberapa kes di mana permohonan telah dibuat seawal empat atau lima tahun dahulu, malahan hingga sekarang pemohon-pemohon tersebut belum lagi dapat kad-kad pengenalan mereka. Pemohon-pemohon ini atau ibu-bapa mereka telah pun berjumpa dengan kakitangan-kakitangan Jabatan Pendaftaran Negara beberapa kali dan selalunya diberitahu dengan alasan bahawa kad-kad mereka belum siap lagi. Dalam kebanyakan kes, tiada catatan dibuat dalam resit sementara untuk menunjukkan terhadap lewatan dalam memproses permohonan-permohonan tersebut. Saya diberitahu bahawa sikap yang ditunjukkan oleh kakitangan-kakitangan Jabatan ini semasa memberi perkhidmatan kepada orangramai juga jauh dari memuaskan. Ada kalanya kakitangan tidak memberi perkhidmatan yang berguna kepada orangramai dan ada kalanya mereka menunjukkan kemarahan apabila diminta menyemak rekod untuk mendapati sama ada kad-kad pengenalan itu telah sampai.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh, saya menyenaraikan nama-nama pemohon dari Sandakan yang belum lagi menerima kad-kad pengenalan mereka sejak tahun 1985 seperti yang berikut:

- (i) Lai Soon Phin—resit sementara beraombor (T/R) FA 207989 bertarikh 29hb Oktober, 1985
- (ii) Chee Nyuk Lin—resit sementara bernombor (T/R) FA 807944 bertarikh 21hb Oktober, 1985
- (iii) Kwan Yok Lee—resit sementara beraombor (T/R) FA 808126 bertarikh 4hb November, 1985.

Disebabkan kelewatan yang begitu lama dalam mengeluarkan kad-kad pengenalan ini, mereka yang mengambil peperiksaan SRP atau SPM menghadapi kerumitan dan dikehendaki mengisi borang-borang tertentu supaya dapat menduduki peperiksaan tanpa menunjukkan kad-kad pengenalan mereka. Mereka yang tidak memahami aturan ini biasanya akan berasa bimbang dan cemas.

Saya juga ingin membangkitkan satu kes di mana seorang bernama Cik Chin Kat Mui di Sandakan yang telah membuat permohonan kad pengenalan pada 14hb November, 1985 bawah resit bernombor (T/R) FA 808309 dan hingga sekarang dia belum lagi dapat kad pengenalannya. Bapanya telah bertanya Pejabat Pendaftaran Negara di Sandakan dan beliau diminta menyemak keputusannya di Kota Kinabalu. Akan tetapi, apabila beliau bertanya Jabatan Pendaftaran Negara di Kota Kinabalu, beliau diberitahu bahawa permohonan anak perempuannya itu tidak pernah diterima oleh jabatan itu. Pemohon ini dikehendaki memohon semula dan beliau berbuat demikian pada 12hb Jun, 1989, bawah resit bernombor (T/R) FA 128687, tetapi diminta membayar wang sebanyak \$32.00 untuk

setem. Yang menghairankan ialah Jabatan berkenaan hanya mencatat \$10.00 sebagai bayaran setem yang diterima di dalam resit T/R yang dikeluarkan kepada pemohon itu. Soalan-soalan yang saya ingin tanya ialah:

- (i) mengapakah wujudnya kelewatan yang begitu lama dalam pengeluaran kad-kad pengenalan?
- (ii) mengapakah permohonan kad pengenalan Cik Chin Kat Mui tidak diterima oleh Jabatan Pendaftaran Negara di Kota Kinabalu?
- (iii) berapakah banyak permohonan-permohonan kad pengenalan tidak dapat diterima oleh Jabatan Pendaftaran Negara di Kota Kinabalu dan mengapakah pemohon-pemohon tersebut tidak diberitahu tentang hal ini dan mereka dihiarkan menunggu sia-sia sahaja.
- (iv) bagaimanakah Jabatan Pendaftaran Negara mengharapkan pemohon-pemohon dari Sandakan pergi ke Kota Kinabalu untuk menyemak keputusan tentang permohonan mereka?

Dalam satu hat yang lain saya telah menulis kepada Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara di Kota Kinabalu dan merujuk kepada satu permohonan penukaran kad pengenalan yang dibuat pada 31hb Oktober, 1983 dan hingga sekarang, saya masih belum menerima apa-apa jawapan. Sungguhpun pemohon berkenaan seringkali telah menyemak dengan Jabatan Pendaftaran Negara di Sandakan, pemohon masih menunggu kad pengenalannya.

Tuan Yang di-Pertua, semua contoh ini telah menunjukkan bahawa Jabatan Pendaftaran Negara di Sabah adalah tidak cekap dan tidak berkebolehan untuk memberi perkhidmatan yang

diperlukan oleh rakyat. Saya berharap Menteri berkenaan akan memandang berat perkara ini dan menyusun semula Jabatan Pendaftaran Negara di Sabah supaya ia dapat menyumbangkan perkhidmatan yang lebih baik dan cekap. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri.

6.36 *ptg.*

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Sandakan kerana telah menyentuh Pejabat Pendaftaran Negara di Sandakan dalam Ucapan Penangguhan beliau. Dalam pada itu, saya ingin menyangkal pendapat beliau bahawa Pejabat Pendaftaran Negara Sabah tidak cekap semata-mata kerana terdapat kelewatan prosesan beberapa kad pengenalan oleh Pejabat Pendaftaran Negara di Sandakan.

Tuan Yang di-Pertua, memang benar berlaku ketewatan prosesan kad pengenalan di seluruh negara di Sabah sebelum tahun 1986. Tetapi semenjak awal tahun 1986 Pejabat Pendaftaran Negara Sabah telah mengambil segala tindakan yang sesuai untuk mempercepatkan prosesan permohonan-permohonan kad pengenalan. Usaha-usaha itu telah berjaya menyelesaikan semua tangguhan permohonan kad pengenalan. Dalam tahun 1989 sehingga 31hb Mei, 1989 Pejabat Pendaftaran Negara Sabah telah menerima 23,063 permohonan kad pengenalan mengikut pecahan berikut:

- (i) 5,668 permohonan dibawa dari tahun 1988;
- (ii) 7,623 permohonan kad pengenalan keluaran pertama yang diterima antara 1hb Januari, 1989 hingga 31hb Mei, 1989;

- (iii) 9,772 permohonan gantian kad pengenalan kerana hilang atau rosak yang diterima antara 1hb Januari, 1989 hingga 31hb Mei, 1989.

Dari jumlah 23,063 permohonan ini Jabatan Pendaftaran Negara Sabah telah siap memproseskan 15,533 permohonan sehingga 31hb Mei, 1989, baki 7,530 permohonan dijangka akan dapat diselesaikan dalam tempoh tidak melebihi tiga bulan daripada sekarang. Berdasarkan kepada pengalaman Pejabat Pendaftaran Negara Sabah, sebilangan pemohon kad pengenalan tidak mengambil kad pengenalan mereka yang siap setelah diberitahu untuk berbuat demikian melalui:

- (i) cop peringatan pada dokumen kad pengenalan sementara;
- (ii) penghantaran surat pada pemohon;
- (iii) penerangan melalui media massa setempat;
- (iv) hebahan oleh Jabatan Kerajaan dan pemimpin masyarakat setempat.

Sehingga 20hb Jun, 1989 sejumlah 1,501 kad pengenalan di Kota Kinabalu dan 1,427 di Sandakan yang telah siap diproses masih belum diambil oleh pemohon-pemohon berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, kelewatan memproses kad pengenalan oleh Pejabat Pendaftaran Negara sering berlaku disebabkan oleh faktor-faktor berikut:

- (i) Borang permohonan tidak lengkap diisi oleh pemohon.

- (ii) Pemohon tidak segera menjawab pertanyaan yang dibuat oleh Pejabat Pendaftaran Negara.

- (iii) Pemohon tidak memberi alamat tempat tinggal yang betul dan ini mengagalkan usaha Pejabat Pendaftaran Negara untuk menghubungi pemohon.

- (iv) Pemohon tidak memberitahu Pejabat Pendaftaran Negara apabila mereka berpindah alamat tempat tinggal.

Mengenal kelewatan menyelesaikan permohonan kad pengenalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ahli dari Sandakan, saya telah mengarahkan supaya perkara ini disiasat dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, cekap atau tidaknya sesuatu organisasi bergantung kepada pencapaian objektif organisasi itu secara keseluruhan. Justeru itu, adalah tidak tepat bagi kita mengukur kecekapan Pejabat Pendaftaran Negara Sabah hanya dengan berasaskan kepada aduan kelewatan memproses beberapa kad pengenalan.

Jika ditinjau secara objektif ke atas keseluruhan pencapaian objektif Pejabat Pendaftaran Negara Sabah dalam konteks perkhidmatannya kepada masyarakat yang merangkumi permohonan kerakyatan, pendaftaran kelahiran dan kematian, pendaftaran perkahwinan dan anak angkat adalah didapati bahawa pejabat itu adalah satu pejabat yang berjaya melaksanakan fungsinya dengan cekap dan berkesan. Ini terbukti oleh perangkaan seperti berikut:

Jenis Pendaftaran	Jumlah Permohonan yang diterima dari awal operasi sehingga 31-5-89	Jumlah permohonan yang diselesaikan sehingga 31-5-89	Jumlah permohonan yang belum diselesaikan pada 31-5-89
Kewarganegaraan.. .. .	53,042	52,268-98.54%	774-2.46%
Daftar Lewat Kelahiran.. .. .	40,319	35,856-88.93%	4,463-11.07%
Pendaftaran Anak Angkat .. .. .	1,093	1,093-100 %	—
Perkahwinan .. .. .	18,130	17,973-99.13%	157-0.87%

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Satu minit lagi, Yang Berhormat.

**Dato Megat Junid bin Megat Ayob:** Jadi, dari keadaan fakta-fakta yang saya telah menyatakan keseluruhannya Jabatan ini telah menjalankan tugas dengan baik. Sekian, terima kasih.

#### AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI—MEMANSUHKAN

6.44 ptg.

**Tuan R. Karpal Singh (Jelutong):** Tuan Speaker, Kerajaan patut memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri. Tuan Speaker, Akta "haram" ini ada berkuatkuasa semenjak 1hb Ogos, 1960 iaitu apabila Akta "haram" ini diisytiharkan sebagai Statue dalam perkara ini.

Dalam fikiran saya, Tuan Speaker, tidak ada justifikasi untuk ada suatu undang-undang seperti ISA dalam negara ini.

Tuan Speaker, ISA adalah suatu undang-undang yang bertentangan dengan rukun undang-undang, hak asasi manusia dan principle of democratic government, dengan izin.

Malangnya, Tuan Speaker, hakim-hakim dalam negara ini termasuk Mahkamah Agung tidak berani untuk beri keputusan bahawa Akta ini tidak sah. Ada komen dari bekas Lord President, Tun Salleh Abas, undang-undang ini unpopuler tetapi oleh kerana ada undang-undang mahkamah tidak ada jalan lain tetapi berkuatkuasa isi kandungan undang-undang itu.

Tuan Speaker, undang-undang ISA ada disalahgunakan oleh Kerajaan semenjak undang-undang ini dikuatkuasakan pada 1hb Ogos, 1960.

Tuan Speaker, baru-baru ini—bukan sahaja baru-baru ini, sudah lama sejak "Operasi Lalang," iaitu Oktober, 1987, banyak mangsa yang ada ditahan di bawah Akta ini

termasuk saya sendiri ada menjadi mangsa di bawah satu undang-undang yang tidak boleh ada justifikasi dan Tuan Speaker, jikalau saya boleh quote dari satu buku yang baru-baru ini dikeluarkan iaitu "The First 60 Days" oleh Yang Berhormat Ahli dari Kepong Dr Tan Seng Giaw, ada salahgunaan kuasa oleh Polis, oleh Cawangan Khas apabila tahanan di bawah Seksyen 73 berkuatkuasa sampai 60 hari. Ada banyak mangsa yang ada dipukul oleh Polis dan celaka Polis ini sampai hari ini pun tidak ada jawab kepada siapa-siapa pun.

Tuan Speaker, dalam fikiran saya Ketua Polis Negara tentu tahu oleh kerana ini bukan satu rahsia. Ini satu perkara dalam mana ada bukti, ada buku ini dan di dalam buku ini ada contoh-contoh yang telah diberikan oleh Yang Berhormat dari Kepong dan saya rnerayu kepada Timbalan Menteri yang ada di sini dan juga Ketua Polis Negara untuk baca isi kandungan buku ini dan saya bagi contoh yang ada dalam buku ini, jikalau saya boleh bacakan dalam bahasa Inggeris iaitu di bawah tajuk "Chow Chee Kong".

"Chow Chee Kong is a Drainage and Irrigation Department engineer. He was arrested on the 28th of October 1987. For the first few days he was forced to do strenuous exercise for long periods. As a result his whole body ached. He was also forced to stand on one leg with his arms outstretched and head bent backwards for long period until he collapsed on to the floor. Immediately the police officer would kick him—*celaka* ini—would kick him and again made him stand on one leg. This was repeated many times.

Chee Kong had also to do push ups until collapsed on the floor. He was forced to walk blind-folded towards the wall and knocked himself against it. This was repeated many times. Police officers stamped on his toes and fingers

causing excruciating and prolonged pain.

Either naked or half-naked, Chee Kong was made to stand in front of very cold airconditioners many times over several days. On one occasion the police officer doused him with very cold water before forcing him to stand in front of the air-conditioners.

Once Chee Kong was stripped naked while a police officer rolled up a bundle of newspapers, lighted one end and threatened to burn his genitals, bringing the fire close to him.

On another occasion Chee Kong was forced to recite a Buddhist chant, at the same time a police officer rolled a piece of newspaper into a cone, placed it at his ears and shouted abusive language like "Babi China" and "Balik Tongsan".

Once police officer abused Chee Kong by stating that he will go to England and make sexual advances to his wife—another *celaka*.

There were even threats to take his life. Interrogations lasted more than 10 hours with only one or two short breaks of 30 or 45 minutes everyday.

After 29 days in detention he was allowed to see his family.

It was under such harsh and oppressive circumstances that he was requested to make statements. The statements were incriminating but did not represent the truth."

Di bawah tajuk, Tuan Speaker, "Patricia Lourdes Irene". . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Satu minit lagi.

**Tuan R. Karpal Singh:** Ada banyak contoh lagi, Tuan Speaker.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Tidak boleh.

**Tuan R. Karpal Singh:** Perempuan ini, on the 9th day after her arrest.

I.O.—I.O. means investigating officer or may be interrogating officer—Inspector Azmi used a stick measuring 1 cm x 4 cm x 1.2 metres to beat her on the legs and soles of her feet several times. He also slapped Patricia on the face with the back of his hand. While doing so, he abused her verbally and even threatened to strip her naked just as he had done to Sabil John Joseph.

Tuan Speaker, jikalau Akta Keselamatan Dalam Negeri ini tidak haram, apa yang ada dalam buku ini tidak boleh terjadi oleh kerana pegawai polis seperti yang ada dinamakan dalam buku ini tidak boleh dapat kuasa untuk buat apa yang tidak ada justifikasi.

Tuan Speaker, dalam fikiran saya Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) ini sepertimana yang saya cakap tadi ialah satu Akta haram dan harus di mansuhkan dengan sertamerta.

Terima kasih. (*Tepuk*)

6.52 *ptg.*

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu lagi sekali pihak saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada wakil dari Jelutong yang telah membawa perkara ini dalam Dewan yang mulai ini.

Saya tidak mahu komen bahawa ada Akta haram dan ada Akta yang dikatakan Akta halal kerana semua Akta adalah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

Akta Keselamatan Dalam Negeri sentiasa diperlukan bukan sahaja pada masa yang lampau tetapi juga pada hari ini dan akan datang. Akta Keselamatan Dalam Negeri akan sentiasa diperlukan selagi rakyat mencintai keamanan dan kesejahteraan.

Akta Keselamatan Dalam Negeri diwujudkan bukanlah untuk kepentingan individu, parti, kaum atau golongan tertentu tetapi adalah untuk

setiap rakyat jelata di negara ini. Ini boleh dilihat pada tujuan ISA diwujudkan iaitu:

- (1) Akta Keselamatan Dalam Negeri adalah bertujuan untuk menjamin agar keselamatan negara sentiasa terjamin. Dengan itu rakyat sentiasa hidup dalam keadaan aman dan harmoni dan terpelihara dari rasa takut dan gelisah.
- (2) Akta Keselamatan Dalam Negeri juga boleh menjamin bahawa kedaulatan negara dan keutuhan Kerajaan yang dipilih secara sah oleh rakyat sentiasa terpelihara dari ancaman digulingkan oleh segelintir kecil pengkhianat-pengkhianat negara yang cuba menggulingkan Kerajaan dengan secara kekerasan dan luar Perlembagaan.
- (3) Akta Keselamatan Dalam Negeri boleh membendung rakyat dari dipengaruhi oleh anasir-anasir subversif, ekstrimis agama dan perkauman yang bertujuan untuk menimbulkan huru-hara di kalangan rakyat. Dengan tindakan dan langkah-langkah pencegahan yang dibuat ke atas golongan-golongan ini maka pengaruh mereka dapat dibendung dan dikawal dari merebak.
- (4) Akta Keselamatan Dalam Negeri juga membantu pasukan keselamatan negara untuk menjalankan tugasnya bagi mematahkan peperangan insurgency dan pemberontakan. Ini dapat dilihat dengan kuasa yang diberi di bawah Seksyen 47 Akta Keselamatan Dalam Negeri kepada Yang di-Pertuan Agong untuk mengisytiharkan kawasan keselamatan. Melalui pengisytiharan kawasan-kawasan keselamatan, pihak berkuasa dapat mengasingkan

atau, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, isolate musuh-musuh daripada rakyat dan menyekat saluran-saluran bantuan makanan atau maklumat supaya memudahkan lagi pasukan-pasukan keselamatan negara menjalankan operasi-operasi terhadap musuh. Sungguhpun ancaman dari komunis dan subversif pada masa ini adalah menurun namun ianya adalah satu ancaman yang berterusan. Kerajaan tidak seharusnya leka tetapi perlu berwaspada terhadap ancaman ini.

- (5) Akta Keselamatan Dalam Negeri bertujuan untuk menjamin agar penyenggaraan perkhidmatan-perkhidmatan perlu yang disebutkan dalam Jadual Ketiga kepada Akta itu adalah sentiasa terpelihara. Ini adalah kerana jika perkhidmatan-perkhidmatan perlu tersebut terjejas maka ianya akan melumpuhkan jentera pentadbiran negara, akibatnya rakyat jelata sendirilah yang akan mengalami kesusahan. Keadaan begini akan memberi peluang kepada pihak-pihak dan golongan-golongan yang tidak bertanggungjawab untuk mengambil kesempatan menanggung di air keruh.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah negara yang mempunyai latarbelakang masyarakat yang berbilang kaum, agama dan kebudayaan, negara kita sentiasa terdedah kepada berbagai-bagai bentuk ancaman baik dari dalam atau luar yang boleh mengganggu-gugat keharmonian dan ketenteraman awam serta menimbulkan berbagai-bagai mudarat kepada keselamatan negara.

Sebagai sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab, Kerajaan sentiasa memberi keutamaan terhadap kewajipan memelihara ketenteraman awam dan keselamatan negara kerana

ianya adalah asas yang amat penting yang dapat menjamin bahawa negara kita dapat terus maju dan berkembang di bidang pembangunan sosio-ekonomi demi kesejahteraan hidup rakyat. Dengan demikian soal keselamatan ini adalah satu yang Kerajaan tidak dapat berkompromi dengan mana-mana pihak jua pun. Sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat, Kerajaan tidaklah tunduk atau bertindak berdasarkan tekanan dari mana-mana pihak sama ada dari dalam atau luar negeri bersabit dengan kewajipan utamanya dalam memelihara keamanan dan kestabilan negara.

Berdasarkan fakta-fakta yang disebutkan di atas adalah jelas menunjukkan bahawa Akta Keselamatan Dalam Negeri ini perlu diwujudkan dan dikekalkan di negara ini kerana ianya mengandungi falsafah keselamatan dan kesejahteraan yang amat luas dan bermanfaat untuk negara dan rakyat negara ini. Dengan demikian soal memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri sepertimana yang disentuh dalam Ucapan Penangguhan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong adalah tidak timbul. Namun begitu, pihak saya dan pihak Kementerian Dalam Negeri akan mengambil berat atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli

Yang Berhormat dari Jelutong tadi terutama dari segi perkara-perkara yang ditohmah bahawa tidak wujud peri kemanusiaan dan sebagainya, ini akan diambil perhatian yang serius. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Yjjandran): Ahli-ahli Yang Berhormat. sekarang saya kemukakan usul yang berbunyi:

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 16 (3) Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 16 (3) Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.58 petang.*